Bab empat akan membentangkan dan membincangkan hasil dapatan kajian sama ada mencapai atau tidak objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil keputusan analisis yang dijalankan telah diringkaskan dalam bentuk jadual bagi memudahkan perbincangan dijalankan. Bagi kajian ini terdapat tiga model penganggaran utama dibentuk maka perbincangan juga turut melibatkan ketiga-tiga model ini. Dalam bab ini juga turut dibentangkan ringkasan pengujian hipotesis bagi kajian ini.

Akhir sekali, adalah bab lima yang membincangkan dan membuat kesimpulan secara keseluruhan hasil dapatan kajian ini dalam sebelumnya iaitu bab empat. Selain itu, bab ini juga mengemukakan berberapa cadangan penambahbaikan bagi kajian yang dijalankan ini. Seterusnya bab ini turut membincangkan secara keseluruhan kajian ini sama ada ianya telah mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan atau sebaliknya.



1.14 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan dan skop kajian yang dijalankan. Selain itu, turut dibincangkan maksud-maksud definisi operasional yang terdapat dalam kajian ini. Para pelabur dan bakal pelabur perlu peka dengan faktor-faktor yang dapat memberikan kesan kepada pulangan pelaburan mereka seperti faktor makroekonomi dan harga minyak mentah dunia. Hal ini kerana faktor-faktor makroekonomi dan harga minyak mentah dunia ini sukar dikawal dan mampu memberikan kesan kepada pasaran sektor sesebuah negara. Seterusnya ianya menjadikan pelaburan para pelabur





merupakan pelaburan yang berisiko. Perbincangan lanjut akan di bincangkan pada bab-bab seterusnya.





BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan



Bab ini membincangkan secara terperinci kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu berkaitan dengan pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar dalam kajian ini. Antara yang dibincangkan dalam bab ini ialah peranan pasaran saham terhadap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Selain itu, kesan turun naik kadar pertukaran asing, kadar inflasi dan juga harga pasaran minyak mentah dunia ke atas pasaran saham sesebuah negara juga turut di bincangkan.





2.2 Teori *Capital Asset Pricing Model* (CAPM)

CAPM menunjukkan harga keselamatan dengan menyediakan satu ungkapan bahawa pulangan dijangka keselamatan yang bergantung kepada risiko sistematik. Dengan kata lain, CAPM berfungsi sebagai alat untuk mengira jangkaan pulangan saham kepada risiko sistematik ke atas kadar bebas risiko. Pengiraan pulangan dijangka adalah berdasarkan kovarians purata pulangan aset dengan portfolio pasaran yang benar-benar dan terdiri daripada pelbagai aset dalam pasaran kewangan (Sharpe, 1964; Lintner, 1965). CAPM merupakan penambahbaikan daripada model makrowitz yang telah diperkenalkan Harry Markovitz pada 1959. Menurut Fama dan French (2004) CAPM ini telah diperkenalkan oleh William Sharpe (1964) dan John Lintner (1965). Selain itu, model CAPM ini juga menerangkan bahawa terdapat dua jenis risiko yang wujud dalam



pelaburan aset atau saham. Risiko pertama ialah risiko sistematik yang mana ianya dapat diukur melalui nilai pekali beta. Risiko yang pertama ini dapat mempengaruhi pulangan pasaran saham secara langsung. Manakala risiko yang kedua ialah risiko tidak sistematik yang mana ianya tidak dapat diukur dan dapat mempengaruhi secara tidak langsung terhadap pulangan pasaran saham. CAPM juga menunjukkan bahawa setiap peluang pelaburan adalah pada harga yang diketahui umum kerana terdapat maklumat yang jelas berkaitan harga (Kumar et al., 2006). Berikut merupakan persamaan bagi teori CAPM:

$$E(R_i) = R_f + \beta_i [E(R_m) - R_f]$$





Di mana $E(R_i)$ merujuk kepada jangkaan pulangan pasaran, R_f pula merujuk kepada jangkaan pulangan pasaran pada risiko bebas dan $E(R_m)$ merujuk jangkaan pulangan risiko. β_i pula merupakan nilai pekali beta yang menunjukkan risiko sistematik pasaran saham. Nilai beta melebihi satu ($\beta > 1$) menunjukkan bahawa risiko lebih tinggi berbanding pulangan pasaran saham dan manakala nilai beta yang rendah daripada satu pula menunjukkan bahawa pulangan pasaran saham lebih tinggi berbanding risiko. Model CAPM ini sering digunakan dalam sektor kewangan bagi tujuan menetapkan sekuriti yang berisiko dan menjana pulangan yang dijangkakan bagi sekuriti yang berisiko.




2.3 Kerangka Teorikal

Asas teori yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan teori *Capital Asset Pricing Model* (CAPM) yang telah diperkenalkan oleh Sharpe (1964) dan Lintner (1965) menurut Fama dan French (2004). Teori CAPM ini digunakan untuk menerangkan hubungan linear antara risiko dan pulangan yang diperlukan bagi aset (Fama & French, 2004). Dalam erti lain teori CAPM ini menyatakan bahawa pasaran saham utama berhubung secara linear terhadap pulangan saham bagi setiap sektor yang ada bagi sesebuah negara. Menurut Fletcher (2007) dalam teori CAPM ini hanya risiko yang sistematik sahaja yang diberikan ganjaran (pulangan yang dijangkakan) kerana risiko ini dapat diukur melalui nilai β . Manakala risiko tidak sistematik pula tidak diberi ganjaran (pulangan yang dijangkakan) kerana ianya tidak dapat diukur. Selain itu, dalam teori CAPM ini juga menyatakan bahawa hanya risiko yang sistematik sahaja



yang dapat mempengaruhi pulangan pasaran saham dan risiko tidak sistematik tidak dapat mempengaruhi pulangan pasaran saham.

Namun, menurut Adler dan Dumas (1984), kadar pertukaran asing juga turut mempengaruhi pulangan saham bagi setiap sektor. Maka kadar pertukaran asing telah dimasukkan sebagai pemboleh ubah dalam kajian ini. Seterusnya berdasarkan kajian-kajian terkini telah didapati bahawa kadar inflasi dan juga harga minyak mentah dunia juga dapat mempengaruhi pulangan pasaran saham bagi setiap sektor. Kajian Schcofman dan Schweitzer (2000) serta Daferighe dan Charlie (2012) menyatakan bahawa apabila berlaku peningkatan kadar inflasi ianya dapat menyebabkan nilai keuntungan sebenar yang di perolehi oleh para pelabur dalam pasaran saham akan menyusut. Harga minyak juga dapat memberikan kesan yang negatif ke atas pulangan pasaran saham bagi negara pengimport minyak dan sebaliknya kesan positif bagi negara pengeksport minyak (Shafi et al., 2015). Disebabkan itu, pemboleh ubah kadar inflasi dan harga minyak mentah dunia turut dimasukkan dalam kajian ini.



Rajah 2.1. Kerangka teorikal kajian yang dijalankan



2.4 Tinjauan Kajian Lepas

Tinjauan kajian lepas bagi kajian ini telah dibahagikan mengikut pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Antaranya ialah pulangan pasaran saham bagi sektor yang merupakan pemboleh ubah bersandar. Kemudian bagi pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada beberapa pemboleh ubah makroekonomi terpilih iaitu kadar pertukaran asing, kadar inflasi dan juga faktor harga pasaran minyak mentah dunia.

2.4.1 Pulangan Pasaran Saham

Pertumbuhan ekonomi dan pasaran saham mempunyai hubungan saling berkaitan antara satu sama lain. Misalnya, menurut Aigbovo dan Izeke (2015), pertumbuhan ekonomi dapat membantu perkembangan pasaran saham dan juga perkembangan pasaran saham dapat membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu. Ini bermakna pasaran saham dapat memberikan kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara dan sebaliknya. Hala tuju ini juga turut didokong oleh Nowbutsing dan Odit (2011) serta Masoud (2013) dalam kajian mereka juga menyatakan yang bahawa wujudnya hubungan yang positif antara pasaran saham dengan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu dalam jangka masa pendek mahupun panjang. Selain itu, pasaran saham boleh membawa kepada perubahan kepada aktiviti ataupun struktur ekonomi bagi sesebuah negara itu (Janor, Halid & Rahman, 2005). Jelasnya, pasaran saham bukan sahaja dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara malahan ianya juga penting dalam menentukan halatuju ekonomi sesebuah negara itu.





Kajian oleh Husain dan Mahmood (2001), mendapati bahawa perbelanjaan penggunaan, perbelanjaan pelaburan, dan aktiviti ekonomi dapat menyebabkan berlakunya perubahan dalam harga pasaran saham di Pakistan. Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan mengkaji hubungan sebab akibat antara harga saham dan pemboleh ubah makro seperti perbelanjaan penggunaan, perbelanjaan pelaburan, dan aktiviti ekonomi. Walaupun hasil ujian kolerasi menunjukkan wujudnya hubungan yang lemah antara harga saham dengan perbelanjaan penggunaan, perbelanjaan pelaburan, dan aktiviti ekonomi, namun wujud pengaruh yang kuat bagi jangka masa yang panjang hasil analisis kointegrasi. Walau bagaimanapun dapatan kajian yang telah menggunakan data tahunan 1959 hingga tahun 1998 juga menunjukkan bahawa pasaran saham di Pakistan tidak boleh dijadikan sebagai penunjuk utama kemajuan ekonomi negara tersebut.



Seterusnya Caporale, Howells dan Soliman (2004) telah menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk mengkaji peranan pasaran saham dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Kajian tersebut telah melibatkan data yang diperolehi daripada tujuh buah negara iaitu Argentina, Chile, Greece, Korea, Malaysia, Philippines and Portugal. Kajian tersebut juga telah menggunakan data yang bermula dari Januari 1977 hingga April 1998. Hasil utama daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa kemajuan pasaran saham mampu menggalakkan atau memacu pertumbuhan ekonomi bagi jangka masa panjang bagi sesebuah negara itu. Model interaksi dinamik telah dibina dan diuji antara pembangunan kewangan, pembangunan pasaran saham dan pertumbuhan ekonomi. Hasilnya, lima daripada tujuh buah negara menunjukkan bahawa wujudnya hubungan sebab dan akibat antara pembangunan pasaran saham dengan pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, dapatan kajian tersebut





juga hanya dua negara yang wujud bukti sebab dan akibat antara kredit dalam negeri dengan pertumbuhan ekonomi. Manakala hanya tiga buah negara sahaja yang menunjukkan wujudnya bukti sebab dan akibat antara deposit bank dengan pertumbuhan ekonomi.

Menurut Janor, Halid dan Rahman (2005), pasaran saham boleh membawa kepada perubahan kepada aktiviti ataupun struktur ekonomi bagi sesebuah negara. Tujuan kajian tersebut dijalankan adalah untuk menyiasat sama ada pasaran saham boleh meramalkan aktiviti ekonomi di Malaysia. Kajian tersebut telah menggunakan Autoregresif Diedarkan Lag (ARDL) dalam menguji sama ada wujud hubungan antara pasaran saham dengan aktiviti ekonomi di Malaysia. Hasil ujian ARDL bagi sub-tempoh Mei 1986 hingga Julai 1998 menunjukkan bahawa pasaran saham telah mempengaruhi aktiviti ekonomi di Malaysia. Manakala berdasarkan ujian yang sama bagi sub-tempoh September 1998 hingga Disember 2004 pula menunjukkan sebaliknya iaitu aktiviti ekonomi telah mempengaruhi pasaran saham di Malaysia. Namun begitu, secara keseluruhan berdasarkan Ujian Kointegrasi Johansen dan VDC (*Variance Decomposition*) menunjukkan bahawa pasaran saham boleh membawa kepada perubahan aktiviti ekonomi di Malaysia dan keadaan ini adalah selari dengan penemuan pengkaji terdahulu.

Hasil dapatan kajian oleh Kanas dan Ioannidis (2010) menunjukkan bahawa pulangan pasaran saham mampu memberikan kesan ke atas pengeluaran perindustrian (IP) bagi negara United Kingdom (UK). Kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara harga saham sebenar dengan aktiviti ekonomi di UK sepanjang tahun 1946 hingga tahun 2002. Hasil daripada kajian tersebut telah didapati





bahawa hubungan antara harga saham sebenar dengan kadar pertumbuhan pengeluaran perindustrian (IP) adalah berbeza mengikut regim. Semasa regim turun naik harga pasaran saham yang rendah menunjukkan wujudnya hubungan sebab dan akibat antara harga pasaran saham dengan pertumbuhan IP. Manakala bagi regim turun naik harga pasaran saham yang tinggi pula sebaliknya iaitu tidak wujud hubungan sebab dan akibat antara harga pasaran saham dengan pertumbuhan IP.

Seterusnya, menurut Nowbutsing dan Odit (2011), wujudnya hubungan yang signifikan dan positif antara pembangunan pasaran saham dengan pertumbuhan ekonomi dalam kedua-dua jangka masa iaitu jangka pendek dan jangka panjang. Kajian itu dijalankan di Mauritius bagi tujuan untuk mengkaji hubungan antara pembangunan pasaran saham dan pertumbuhan ekonomi di Mauritius. Kajian tersebut juga menggunakan data siri masa tahunan sepanjang tempoh dari tahun 1989 hingga tahun 2006. Penemuan daripada kajian tersebut juga menyatakan bahawa pasaran saham menjadi petunjuk kepada keadaan kewangan serta pelaburan bagi sesebuah negara. Di samping itu, hasil dapatan kajian tersebut juga mendedahkan bahawa kemasukkan Pelaburan Langsung Asing (PLA) dan sumber tenaga buruh turut penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi di Mauritius. Namun begitu, disebabkan Mauritius menasarkankan ingin menjadi hab kewangan, pembangunan pasaran saham terus dipergiatkan agar sasaran tersebut dapat dicapai.

Berbeza dengan dapatan Husain dan Mahmood (2001), hasil dapatan kajian Olweny dan Kimani (2011) yang dijalankan di Kenya telah mendedahkan bahawa pergerakan saham di bursa saham Nairobi dapat menunjukkan prestasi ekonomi di Kenya. Di samping itu, ianya juga dapat digunakan bagi meramalkan pertumbuhan





ekonomi bagi masa hadapan. Tujuan kajian tersebut dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan sebab akibat antara prestasi pasaran saham dan pertumbuhan ekonomi di Kenya. Hasil kajian tersebut juga yang menggunakan data sukuan tahunan yang bermula dari tahun 2001 hingga 2010 didapati bahawa wujud hubungan sebab dan akibat satu arah antara indeks Pasaran saham Nairobi 20 kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Kenya. Apabila berlaku peningkatan dalam indeks Pasaran saham Nairobi 20 dalam pasaran bursa saham dapat meningkatkan pasaran dividen dan keuntungan syarikat. Hal ini seterusnya, akan dapat memacu kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Selain itu, perubahan dalam turun naik harga saham juga dapat mempengaruhi penggunaan dan permintaan agregat dalam negara. Berdasarkan kajian tersebut boleh disimpulkan bahawa tahap ekonomi sesebuah negara itu dapat dipengaruhi oleh pasaran saham bagi negara tersebut.



Selanjutnya, Ho dan Odhiambo (2012) telah menjalankan satu kajian yang mana kajian tersebut bertujuan untuk menyiasat hubungan antara pembangunan pasaran saham dengan pertumbuhan ekonomi di Hong Kong. Pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian tersebut adalah permodalan pasaran saham, pasaran saham yang diniagakan dan perolehan pasaran saham bagi mewakili pemboleh ubah tidak bersandar dan pertumbuhan ekonomi sebagai pemboleh ubah bersandar. Hasil utama kajian tersebut menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi bergantung kepada proksi yang digunakan dalam pembangunan saham. Sekiranya permodalan pasaran saham digunakan sebagai proksi pembangunan pasaran saham, wujudnya hubungan sebab dan akibat satu arah ke atas pertumbuhan ekonomi sama ada bagi jangka masa pendek mahupun panjang. Bagi proksi dagangan pasaran saham pula juga didapati wujudnya hubungan sebab dan akibat satu arah bagi jangka masa pendek mahupun panjang





daripada pertumbuhan ekonomi kepada pembangunan pasaran saham. Namun begitu, sekiranya proksi yang digunakan ialah pasaran saham yang di niagakan menunjukkan hanya jangka masa pendek sahaja wujud hubungan sebab dan akibat satu arah daripada pertumbuhan ekonomi kepada pembangunan pasaran saham. Secara kesimpulannya, daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa pembangunan pasaran saham bergantung satu sama lain dengan pertumbuhan ekonomi bergantung kepada proksi yang digunakan dalam mengukur pembangunan pasaran saham.

Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Paramati dan Gupta (2013), turut mendapati bahawa terdapatnya hubungan jangka panjang antara prestasi pasaran saham dengan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan untuk melihat sama ada prestasi pasaran saham dapat memacu kepada pertumbuhan



ekonomi atau sebaliknya. Kajian tersebut telah menggunakan data bulanan bagi Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) dan data sukuan bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang bermula dari April 1996 hingga Mac 2009 dan dijalankan di India. Hasil ujian penyebab Granger menerangkan bahawa wujud hubungan dwiarah antara Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) dengan harga saham (BSE & NSE). Selain itu, berdasarkan ujian yang sama juga mendedahkan bahawa tidak wujud hubungan antara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan harga saham BSE. Namun wujud hubungan satu arah antara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan harga saham NSE. Keseluruhan daripada kajian tersebut menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi memainkan peranan dalam pembangunan pasaran saham di India.





Malahan, Masoud (2013) dalam kajian beliau juga menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang positif antara pasaran saham dengan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu dalam jangka masa pendek mahupun panjang. Kajian tersebut telah dijalankan bagi tujuan untuk meneroka hubungan antara prestasi pasaran saham dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Hasil daripada kajian tersebut juga menunjukkan wujudnya beberapa faktor yang dapat meningkatkan pasaran kewangan. Antaranya ialah dengan meningkatkan peranan sektor swasta dalam pelbagai sektor, kemajuan tingkat teknologi, kemudahan mendapatkan maklumat kewangan dan undang-undang yang menjamin kebebasan perdagangan dan pergerakan modal. Dengan itu apabila berlaku peningkatan dalam pasaran kewangan maka pasaran saham juga turut berkembang dan seterusnya dapat membantu memacu pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara itu.



Hasil dapatan kajian Aigbovo dan Izekor (2015), juga membuktikan bahawa pertumbuhan ekonomi dapat membantu perkembangan pasaran saham dan juga sebaliknya perkembangan pasaran saham dapat membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu. Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan mengkaji kesan pasaran saham terhadap pertumbuhan ekonomi di Nigeria dan menggunakan data siri masa tahunan yang meliputi tempoh dari tahun 1980 hingga tahun 2011. Pemboleh ubah yang telah digunakan dalam kajian tersebut ialah Keluaran Dalam Negara Kasar Benar (RGDP) sebagai pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada Semua Kongsi Indeks (ASI), permodalan pasaran (MCAP), jumlah nilai saham (VLT) dan nisbah pusing ganti (TR). Secara khususnya hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa semua pemboleh ubah kecuali Semua Kongsi Indeks (ASI) adalah berhubung secara positif dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi





dalam jangka masa pendek. Manakala dalam jangka masa panjang pula kesemua pemboleh ubah mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Disebabkan pasaran saham ini penting dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi maka kajian tersebut mencadangkan agar pihak kerajaan perlu memastikan pasaran saham lebih kondusif agar dapat meningkatkan pelaburan di pasaran saham seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan kajian Rasiah, Ying dan Solarin (2016) menunjukkan bahawa indeks kebebasan ekonomi di Malaysia hanya wujud kesan ke atas pulangan pasaran saham bagi jangka masa pendek sahaja. Bagi jangka panjang tidak wujud kesan indeks kebebasan ekonomi terhadap pulangan pasaran saham. Kajian tersebut dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara indeks kebebasan ekonomi dengan pulangan pasaran saham utama Malaysia bermula daripada tahun 1995 hingga tahun 2013. Secara keseluruhannya, daripada kajian tersebut membayangkan bahawa indeks kebebasan ekonomi seolah-olah tidak penting kerana tidak ianya tidak dapat mempengaruhi pulangan kadar Malaysia terutamanya bagi jangka panjang. Namun, wujud hubungan antara indeks kebebasan ekonomi dengan pulangan pasaran saham utama Malaysia. Daripada kajian tersebut juga menyatakan bahawa indeks kebebasan ekonomi tidak boleh dijadikan sebagai pengukuran utama untuk meningkatkan prestasi pasaran saham Malaysia. Bagi pelabur sedia ada dan bakal pelabur, mereka tidak perlu bergantung kepada indeks kebebasan ekonomi dalam meramalkan pulangan jangka panjang bagi pelaburan mereka.





2.4.2 Kadar Pertukaran Asing

Kadar pertukaran boleh didefinisi sebagai kadar di mana satu mata wang ditukar kepada mata wang lain (Mohan & Chitradevi, 2014). Selain itu, menurut Twarowska dan Kakol (2014) kadar pertukaran pada dasarnya ialah harga satu mata wang dari segi mata wang lain yang mana ianya bergantung kepada penawaran dan permintaan. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa kadar pertukaran asing ialah bayaran yang diperlu dilakukan oleh rakyat tempatan sesebuah negara untuk mendapatkan mata wang asing ataupun harga yang perlu dibayar oleh warga asing untuk mendapatkan mata wang tempatan sesebuah negara itu. Perubahan dalam nilai kadar pertukaran asing ini dapat dipengaruhi oleh dasar fiskal dan kewangan sesebuah negara itu (Twarowska & Kakol, 2014). Peningkatan kadar inflasi dapat menurunkan nilai mata wang, manakala peningkatan kadar faedah pula dapat meningkatkan nilai mata wang sesebuah negara itu (Twarowska & Kakol, 2014; Patel & Patel, 2014). Apabila nilai matawang menurun maka kadar pertukaran akan menjadi mahal dan sebaliknya jika nilai mata wang meningkat maka kadar pertukaran menjadi murah.

Dalam konteks pasaran saham sesebuah negara itu, kadar pertukaran asing mampu memberikan kesan kepada pulangan pasaran saham negara tersebut. Kesan ini boleh terdiri sama ada kesan positif, negatif atau tidak memberikan apa-apa kesan terhadap pulangan pasaran saham. Jawaid dan Haq (2012) menyatakan bahawa peningkatan kadar pertukaran asing dapat memberikan kesan yang negatif ke atas pulangan pasaran saham. Keuntungan dan pulangan para pelabur akan menurun apabila berlakunya peningkatan dalam kadar pertukaran asing (Imdadullah & Hayatabad, 2012). Berbeza dengan dapatan kajian Aggarwal (1981) dalam Rahman et al. (2009)





serta Mohan dan Chitradevi (2014) pula menunjukkan bahawa peningkatan kadar pertukaran asing telah memberikan kesan yang positif terhadap pulangan pasaran saham. Manakala dalam kajian Muhammad dan Rasheed (2002) serta Zubair (2013) menunjukkan tidak wujud hubungan yang signifikan antara kadar pertukaran asing dengan pulangan pasaran saham sesebuah negara.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Rahman, Sidek dan Tafri (2009) telah membuktikan bahawa perubahan pemboleh ubah kadar pertukaran asing dapat memberikan kesan ke atas pasaran saham. Kajian tersebut yang dijalankan di Malaysia melibatkan lima faktor makroekonomi termasuk kadar pertukaran asing bagi melihat interaksi antara pemboleh ubah makroekonomi dengan harga saham di Malaysia. Faktor makroekonomi selain kadar pertukaran asing yang terlibat ialah bekalan wang,



kadar faedah, rizab dan indeks pengeluaran perindustrian. Dalam rangka kerja *Vector Error Correction Models* (VECM) menunjukkan kesemua pemboleh ubah makroekonomi yang terlibat mempunyai kesan yang ketara bagi jangka masa panjang terhadap pasaran saham di Malaysia. Hasil ujian *Impulse Response Function* (IRF) dan *Variance Decomposition* (VDC) juga menunjukkan hasil yang sama iaitu pasaran saham di Malaysia amat sensitif dengan perubahan dalam pemboleh ubah makroekonomi. Secara keseluruhan, kajian tersebut menunjukkan bahawa pasaran saham di Malaysia adalah amat dipengaruhi dengan perubahan pemboleh ubah makroekonomi.





Kemudiannya, Nor, Kogid, Sarmidi dan Isa (2012) telah mendapati bahawa kadar pertukaran asing memberikan kesan yang berbeza kepada pasaran saham di Malaysia mengikut tempoh masa yang berbeza. Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan untuk melihat kesan kemeruapan kadar pertukaran asing dan kadar pertukaran ke atas pasaran saham di Malaysia mengikut sub-tempoh masa bermula Januari 1991 hingga Disember 2000 dan Januari 2001 hingga Ogos 2011. Kajian tersebut telah menggunakan proksi Kemeruapan Kadar Pertukaran (VOL) dan kadar pertukaran benar (REER) bagi kadar pertukaran asing, manakala indeks pasaran saham (PSI) mewakili pasaran saham. Walaupun dapatan menunjukkan kesan tersebut berbeza mengikut tempoh masa yang berbeza, namun hasil ujian penyebab Granger secara keseluruhan menunjukkan terdapatnya hubungan dua hala antara kemeruapan kadar pertukaran dengan indeks pasaran saham dan antara kadar pertukaran dengan indeks pasaran saham. Dalam erti lain, kemeruapan kadar pertukaran dan kejutan dalam kadar pertukaran dapat memberikan kesan terhadap indeks pasaran saham di Malaysia dan sebaliknya perubahan dalam indeks pasaran saham juga mampu memberikan kesan kepada kemeruapan kadar pertukaran dan juga kadar pertukaran benar.

Bagi Afrika Selatan pula hubungan yang lemah antara turun naik kadar pertukaran asing dengan pasaran saham di Afrika Selatan seolah-olah memberikan jaminan kepada para pelabur bahawa Bursa Saham Johannesburg (JSE) merupakan pasaran saham yang selamat menurut Mlambo, Maredza dan Sibanda (2013). Kajian tersebut telah menggunakan data bulanan bermula dari Januari 2000 hingga Disember 2010 dan bertujuan untuk menyiasat kesan turun naik kadar pertukaran terhadap pasaran saham di Afrika Selatan. Walaupun hubungan kadar pertukaran asing dengan pasaran saham di Afrika Selatan lemah, namun terdapat faktor penyebab lain yang





mampu menjejaskan pasaran saham di Afrika Selatan. Antara penyebab yang ditemui dalam kajian tersebut adalah kadar faedah, jumlah pengeluaran perlombongan, bekalan wang dan kadar faedah. Afrika selatan tetap perlu memberikan perhatian terhadap turun naik kadar pertukaran kerana walaupun hanya wujud hubungan yang lemah ianya tetap dapat memberikan kesan yang negatif terhadap pasaran saham utama mereka.

Begitu juga dengan kajian Barakat, Elgazzar dan Hanafy (2015) turut menyatakan bahawa kadar pertukaran dapat memberikan kesan dan pengaruh ke atas pasaran saham sesebuah negara itu. Selain kadar pertukaran pemboleh ubah lain yang terlibat dalam kajian tersebut adalah indeks harga pengguna (CPI), inflasi, kadar bunga dan penawaran wang (M2). Tujuan utama kajian tersebut adalah untuk melihat hubungan pasaran saham di negara Mesir dan Tunisia dengan faktor-faktor pemboleh ubah makroekonomi. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat hubungan sebab dan akibat antara pasaran saham dengan indeks harga pengguna, inflasi, kadar bunga, kadar pertukaran asing dan penawaran wang di Mesir. Begitu juga di Tunisia hanya indeks harga pengguna sahaja yang tidak terdapatnya hubungan sebab dan akibat dengan indeks pasaran saham Tunisia. Boleh dirumuskan daripada keputusan ujian tersebut bagi kedua-dua negara, pemboleh ubah makroekonomi memainkan peranan yang penting dalam menentukan kestabilan pasaran saham di negara masing-masing. Oleh itu, penekanan dan perhatian yang lebih perlu diberikan ke atas pembolehubah-pembolehubah makroekonomi ini oleh pihak kerajaan dan pihak yang berkaitan.





Menurut Imdadullah dan Hayatabad (2012), kejutan dalam kadar pertukaran dapat memberikan kesan yang negatif terhadap pulangan saham sesebuah negara itu. Hal ini kerana melalui kajian tersebut yang telah dijalankan oleh beliau di Pakistan mendapati bahawa peningkatan dalam kadar pertukaran asing dapat menurunkan pulangan atau keuntungan para pelabur di indeks KSE 100. Akibat daripada kesan tersebut telah menyebabkan para pelabur telah menarik balik pelaburan mereka di Pakistan dan seterusnya telah menjejaskan indeks KSE 100. Selain itu, kajian tersebut telah dijalankan bagi tujuan untuk menyiasat kesan kadar faedah, inflasi dan kadar pertukaran ke atas pulangan saham KSE 100. Daripada keputusan kajian tersebut juga menunjukkan bahawa kadar faedah dan inflasi tidak memberikan kesan yang ketara terhadap indeks KSE 100. Apa yang boleh dirumuskan daripada kajian tersebut ialah kadar pertukaran memainkan peranan penting ke atas pulangan pasaran saham bagi sesebuah negara itu. Manakala kadar faedah dan inflasi pula hanya merupakan faktor sampingan yang dapat menjejaskan pasaran saham.

Pada tahun yang sama kajian Jawaaid dan Haq (2012) juga mendedahkan bahawa wujudnya hubungan signifikan yang negatif antara kadar pertukaran dengan harga saham. Kajian tersebut yang telah dijalankan di Pakistan adalah bertujuan untuk mengkaji kesan kadar pertukaran asing dengan kadar faedah terhadap pulangan saham bagi sektor perbankan di Pakistan. Selain itu, hasil ujian penyebab Granger menunjukkan wujudnya hubungan sebab dan akibat dua hala antara kadar pertukaran dan harga saham sektor perbankan. Dalam erti kata yang lain perubahan kadar pertukaran dapat memberikan kesan kepada pasaran saham sektor perbankan dan begitu juga sebaliknya pasaran saham sektor perbankan dapat mempengaruhi kadar pertukaran asing. Manakala daripada kajian tersebut menemui bahawa wujud hubungan





sebab dan akibat sehal antara kadar faedah kepada harga sama. Dapatan kajian tersebut juga merumuskan bahawa kadar pertukaran dan kadar faedah ini boleh dijadikan sebagai petunjuk bagi pelabur untuk membuat keputusan pelaburan mereka dalam sektor perbankan.

Berbeza pula dengan dapatan daripada kajian Mohan dan Chitradevi (2014) telah mendapati bahawa faktor makroekonomi seperti inflasi dan kadar pertukaran dapat memberikan kesan ke atas pulangan pasaran saham di India. Apabila berlaku peningkatan dalam kadar pertukaran asing dapat memberikan kesan yang positif terhadap pulangan pasaran saham di India. Kajian tersebut yang bertujuan untuk mengkaji kesan inflasi dan kadar pertukaran asing ke atas pulangan pasaran saham di India dan telah menggunakan data tahunan yang bermula dari tahun 2003 hingga 2013.



Selain itu, daripada dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa kadar inflasi pula membawa kepada kesan sebaliknya iaitu kesan negatif sekiranya berlaku peningkatan dalam kadar inflasi. Kajian tersebut telah merumuskan bahawa pihak kerajaan atau berwajib perlu bijak dalam menguruskan faktor-faktor makroekonomi ini agar pasaran saham tidak terjejas akibat perubahan negatif yang berlaku ke atas faktor makroekonomi tersebut.

Manakala berdasarkan dapatan Asmy, Rohilina, Hassama dan Fouad (2009) menjelaskan bahawa hanya kadar pertukaran asing memberikan tindak balas terhadap pasaran saham di Malaysia. Namun begitu, tindak balas tersebut adalah berbeza mengikut tempoh masa. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengkaji kesan pemboleh ubah makroekonomi iaitu kadar inflasi, bekalan wang, dan kadar pertukaran ke atas harga saham untuk Malaysia tempoh masa pra-krisis (1987-1995) dan tempoh





pasca krisis (1999-2007). Sebelum krisis menunjukkan bahawa kadar pertukaran memberikan kesan yang positif terhadap harga pasaran saham di Malaysia. Namun begitu, selepas krisis menunjukkan yang kadar pertukaran asing telah memberikan kesan yang negatif terhadap harga pasaran saham di Malaysia. Peningkatan kadar pertukaran atau erti lain ialah kejatuhan nilai mata wang dapat memberikan tekanan terhadap harga pasaran saham di Malaysia. Secara keseluruhannya, daripada kajian tersebut mendapati bahawa wujud hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah makroekonomi seperti kadar inflasi, bekalan wang dan kadar pertukaran asing dengan harga saham di Malaysia. Keputusan ini sama bagi kedua-dua tempoh masa sama ada sebelum dan selepas krisis kewangan Asia pada tahun 1997.



Umer, Sevil dan Kamişli (2015) juga telah menjalankan satu kajian dengan membahagikan tempoh masa antara Mac 2001 hingga Februari 2008 dan Mac 2008 hingga Disember 2010 bagi tujuan mengkaji hubungan yang dinamik antara kadar pertukaran dan harga saham di Brazil, Republik Czech, Hungary, Malaysia, Mexico, Poland, Afrika Selatan, Taiwan dan Turki. Tujuan dibahagikan kepada dua tempoh masa adalah bertujuan melihat interaksi antara kadar pertukaran dengan harga saham bagi tempoh tenang dan tempoh wujud krisis ekonomi. Hasil utama kajian tersebut mendapati bahawa bagi tempoh masa tenang wujud hubungan sebab dan akibat dari harga saham kepada kadar pertukaran, namun bagi tempoh masa yang wujud krisis hubungan sebab dan akibat tersebut beralih daripada kadar pertukaran kepada harga saham. Selain itu, dapatan ini juga mendedahkan kejatuhan nilai mata wang bagi tempoh tenang adalah lebih tinggi berbanding dalam tempoh masa semasa wujud krisis. Secara keseluruhan daripada kajian tersebut didapati bahawa hubungan antara kadar





pertukaran dan harga saham menjadi lebih kuat dalam tempoh masa yang wujud krisis ekonomi.

Berdasarkan kajian Muhammad dan Rasheed (2002) telah mendapati bahawa hanya Bagladesh dan Sri Lanka sahaja yang wujud hubungan sebab dan akibat dua arah antara kadar pertukaran dengan harga saham. Namun hubungan tersebut hanya wujud bagi jangka masa pendek sahaja. Bagi negara Pakistan dan India tidak wujud hubungan sebab dan akibat antara kadar pertukaran dengan harga saham di negara tersebut. Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan untuk mengkaji hubungan antara harga saham dan kadar pertukaran di empat negara Asia Selatan; Pakistan, India, Bangladesh dan Sri-Lanka bagi tempoh bermula Januari 1994 hingga Disember 2000. Daripada kajian tersebut juga menemui bahawa tidak wujud hubungan sebab dan akibat kadar pertukaran dengan harga saham bagi keempat-empat buah negara tersebut bagi jangka masa panjang.

Berbeza pula dengan Sekmen (2011), daripada kajian beliau telah mendapati bahawa turun naik dalam kadar pertukaran asing telah menjejaskan pulangan pasaran saham di Amerika Syarikat (AS). Lebih-lebih lagi sejak alat yang digunakan untuk melindungi nilai mata wang tidak lagi mampu untuk mengurangkan kesan negatif daripada turun naik dalam kadar pertukaran asing.

Manakala bagi kajian yang telah dijalankan oleh Zubair (2013) di Nigeria pula menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara kadar pertukaran asing dengan indeks pasaran saham di negara tersebut sama ada sebelum dan selepas krisis. Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan untuk mengkaji hubungan sebab dan akibat antara indeks saham dan kadar pertukaran di Nigeria. Di samping itu hasil dapatan kajian tersebut yang telah menggunakan data siri bulanan dari tahun 2001





hingga 2011 juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan sebab dan akibat dua arah antara penawaran wang (M2) dengan indeks pasaran saham Nigeria bagi tempoh waktu sebelum krisis. Bagi selepas krisis pula tiada hubungan sebab dan akibat bagi kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Secara kesimpulan daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa kadar pertukaran asing tidak memberikan apa-apa kesan terhadap pasaran saham di Nigeria.

2.4.3 Kadar Inflasi

Menurut Mousa, Al safi, Hasonah dan Abo-orabi (2012) kadar inflasi ini boleh didefinisikan sebagai suatu keadaan di mana berlaku peningkatan dalam purata harga bagi semua barangan dan perkhidmatan bagi sesebuah ekonomi itu. Selain itu, dapatan kajian Mousa et al. (2012) juga menunjukkan kadar inflasi yang tinggi dapat mengurangkan kuasa beli pengguna dan kos sara hidup turut meningkat. Dalam pasaran saham, peningkatan kadar inflasi dapat menyebabkan nilai keuntungan sebenar yang diperolehi oleh para pelabur dalam pasaran saham akan menyusut (Schcofman & Schweitzer, 2000; Daferighe & Charlie, 2012). Kajian Li et al. (2010), menemui bukti bahawa kesan kadar inflasi terhadap pasaran saham adalah bergantung kepada tahap kadar inflasi tersebut. Namun begitu, dalam kajian Estep dan Hanson (1980) mendapati bahawa kesan kenaikan kadar inflasi keatas firma dalam setiap sektor ini boleh dikurangkan dengan cara menaikkan harga produk mereka yang mana kesan ini di pindahkan terus kepada pelanggan mereka.





Menurut Daferighe dan Charlie (2012), pihak berwajib perlu mengambil beberapa langkah dalam memastikan kadar inflasi kekal rendah agar tidak menjejaskan nilai keuntungan kepada pelabur. Hal ini kerana, pasaran saham merupakan salah satu institusi ekonomi yang mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Kajian tersebut yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji kesan inflasi terhadap prestasi pasaran saham di Nigeria dan telah menggunakan data siri masa tahunan bermula tahun 1991 hingga tahun 2010. Dapatan utama daripada kajian ini, menunjukkan bahawa hubungan kadar inflasi dengan pasaran di Nigeria adalah lemah. Keadaan ini menunjukkan bahawa pasaran saham di Nigeria mampu menyerap atau melindungi nilai saham daripada menerima kesan daripada peningkatan kadar inflasi. Selain itu, juga menemui bahawa pasaran saham penting terhadap pembangunan ekonomi sesebuah negara. Maka pihak berwajib perlu berusaha untuk menarik para pelabur bagi meningkatkan aktiviti pasaran agar dapat meningkatkan pasaran saham.

Omran dan Pointon (2001), telah menjalankan suatu kajian di Mesir bagi tujuan untuk menilai kesan kadar inflasi terhadap prestasi pasaran saham negara tersebut. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa kadar inflasi mampu memberikan kesan kepada prestasi pasaran saham Mesir. Kadar inflasi yang tinggi dapat memberikan kesan yang negatif terhadap aktiviti pasaran dan aliran mudah tunai sama ada bagi jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang. Penurunan kadar inflasi dapat memberikan petanda yang baik kepada para pelabur. Hal ini kerana ianya akan meningkatkan aktiviti perniagaan seterusnya pulangan syarikat. Selain itu, ianya juga dapat menggalakkan pelabur untuk terus melabur dan membuka syarikat baru disebabkan kadar faedah yang rendah kesan daripada penurunan kadar inflasi. Secara





kesimpulannya boleh di rumuskan bahawa jelas kadar inflasi dapat memberikan kesan kepada prestasi pasaran saham dari segi aktiviti pasaran dan kecairan pasaran.

Seterusnya, kajian Kimani dan Mutuku (2013) juga menunjukkan bahawa peningkatan kadar inflasi dapat memberikan kesan yang negatif kepada prestasi indeks pasaran saham bagi sesebuah negara. Kajian tersebut telah dijalankan di Kenya bagi tujuan untuk mengkaji kesan kadar inflasi dan beberapa pemboleh ubah makroekonomi yang lain ke atas prestasi bursa saham Nairobi Kenya bagi tempoh Disember 1998 hingga Jun 2010. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa wujudnya hubungan signifikan yang negatif antara kadar inflasi dengan prestasi pasaran saham di Kenya. Daripada hasil kajian tersebut juga sewajarnya pihak berkaitan perlu berusaha untuk mengatasi masalah peningkatan kadar inflasi bagi meningkatkan keyakinan para pelabur. Hal ini kerana pasaran saham merupakan salah satu penentu utama kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu di samping memudahkan perdagangan aset kewangan.

Sementara itu, Khumalo (2013) juga telah mendapati bahawa semasa negara mengalami kadar inflasi yang tinggi dapat menyebabkan harga saham telah menurun. Kajian tersebut yang meliputi tempoh bermula suku pertama tahun 1980 hingga suku keempat tahun 2010 bagi tujuan untuk mengkaji kesan kadar inflasi terhadap harga saham di Afrika Selatan. Daripada kajian tersebut, Khumalo (2013) telah menemui bukti yang bahawa wujud hubungan yang kuat antara harga saham dengan kadar inflasi serta pemboleh ubah-pemboleh ubah yang lain. Peningkatan kadar inflasi telah memberikan kesan yang negatif terhadap pasaran saham yang mana semasa ekonomi mengalami kadar inflasi yang tinggi dapat menurunkan harga saham. Keadaan ini





menyebabkan pelabur akan beralih kepada pasaran saham negara lain yang mana ianya dapat memberikan pulangan yang lebih tinggi. Selain itu, dapatan kajian tersebut juga menunjukkan pemboleh ubah seperti kadar faedah, kadar pertukaran asing dan pertumbuhan bekalan wang juga menunjukkan kesan yang sama iaitu kesan negatif terhadap pasaran saham. Penemuan daripada kajian tersebut boleh disimpulkan bahawa pemboleh ubah makroekonomi yang dapat memberikan kesan negatif terhadap pasaran saham perlu diberikan perhatian oleh para pelabur dan bakal pelabur dalam membuat keputusan pelaburan mereka.

Malahan kadar inflasi dapat memberikan kesan ke atas pasaran saham dan ianya telah menjadi kebimbangan bagi para pelabur terutamanya (Bai, 2014). Kajian tersebut telah dijalankan di China bagi tujuan untuk melihat pengaruh kadar inflasi terhadap harga indeks komposit saham Shanghai bermula dari Januari 2001 hingga November 2011. Dapatan daripada kajian tersebut telah mendapati bahawa walaupun kadar inflasi hanya menjejaskan sedikit sahaja indeks harga saham di China, ianya tetap perlu diberikan perhatian dan tidak boleh diabaikan. Hal ini kerana daripada kajian tersebut mendapati walaupun kadar inflasi mempunyai hubungan yang lemah dengan indeks harga saham China, namun pemboleh ubah ini jelas tetap dapat memberikan kesan ke atas indeks harga saham. Selain itu, secara keseluruhannya daripada kajian tersebut telah mendapati bahawa peningkatan kadar inflasi ini telah meningkatkan kos sara hidup dan seterusnya membebankan pengguna dalam negara tersebut.





Adam dan Tweneboah (2008), dalam kajian mereka telah menemui bukti bahawa wujud hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah makroekonomi aliran masuk pelaburan asing (PLA), kadar pertukaran asing, kadar faedah dan kadar inflasi. Kajian tersebut bertujuan untuk mengkaji peranan faktor pemboleh ubah makroekonomi terhadap pergerakan pasaran saham di Ghana dengan menggunakan data sukuan tahunan bermula daripada Januari 1991 hingga April 2004. Berbeza daripada beberapa dapatan kajian lepas, kajian tersebut menunjukkan bahawa kadar inflasi mempunyai hubungan yang positif dengan harga saham di Ghana. Hal ini kerana, pasaran saham di Ghana telah menyediakan satu polisi yang melindungi nilai pasaran saham daripada kesan kenaikan kadar inflasi. Selain itu, kadar inflasi dapat menjejaskan sebahagian kecil sahaja pasaran saham berbanding dengan kadar faedah, aliran masuk pelaburan langsung asing (PLA) dan kadar pertukaran asing. Secara keseluruhannya dapatan kajian tersebut mencadangkan bahawa pelabur dan bakal pelabur perlu memberi perhatian yang lebih kepada kadar faedah diikuti oleh aliran masuk bersih PLA dan kadar pertukaran daripada indeks kadar inflasi.

Mousa, Al safi, Hasonah dan Abo-orabi (2012) mendapati bahawa kadar inflasi yang terjadi dalam sesebuah ekonomi adalah sukar dikawal dan sensitif terhadap pasaran saham negara tersebut. Maka kajian yang dilakukan oleh Mousa et al. (2012) lebih memfokuskan kepada untuk menentukan kesan kadar inflasi terhadap harga saham Bursa Amman di Jordan. Penemuan utama daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa hubungan kadar inflasi dan harga saham di Jordan ianya boleh terjadi sama ada positif atau negatif. Hal ini kerana syarikat atau industri yang menyediakan perlindungan nilai yang sempurna terhadap kesan kenaikan kadar inflasi menunjukkan hubungan yang positif antara kadar inflasi dengan harga saham. Berbeza pula dengan





syarikat atau industri yang gagal menyediakan perlindungan terhadap harga saham mereka menunjukkan hubungan yang sebaliknya iaitu hubungan negatif. Natiujahnya, boleh dikatakan bahawa perlindungan nilai terhadap harga saham syarikat atau industri juga penting dalam menangkis kesan negatif akibat peningkatan kadar inflasi dalam sesuatu ekonomi sesebuah negara.

Namun menurut Tursoy, Gonsel dan Rjoub (2008) telah mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah makroekonomi dengan pulangan pasaran saham. Tujuan kajian tersebut dijalankan adalah untuk menguji Teori Arbitrage Harga (APT) terhadap pulangan saham di Bursa Saham Istanbul (ISE) dengan menggunakan data bulanan bagi tempoh bermula Februari 2001 sehingga September 2005. Sebanyak 13 pemboleh ubah makroekonomi telah diuji kesan terhadap 11 portfolio industri di Turki. Pemboleh ubah makroekonomi yang terlibat adalah seperti bekalan wang (M2), indeks pengeluaran perindustrian, harga minyak mentah, Indeks Harga Pengguna (IHP), import, eksport, harga emas, kadar pertukaran, kadar faedah, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), rizab asing, kadar pengangguran dan Indeks Tekanan Pasaran (MPI). Dapatan daripada kajian tersebut juga menunjukkan bahawa walaupun faktor-faktor makroekonomi terpilih tidak memberikan kesan yang ketara, namun ianya boleh memberikan kesan yang berbeza-beza terhadap pulangan saham bagi setiap industri. Faktor pemboleh ubah makroekonomi dapat memberikan kesan yang positif bagi sebahagian industri dan juga kesan yang negatif. Namun, secara keseluruhan daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa faktor pemboleh ubah makroekonomi tidak memberikan sebarang apa-apa kesan ke atas pasaran saham.



2.4.4 Harga Minyak

Berdasarkan beberapa kajian lepas menunjukkan terdapat beberapa faktor yang telah menyebabkan berlakunya perubahan harga minyak mentah dunia sama ada ianya meningkat atau menurun. Menurut Ekmekcioglu (2012), kejutan dalam bekalan minyak dan permintaan dapat mempengaruhi harga minyak mentah dunia. Ini turut disokong oleh Yan (2012) yang juga menyatakan bahawa bekalan minyak dan turun naik terhadap permintaan minyak mampu memberikan kesan ke atas harga minyak dunia. Selain itu, kemelesetan ekonomi juga mampu mempengaruhi harga minyak di mana apabila berlakunya kemelesetan ekonomi permintaan terhadap minyak mentah menurun. Ini seterusnya dapat menjatuhkan harga pasaran minyak mentah dunia. Kenaikan harga minyak mentah dunia dapat memberikan kesan kepada sesebuah negara itu terutamanya terhadap pulangan pasaran saham negara itu. Kesan ini boleh terdiri sama ada secara positif atau negatif dan juga tidak memberikan apa-apa kesan.

Menurut beberapa kajian lepas kenaikan harga minyak mentah dunia dapat memberikan kesan yang positif ke atas pulangan pasaran saham sesebuah negara. Bagi negara pengekspor minyak kenaikan harga minyak mentah dunia dapat memberikan keuntungan kepada sektor yang berasaskan minyak dalam negara tersebut (Shafi et al., 2015). Begitu juga dengan negara yang didominasi oleh sektor tenaga dan gas kenaikan harga minyak memberikan kesan yang positif yang mana keuntungan mereka akan meningkat. Manakala bagi sebahagian negara akan menerima kesan yang negatif akibat berlakunya peningkatan harga pasaran minyak mentah dunia (Arouri & Fouqua, 2009_a). Terutamanya bagi negara yang mengimport minyak, kenaikan harga minyak menyebabkan mereka terpaksa membayar lebih untuk mendapatkan minyak mentah



dan seterusnya menyebabkan keuntungan mereka akan berkurangan (Shafi et al., 2015). Namun terdapat juga negara yang tidak menerima sebarang kesan atas kenaikan harga pasaran minyak mentah dunia. Antaranya ialah negara Iran (Oskooe, 2011), Brazil (Ono, 2011) dan India (Sahu & Mondal, 2015).

Kajian Lake dan Katrakilidis (2009) keatas negara Greek, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman telah mendapati bahawa pulangan pasaran saham adalah dipengaruhi oleh sejauh mana penyertaan syarikat minyak dalam sesuatu pasaran saham itu. Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan untuk meneroka kesan-kesan turun naik harga minyak terhadap pulangan pasaran saham di negara terlibat dan kajian tersebut menggunakan data bulanan yang meliputi tempoh antara September 1999 hingga Mac 2007. Hasil dapatan kajian menunjukkan yang pulangan pasaran saham Greek dan Amerika Syarikat terkesan akibat daripada ketidakstabilan harga minyak mentah dunia. Manakala pulangan pasaran saham Jerman dan United Kingdom tidak terjejas sama sekali akibat daripada ketidakstabilan harga minyak mentah dunia. Hal ini kerana tiada penyertaan syarikat minyak di komposisi indeks di Jerman dan di United Kingdom penyertaan syarikat minyak adalah lebih rendah berbanding di Greek dan Amerika Syarikat. Walaupun begitu, Greek dan Amerika Syarikat tidak menggunakan pasaran niaga hadapan untuk melindungi nilai harga minyak mentah bagi menjamin kestabilan pulangan pasaran saham negara mereka.

Seterusnya, hasil daripada dapatan kajian Kapusuzoglu (2011) yang dijalankan di Turki menunjukkan bahawa wujudnya hubungan jangka panjang antara pasaran saham di Turki dengan harga minyak antarabangsa. Kajian tersebut bertujuan untuk menyiasat hubungan jangka panjang dan jangka pendek antara Indeks 100, Indeks 50





dan Indeks 30 di Bursa Saham Istanbul (ISE) dan harga minyak Brent antarabangsa. Kajian tersebut merangkumi data harian yang bermula dari 1 April 2000 hingga 1 April 2010. Berdasarkan analisis ujian sebab akibat Granger, dapat diperhatikan bahawa wujud hubungan sebab dan akibat satu arah dari semua indeks pasaran saham di Turki terhadap harga minyak antarabangsa, namun tidak wujud hubungan sebab dan akibat antara harga minyak antarabangsa kepada ketiga-tiga indeks pasaran saham di Turki. Dalam kata erti lain hasil ini menyatakan bahawa perubahan dalam indeks pasaran saham di Turki dapat mempengaruhi perubahan harga minyak di Turki.

Kemudian, Ratti dan Hasan (2013) dalam kajian mereka telah menemui bahawa kejutan harga minyak memberikan tindak balas yang berbeza mengikut setiap sektor. Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan untuk mengukur kesan turun naik harga minyak terhadap pulangan sektor pasaran saham di Australia. Selain itu, kajian tersebut juga menggunakan data harian yang bermula daripada 31 Mac 2000 hingga Disember 2010. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa bagi sektor tenaga dan bahan api menunjukkan bahawa peningkatan harga minyak mampu meningkatkan pulangan saham dalam sektor tersebut. Manakala bagi sektor kewangan pula menunjukkan apabila berlaku peningkatan dalam harga minyak dunia, pulangan dalam sektor tersebut akan merosot. Hal ini kerana, sektor kewangan bergantung kepada spekulasi harga minyak. Natiujahnya, daripada kajian tersebut pelabur perlu menyesuaikan keputusan pelaburan mereka dalam setiap sektor kerana sensitiviti setiap sektor adalah berbeza akibat kejutan harga minyak dunia.





Perubahan harga minyak mentah dunia mampu memberikan kesan kepada pulangan saham untuk semua sektor bagi sesebuah negara menurut dapatan kajian Akomolafe dan Jonathan (2014). Keputusan ujian sebab dan akibat Granger mendapati bahawa perubahan dalam harga minyak mentah dunia dapat menyebabkan berlaku juga perubahan terhadap pulangan pasaran saham bagi setiap sektor. Namun begitu, pulangan pasaran saham bagi sektor perbankan menunjukkan tindak balas yang paling rendah berbanding dengan sektor minyak dan gas serta sektor pembinaan. Data yang digunakan dalam kajian tersebut adalah data bulanan yang bermula Februari 2000 hingga Julai 2009. Selain itu, kajian tersebut yang bertujuan untuk melihat hubungan perubahan harga minyak mentah dunia dengan pulangan saham bagi sektor juga mendapati bahawa pulangan pasaran saham setiap sektor di Nigeria sangat sensitif kepada perubahan harga minyak mentah dunia. Sehubungan dengan itu pelabur boleh menjadikan trend harga minyak sebagai petunjuk dalam membuat keputusan pelaburan mereka di Nigeria. Pembuat dasar juga boleh menggunakannya sebagai panduan untuk penggubalan dasar-dasar yang memberi kesan kepada pasaran saham.

Olufisayo (2014), pula mendedahkan bahawa bahawa pembangunan pasaran saham dan perubahan harga minyak di Nigeria adalah saling bergantung. Dalam kata erti lain, perubahan harga minyak dapat mempengaruhi perubahan harga minyak dan sebaliknya harga minyak juga dapat mempengaruhi pembangunan pasaran saham di Nigeria. Kajian tersebut adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara perubahan dalam harga minyak dan pertumbuhan pasaran saham di Nigeria dengan menggunakan data tahunan yang bermula dari tahun 1981 hingga tahun 2011. Hasil ujian yang menggunakan Vektor Auto-Regresi (VAR) juga mendedahkan bahawa wujud hubungan sebab dan akibat satu arah dari perubahan harga minyak kepada





pembangunan pasaran saham di Nigeria. Hasil ujian kointegrasi pula, menunjukkan bahawa wujud hubungan antara perubahan harga minyak dan pasaran saham di Nigeria. Secara keseluruhannya boleh dirumuskan bahawa pembangunan pasaran saham di Nigeria bergantung kepada harga minyak dan sebaliknya harga minyak juga bergantung kepada pasaran saham di Nigeria.

Ng dan Sek (2014), mendapati bahawa wujud kesan limpahan harga minyak mentah dunia terhadap pulangan saham bagi sesebuah negara itu. Kajian tersebut yang bertujuan untuk melihat kesan limpahan harga minyak mentah dunia terhadap harga pasaran saham di negara-negara pegimport minyak dan negara pengeluar minyak mentah utama dengan menggunakan data harian bermula Januari 2009 hingga Disember 2013. Bagi negara pengeluar minyak mentah utama iaitu Russia, Norway, Canada dan Mexico menunjukkan bahawa bagi jangka pendek kesan limpahan harga minyak mentah dunia adalah lebih rendah berbanding dengan negara pengimport minyak mentah yang utama iaitu United State (US), Japan, Germany dan France. Namun begitu, sebaliknya bagi jangka panjang iaitu kesan limpahan harga minyak mentah dunia lebih memberikan kesan kepada negara-negara pengeluar utama minyak mentah dunia. Walaupun keputusan menunjukkan kesan limpahan harga minyak adalah berbeza-beza mengikut negara, namun ianya tetap memberikan kesan kepada semua negara yang terlibat cuma hanya dibezakan sama ada kesan tersebut adalah tinggi atau rendah.





Di Malaysia pula, perubahan harga minyak dunia telah memberikan kesan yang berbeza-beza mengikut sektor yang terdapat di Malaysia menurut Jafarian dan Safari (2015). Di samping itu, dapatan juga menyatakan bahawa perubahan dalam harga minyak dapat mempengaruhi pulangan indeks utama pasaran saham di Malaysia. Hal ini disebabkan minyak merupakan sumber utama di Malaysia seterusnya menjadikan pasaran saham Malaysia bergantung kepada harga minyak. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat kesan perubahan harga minyak ke atas indeks pasaran utama saham Malaysia serta indeks pasaran saham sektor-sektor yang wujud di Malaysia dengan menggunakan data bulanan bermula dari Januari 2000 hingga Mac 2014. Sektor tenaga telah menunjukkan hubungan yang positif dengan harga minyak kerana peningkatan harga minyak dapat meningkatkan pendapatan syarikat-syarikat minyak seterusnya dapat meningkatkan indeks pasaran saham bagi sektor tenaga di Malaysia. Manakala perubahan harga minyak dapat memberikan kesan yang negatif terhadap indeks pulangan pasaran saham sektor utiliti dan komunikasi. Hal ini kerana, peningkatan harga minyak telah meningkatkan kos operasi dan ini menyebabkan keuntungan syarikat merosot. Secara kesimpulannya boleh dikatakan bahawa pasaran saham di Malaysia sangat bergantung kepada perubahan harga minyak. Namun begitu, kesannya berbeza-beza mengikut kebergantungan sektor tersebut kepada minyak mentah.

Selain itu, dapatan kajian Ono (2011) yang dijalankan terhadap negara Brazil, Cina, India dan Rusia juga telah mendapati bahawa harga minyak mempunyai hubungan yang signifikan dan dapat memberikan kesan yang positif terhadap pulangan saham. Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan mengkaji kesan harga minyak pada pulangan saham sebenar untuk Brazil, China, India dan Rusia bermula Januari 1999 hingga September 2009. Namun begitu, dapatan utama kajian tersebut menunjukkan





terdapat juga negara yang tidak mempunyai apa-apa kesan terhadap pulangan saham diakibatkan perubahan dalam harga minyak. Daripada kajian tersebut juga menunjukkan bahawa Brazil pulangan pasaran saham utama di Brazil tidak terkesan sekiranya berlaku perubahan dalam harga minyak.

Kemudian, hasil daripada dapatan kajian Adaramola (2012) telah mendedahkan bahawa harga minyak merupakan faktor utama kepada perubahan harga saham di Nigeria bagi dalam jangka masa pendek jangka masa panjang. Kajian tersebut yang bertujuan untuk mengkaji kesan harga minyak ke atas pulangan pasaran saham di Nigeria bagi jangka masa pendek dan panjang. Kajian yang menggunakan data bermula dari Januari 1985 hingga April 2009 menunjukkan bahawa dalam jangka masa pendek kejutan harga minyak memberikan kesan yang positif terhadap pulangan pasaran saham di Nigeria. Dalam maksud lain peningkatan harga minyak telah meningkatkan pulangan pasaran saham bagi jangka masa pendek. Namun begitu, bagi jangka masa panjang pula sebaliknya iaitu kejutan harga minyak telah memberikan kesan yang negatif kepada pulangan pasaran saham di Nigeria. Walaupun Nigeria negara pengeksport minyak, kejutan harga minyak dunia dapat memberikan kesan yang negatif terhadap pulangan pasaran saham di Nigeria kerana import minyak yang telah ditapis ke Nigeria adalah lebih besar dari jumlah eksport minyak mereka.

Bagi kajian Mishra (2015), pula telah menemui bahawa wujud hubungan jangka panjang antara harga minyak mentah dunia, kadar pertukaran dan juga harga sama di India. Tujuan kajian tersebut adalah untuk mengkaji hubungan jangka masa panjang dan pendek antara harga minyak mentah dunia, turun naik kadar pertukaran dan harga saham di India iaitu NSE indeks. Kajian tersebut yang menggunakan data bulanan





daripada April 2000 hingga Januari 2015 mendedahkan bahawa dalam jangka panjang pasaran saham mempunyai hubungan yang positif dengan harga minyak mentah dunia namun bagi turun naik kadar pertukaran pula menunjukkan hubungan yang sebaliknya iaitu hubungan negatif ke atas harga minyak mentah dunia. Manakala hasil ujian kointegrasi juga menunjukkan hasil yang sama iaitu ketiga-tiga pemboleh ubah mempunyai hubungan dalam jangka panjang. Bagi jangka pendek pula menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan bagi ketiga-tiga pemboleh ubah ini kerana pelarasan yang berlaku adalah perlahan.

Hasil dapatan kajian Sahu dan Mondal (2015) di India mendapati bahawa wujudnya hubungan kointegrasi antara harga petroleum mentah dan indeks saham India bagi jangka masa panjang. Tujuan kajian tersebut adalah untuk mengkaji hubungan yang dinamik di antara harga petroleum, kadar tukaran dan pasaran saham di India dengan menggunakan data bulanan bermula dari April 1993 hingga Mac 2013. Berdasarkan hasil Ujian Penyebab Granger, perubahan harga petroleum dan kadar pertukaran asing dapat menjejaskan harga pasaran saham di India bagi jangka masa pendek. Walaupun dalam jangka masa panjang harga minyak dan kadar pertukaran mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pasaran saham, namun begitu kesannya adalah kecil sahaja kepada harga pasaran saham di India. Bermakna pasaran saham di India tidak begitu terjejas atau terkesan akibat perubahan harga minyak dan kadar pertukaran asing walaupun wujud hubungan yang signifikan.





Seterusnya, Arouri dan Fouquau (2009_a), telah menjalankan suatu kajian yang bertujuan mengkaji hubungan jangka pendek antara harga minyak dan pasaran saham negara GCC (*Gulf Cooperation Council*). Hasil kajian tersebut yang menggunakan data mingguan bermula minggu pertama Jun 2005 hingga minggu ketiga Oktober 2008 menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara harga minyak dengan pasaran saham di Qatar, Oman dan UAE. Bermaksud perubahan dalam harga minyak dapat menyebabkan pasaran saham turut terjejas di negara tersebut. Manakala tiga lagi negara GCC iaitu Bahrain, Kuwait dan Arab Saudi pula menunjukkan tidak terdapat sebarang apa-apa hubungan antara harga minyak dengan pasaran saham. Hasil dapatan tersebut yang menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara harga minyak dengan pasaran saham telah menarik para pelabur kerana dapat meramalkan pasaran saham masa hadapan bagi beberapa negara GCC.



Tahun yang sama dalam kajian yang berbeza, dapatan kajian Arouri dan Fouquau (2009_b) mendedahkan bahawa kejutan dalam harga minyak dan pulangan pasaran saham mempunyai hubungan yang signifikan. Dalam kajian tersebut menunjukkan bahawa kejutan harga minyak dapat memberikan kesan ke atas pulangan saham bagi negara-negara GCC. Kajian tersebut dijalankan dengan menggunakan data bulanan yang bermula Januari 1996 hingga Disember 2007 bagi tujuan untuk mengkaji kewujudan hubungan jangka panjang antara harga minyak dan pasaran saham GCC. Didapati juga daripada keputusan kajian tersebut dapat memberikan kelebihan kepada para pelabur dalam meramalkan keadaan pasaran saham bagi masa hadapan. Seharusnya negara GCC perlu bersedia dalam memastikan pasaran saham mereka tidak terjejas disebabkan berlakunya perubahan dalam harga minyak.





Berbeza pula dengan kajian Nandha dan Brooks (2009) terhadap 38 buah negara terpilih, berpendapat bahawa harga minyak memberi kesan kepada setiap industri dengan cara yang berbeza. Data yang digunakan dalam kajian tersebut adalah data bulanan yang bermula daripada April 1983 hingga Julai 2006. Dalam kajian tersebut mereka juga berpendapat bahawa perubahan harga minyak mentah dunia memberikan kesan yang berbeza mengikut setiap sektor. Kesan tersebut bergantung kepada beberapa faktor antaranya ialah sama ada sektor tersebut berorientasikan minyak dan sama ada sektor tersebut mampu untuk mengimbangi risiko dengan memindahkan kejutan harga kepada pelanggan dengan meningkatkan harga output. Selain itu, dapatan kajian tersebut juga menunjukkan bahawa sektor berasaskan minyak yang lebih terdedah kepada turun naik harga minyak mentah dunia. Natijahnya walaupun perubahan harga minyak memberikan kesan yang berbeza bagi setiap sektor, harga minyak mentah dunia tetap memainkan peranan yang penting terhadap pulangan saham di Negara maju, negara G7, dan negara-negara Eropah yang mempunyai ekonomi yang lebih matang. Namun begitu, peranan ini tidak ketara bagi negara Asia Pasifik, negara membangun dan negara Amerika Latin.

Seterusnya, He dan Zhao (2013) telah menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk melihat pergantungan antara harga minyak mentah dengan pasaran saham bagi sektor yang terdapat di China. Daripada dapatan utama kajian tersebut menunjukkan turun naik dalam harga minyak mentah dunia memberikan kesan yang berbeza kepada setiap sektor bergantung kepada kebergantungan sektor tersebut kepada bahan api tersebut. Kajian tersebut telah membahagikan data kepada dua regim iaitu sebelum krisis yang bermula pada 1 September 2004 hingga 14 September 2008 dan satu regim lagi ialah selepas krisis dunia iaitu bermula 15 September 2008 hingga 11 September





2012. Selepas berlakunya krisis dunia telah didapati bahawa kebergantungan setiap sektor di China terhadap harga minyak mentah semakin meningkat. Sebelum krisis hanya dua sektor sahaja yang mempunyai pergantungan yang negatif terhadap harga minyak mentah iaitu sektor kewangan dan pelancongan. Namun, selepas krisis dunia terdapat tujuh sektor yang mempunyai pergantungan yang positif dengan harga minyak mentah iaitu Kewangan, bahan-bahan asas, Pembinaan, Kimia, Industri, minyak dan gas, dan Retail. Kesimpulannya daripada kajian tersebut, apabila harga minyak mentah dijangka kekal tinggi, pelabur boleh mempertimbangkan untuk melabur di sektor minyak dan gas disebabkan wujud hubungan korelasi yang positif dengan harga minyak mentah dunia. Jika harga minyak dijangka turun pelabur boleh memilih untuk melabur di dalam sektor selain daripada sektor minyak dan gas seperti sektor pelancongan.



bagi mengkaji hubungan antara kejutan harga minyak dengan pasaran saham di Amerika Syarikat dan China. Kajian tersebut meliputi data bulanan yang bermula dari Januari 1995 hingga Julai 2013. Berdasarkan ujian kolerasi yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pasaran saham di Amerika Syarikat lebih responsif dengan perubahan harga minyak berbanding dengan pasaran saham di China. Selain itu, hasil kajian juga telah mendapati bahawa perubahan harga minyak dapat memberikan kesan yang positif ke atas pulangan pasaran saham di Amerika Syarikat. Manakala di China pula perubahan harga minyak telah memberikan kesan yang sebaliknya terhadap pulangan pasaran saham iaitu negatif. Dalam erti lain peningkatan harga minyak dapat meningkatkan pulangan pasaran saham bagi Amerika Syarikat, sedangkan di China pulangan pasaran saham merosot. Ini menunjukkan bahawa perubahan harga minyak





ini dapat memberikan kesan kepada pulangan pasaran saham sama ada positif atau negatif bergantung kepada sesebuah negara itu.

Seterusnya, hubungan antara harga minyak dan pasaran saham bagi negara pengeksporth minyak menunjukkan wujudnya hubungan yang positif. Manakala bagi negara pengimport pula menunjukkan wujud hubungan sebaliknya iaitu negatif antara harga minyak dengan pasaran saham menurut dapatan kajian Shafi, Hua, Idrees, dan Nazeer (2015). Kajian tersebut bertujuan mengkaji kesan turun naik harga minyak dalam pasaran saham dari beberapa negara Asia turut mendedahkan bahawa negara bukan pengeluar minyak sangat bergantung kepada harga pasaran minyak dunia. Ini kerana kenaikan harga minyak akan menyebabkan import minyak bagi negara bukan pengeluar minyak menjadi lebih mahal. Dalam kajian tersebut yang telah menggunakan data dari tahun 1990 hingga 2010, mendapati bahawa negara yang kurang mengeluarkan minyak seperti Pakistan turut terjejas pasaran saham sekiranya berlaku ketidakstabilan dalam harga minyak pasaran dunia. Secara kesimpulannya, boleh dirumuskan bahawa kenaikan harga minyak dunia membawa kesan yang positif bagi negara pengeksporth dan sebaliknya bagi negara pengimport minyak.

Manakala dapatan kajian Oskooe (2011), pula menunjukkan bahawa tidak wujudnya kesan terhadap pasaran saham akibat turun naik dalam harga minyak antarabangsa. Kajian tersebut telah menggunakan data mingguan yang bermula dari 2 Januari 1999 hingga 31 Disember 2010. Tujuan dijalankan kajian tersebut adalah untuk mengkaji hubungan dinamik antara pasaran saham Iran (negara pengeksporth minyak) dan pasaran minyak antarabangsa. Berdasarkan keputusan utama kajian iaitu tidak wujud kesan turun naik harga minyak terhadap pasaran saham di Iran, seolah-olah





memberikan petanda yang baik kepada pelabur. Hal ini kerana pasaran saham di Iran menunjukkan prestasi yang baik dan tidak terjejas akibat turun naik harga minyak, maka para pelabur tidak perlu bimbang kerana ianya tidak menjejaskan pelaburan mereka di pasaran saham Iran.

2.5 Sumber Data

Kajian ini telah menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada pelbagai sumber. Data yang digunakan dalam kajian ini ialah data siri masa bulanan yang bermula dari bulan September 2003 hingga September 2016. Antara sumber data bagi kajian ini ialah data bank dunia, *Foreign Exchange Service (OZFOREX)*, *International Monetary Fund (IMF)*, *Index Mundi*, *Tranding Economics* dan Jabatan Perangkaan Malaysia.



2.6 Rumusan

Bab dua ini telah membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan kesan dan pengaruh faktor makroekonomi (iaitu: kadar pertukaran asing dan kadar inflasi) dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan pasaran saham. Selain itu, turut dibincangkan teori utama yang telah digunakan sebagai asas kepada kajian ini dan juga dinyatakan sumber data bagi kajian ini. Setiap pemboleh ubah makroekonomi dan harga minyak mentah dunia dapat menjejaskan pulangan pasaran saham namun ianya bergantung kepada beberapa keadaan. Perbincangan yang lanjut akan dibincangkan di dalam bab seterusnya.





BAB 3

METODOLOGI



Bab ini menerangkan dan membincangkan metodologi yang digunapakai oleh pengkaji dalam kajian ini. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS- *Ordinary Least Square*) bagi tujuan mendapatkan hasil anggaran faktor-faktor yang mempengaruhi pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor utama yang terdapat di Malaysia. Mengapa kaedah OLS ini dipilih adalah kerana menurut Ibrahim (2008), kaedah OLS ini merupakan pendekatan terbaik bagi melihat hubungan pemboleh ubah dalam jangka masa panjang. Andaian yang sedia ada di dalam teori OLS seperti multikolineariti, heteroskedastisiti dan autokorerasi juga turut diuji bagi memastikan sama ada model yang dibentuk adalah yang terbaik. Selain itu, kajian ini juga menggunakan perisian *E-Views* dan IBM SPSS bagi tujuan analisis untuk mendapatkan keputusan analisis yang jitu dan bertepatan dengan objektif kajian.





3.2 Reka Bentuk Kajian

Polit dan Beck (2004), berpendapat yang bahawa reka bentuk kajian adalah teknik yang digunakan pengkaji untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Ianya merupakan cara untuk pengkaji berpeluang menguji kesahihan dan kesesuaian hipotesis seperti yang ditetapkan pada awal kajian (Polit & Beck, 2004). Manakala Sabitha (2005) pula menjelaskan bahawa reka bentuk kajian merupakan pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Ianya berfungsi sebagai panduan membantu pengkaji untuk proses memungut data, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan.

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menganalisis data-data yang telah dikumpul bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

Kajian kuantitatif ini lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil dengan menggunakan analisis statistik. Data-data yang digunakan dalam kajian ini adalah data sekunder. Data-data telah diperolehi daripada laman web atau portal-portal yang menyediakan sumber data tersebut dan ianya berbentuk angka. Analisis statistik telah digunakan bagi tujuan analisis data-data ini untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.





3.2 .1 Populasi Kajian

Kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk melihat sektor mana yang lebih berisiko akibat perubahan dalam faktor pemboleh ubah makroekonomi (iaitu: kadar pertukaran asing dan kadar inflasi) serta faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan sektor pasaran saham di Malaysia. Maka populasi kajian ini adalah melibatkan data-data bagi faktor pemboleh ubah makroekonomi (iaitu: kadar pertukaran asing dan kadar inflasi), faktor harga minyak mentah dunia dan juga data pulangan sektor pasaran saham di Malaysia.

3.2.2 Sampel Kajian



Sampel kajian ini adalah melibatkan data bagi bagi faktor pemboleh ubah makroekonomi (iaitu: kadar pertukaran asing dan kadar inflasi), faktor harga minyak mentah dunia dan pulangan sektor pasaran saham di Malaysia yang bermula September 2003 hingga November 2016. Selain itu data-data ini juga diambil secara bulanan yang mana ianya melibatkan 159 bulan bagi tempoh tersebut.

3.3 Pembentukan Model Dan Spifikasi Model

Teori *Capital Asset Pricing Model* (CAPM) adalah merupakan penambahbaikan daripada model yang diperkenalkan oleh Harry Markowitz pada tahun 1959 iaitu Model *Markowitz Portfolio Theory* (Fama & French, 2004). Teori ini menerangkan hubungan





antara risiko dan jangkaan pulangan bagi aset atau saham. Penambahbaikan ini telah diperkenalkan oleh Sharpe (1964) dan Lintner (1965) dengan menambah dua lagi andaian baru. Andaian yang pertama ialah semua pelabur memilih pulangan yang tinggi bagi mana-mana tahap risiko. Manakala andaian kedua pula ialah pelabur boleh meminjam dan juga memberikan pinjaman pada kadar risiko yang bebas. Di samping itu, dalam teori ini diwujudkan juga dua jenis risiko iaitu risiko yang sistematik (yang boleh diukur) dan risiko tidak sistematik (yang tidak boleh diukur). Teori CAPM ini digunakan untuk menerangkan hubungan linear antara risiko dan pulangan yang diperlukan bagi aset (Fama & French, 2004). Dalam erti lain teori CAPM ini menyatakan bahawa pasaran saham utama berhubung secara linear dengan pulangan saham bagi setiap sektor yang ada bagi sesebuah negara. Berikut merupakan model asas bagi teori CAPM:



$$SR_{it} = \beta_0 + \beta_1 MR_t \quad (3.1)$$

Di mana,

SR_{it} = Pulangan pasaran saham sektor i pada tahun t

β_0 = Pemalar (Kadar bebas risiko)

MR_t = Pulangan pasaran saham utama pada tahun t

β = Koefisien





Di samping itu, menurut Flecther (2007) dalam teori CAPM ini hanya risiko yang sistematik sahaja yang diberikan ganjaran (pulangan yang dijangkakan) kerana risiko ini dapat diukur melalui nilai β . Manakala risiko tidak sistematik pula tidak diberi ganjaran (pulangan yang dijangkakan) kerana ianya tidak dapat diukur. Selain itu, dalam teori CAPM ini juga menyatakan bahawa hanya risiko yang sistematik sahaja yang dapat mempengaruhi pulangan pasaran saham dan risiko tidak sistematik tidak dapat mempengaruhi pulangan pasaran saham. Teori CAPM mengatakan bahawa semakin tinggi nilai β , semakin tinggi pulangan yang dijangka. Nilai β melebihi daripada nilai satu ($\beta > 1$) menunjukkan bahawa risiko sistematik adalah lebih tinggi berbanding dengan pulangan pasaran saham. Manakala nilai β kurang daripada satu ($\beta < 1$) pula menunjukkan bahawa risiko sistematik adalah lebih rendah daripada



pulangan pasaran saham. Misalnya, sekiranya nilai β adalah 1.35 menunjukkan bahawa peningkatan satu peratus risiko sistematik (indeks pasaran saham utama) semakin besar pulangan pasaran saham bagi sektor i iaitu sebanyak 1.35 peratus. Sekiranya nilai β adalah 0.70 pula, menunjukkan sekiranya berlaku peningkatan satu peratus risiko sistematik (indeks pasaran saham utama) pulangan saham yang diperolehi bagi sektor i adalah hanya 0.70 peratus sahaja. Dalam teori ini secara ringkasnya menyatakan bahawa pulangan pasaran bagi sektor adalah dipengaruhi sepenuhnya oleh indeks pasaran utama saham bagi sesebuah negara itu.





Namun, menurut Adler dan Dumas (1984), kadar pertukaran asing turut mempengaruhi pulangan saham bagi setiap sektor. Berikut adalah model asas yang dicadangkan oleh Adler dan Dumas (1984):

$$SR_{it} = \beta_0 + \beta_1 XR_t + \varepsilon \quad (3.2)$$

Di mana,

SR_{it} = Pulangan saham sektor i pada tahun t

β_0 = Pemalar (Kadar bebas risiko)

XR_t = Peratus perubahan kadar pertukaran asing pada tahun t

β_1 = Koefisien



Berdasarkan kajian oleh Bodnar dan Wong (2003) menyatakan bahawa pelabur atau pengurus risiko lebih berminat jika perubahan yang berlaku dalam pasaran saham dipengaruhi oleh perubahan dalam jangkaan aliran tunai syarikat itu. Perubahan ini adalah diakibatkan berlakunya turun naik dalam kadar pertukaran asing. Maka berpandukan kepada model CAPM yang terdahulu, model pengukuran yang seterusnya adalah seperti berikut:

$$SR_{it} = \beta_0 + \beta_1 MR_t + \beta_2 REXr_t + \varepsilon_t \quad (3.3)$$





Di mana,

SR_{it} = Pulangan pasaran saham sektor i pada tahun t

β_0 = Pemalar (Kadar bebas risiko)

MR_t = Pulangan pasaran saham utama pada tahun t

$REXR_t$ = Pulangan kadar pertukaran asing benar pada tahun t

β_i = Koefisien

i = Bilangan sektor ($i = 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8$ dan 9)

t = Data siri masa

ε_t = Sebutan ralat

Seterusnya, pembentukan model penganggaran kajian ini adalah merupakan hasil gabungan teori CAPM dan teori Adler dan Dumas (1964). Berdasarkan kepada

dua teori tersebut didapati hanya pulangan pasaran saham utama dan kadar pertukaran asing yang memberikan kesan ke atas pulangan pasaran saham bagi setiap sektor.

Namun begitu, berdasarkan dapatan-dapatan daripada kajian lepas terdapat lagi beberapa pemboleh ubah lain yang juga dapat memberikan kesan ke atas pulangan

pasaran saham bagi setiap sektor. Antaranya, ialah pemboleh ubah kadar inflasi yang mana apabila berlaku peningkatan kadar inflasi dapat menyebabkan nilai keuntungan

sebenar yang diperolehi oleh para pelabur dalam pasaran saham akan menyusut (Schcofman & Schweitzer, 2000; Daferighe & Charlie, 2012). Misalnya, dalam kajian

Omran dan Pointon (2001) telah mendapati bahawa kadar inflasi yang tinggi dapat membawa kesan yang negatif terhadap aktiviti pasaran dan aliran mudah tunai sama

ada bagi jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang di Mesir. Khumalo (2013) juga menemui bukti menunjukkan peningkatan kadar inflasi dapat memberikan kesan





yang negatif terhadap pasaran saham iaitu harga saham akan menurun sekiranya kadar inflasi meningkat. Sebaliknya pula, sekiranya sesebuah negara tersebut mempunyai polisi yang melindungi nilai pasaran saham daripada kesan kenaikan kadar inflasi maka ianya memberikan kesan yang positif (Adam & Tweneboah, 2008).

Selain itu, ialah pemboleh ubah harga minyak mentah dunia dapat memberikan kesan ke atas pulangan saham bagi setiap sektor. Misalnya, Lake dan Katrakilidis (2009) mendapati bahawa negara yang kebergantungan tinggi terhadap sektor minyak dapat menjejaskan pulangan pasaran saham negara tersebut akibat berlakunya kenaikan harga minyak mentah dunia. Harga minyak juga dapat memberikan kesan yang negatif ke atas pulangan pasaran saham bagi negara pengimport minyak dan sebaliknya kesan positif bagi negara pengeksport minyak (Shafi et al., 2015). Sementara itu, Adaramola (2012) juga menyatakan bahawa dalam jangka pendek kenaikan harga minyak dapat memberikan kesan positif terhadap pulangan pasaran saham sesebuah negara, namun bagi jangka panjang ianya memberikan kesan sebaliknya iaitu negatif. Selanjutnya, Oskooe (2011) pula menyatakan bahawa kenaikan harga minyak dunia tidak memberikan apa-apa kesan ke atas pulangan pasaran saham.

Berdasarkan dapatan kajian lepas, maka satu kajian akan dijalankan dengan menganggarkan bahawa turun naik harga minyak mentah dunia dan kadar inflasi juga mampu mempengaruhi pulangan saham bagi setiap sektor yang ada di Malaysia. Berikut merupakan model yang telah dianggarkan bagi penyelidikan ini:

$$SR_{it} = \beta_0 + \beta_1 MR_t + \beta_2 VOLreer_t + \beta_3 Rreer_t + \beta_4 OILp_t + \beta_5 InFr_t + \varepsilon_t \quad (3.4)$$





Di mana,

SR_{it} = Pulangan pasaran saham sektor i pada tahun t

β_0 = Pemalar (Kadar bebas risiko)

MR_t = Pulangan pasaran saham utama pada tahun t

$VOLreer_t$ = Kemeruapan kadar pertukaran asing pada tahun t

$Rreer_t$ = Pulangan kadar pertukaran asing benar pada tahun t

$OILp_t$ = Harga minyak (Per Barrel) pada tahun t

$InFr_t$ = Kadar inflasi pada tahun t

β_i = Koefisien

i = Bilangan sektor ($i = 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8$ dan 9)

t = Data siri masa

ε_t = Sebutan ralat



Pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini adalah terdiri daripada indeks pulangan saham bagi sembilan sektor utama terpilih di Malaysia. Antaranya ialah indeks pulangan saham sektor Perdagangan & Perkhidmatan, Teknologi, Hartanah, Perladangan, Perlombongan, Perindustrian, Kewangan, Produk Pengguna dan Pembinaan. Manakala bagi pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini terdiri daripada indeks pulangan pasaran saham utama Malaysia, kadar pertukaran asing, kadar inflasi dan juga harga minyak mentah dunia. Bagi pulangan pasaran saham utama (MR_t) Malaysia diukur dengan menggunakan indeks. Begitu juga dengan kadar inflasi ($InFr_t$) yang diukur menggunakan indeks. Manakala bagi kadar pertukaran asing pula





di wakili oleh pulangan kadar pertukaran asing ($Rreer_t$) dan juga kemeruapan kadar pertukaran asing ($VOLreer_t$). Pemboleh ubah seterusnya ialah harga minyak dunia di wakili dengan harga minyak mentah dunia per barrel ($OILp_t$).

Sementara itu, Ibrahim (2008) telah memasukkan pemboleh ubah patung yang mewakili penghargaannya mata wang (i) dan tempoh krisis (CR) dalam kajian beliau. Nilai $D=1$ telah mewakili bagi tempoh kenaikan mata wang dan $D=0$ pula mewakili bagi tempoh sebaliknya iaitu semasa tempoh nilai mata wang merosot. Begitu juga dengan tempoh krisis diwakili nilai $D=1$ dan tempoh sebaliknya tempoh bukan krisis diwakili $D=0$. Ini adalah bertujuan untuk melihat sama ada tempoh nilai mata wang merosot dan tempoh krisis akan dapat mempengaruhi pendedahan mata wang atau sebaliknya.

Bagi melihat sama ada wujud perbezaan pendedahan mata wang semasa terlebih nilai atau semasa berkurangan nilai maka ianya akan diuji melalui ujian hipotesis atau ujian kesignifikan bagi melihat sama ada pemboleh ubah patung tersebut signifikan atau sebaliknya. Sekiranya pemboleh ubah patung menunjukkan signifikan atau penting maka model penganggaran utama harus dibahagikan kepada dua regim iaitu sebelum dan selepas tempoh krisis.

Sementara itu, pemboleh ubah patung dalam kajian ini adalah mewakili tempoh krisis dunia yang berlaku pada tahun 2008. Kajian ini telah menggunakan data berfrekuensi tinggi iaitu data bulanan yang bermula daripada September 2003 hingga September 2016. Bagi data bulanan bermula Ogos 2008 hingga Februari 2009 akan diwakili dengan nilai 1, manakala selain daripada itu akan diwakili dengan nilai 0. Data bermula Ogos 2008 hingga Februari 2009 merupakan tempoh krisis ekonomi dunia





yang telah melanda seluruh dunia termasuk Malaysia (Laporan Bank Negara 2010).

Pada peringkat pertama model penganggaran yang telah dibina adalah seperti berikut:

$$SR_{it} = \beta_0 + \beta_1 MR_t + \beta_2 VOLreer_t + \beta_3 Rreer_t + \beta_4 OILp_t + \beta_5 InFr_t + \beta_6 WC + \varepsilon_t \quad (3.5)$$

Di mana,

SR_{it} = Pulangan pasaran saham sektor i pada tahun t

β_0 = Pemalar (Kadar bebas risiko)

MR_t = Pulangan pasaran saham utama pada tahun t

$VOLreer_t$ = Kemeruapan kadar pertukaran asing pada tahun t

$Rreer_t$ = Pulangan kadar pertukaran asing benar pada tahun t

$OILp_t$ = Harga minyak (Per Barrel) pada tahun t

$InFr_t$ = Kadar inflasi pada tahun t

WC_t = Pemboleh ubah Patung Bagi Mewakili Krisis dunia pada tahun t

β_i = Koefisien

i = Bilangan sektor ($i = 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8$ dan 9)

t = Data siri masa

ε_t = Sebutan ralat





Sekiranya didapati pemboleh ubah patung menunjukkan wujud kesignifikanan atau penting, maka pemecahan model penganggaran kepada dua regim iaitu sebelum dan selepas krisis dunia adalah benar atau perlu. Ini kerana, apabila pemboleh ubah patung penting ianya menunjukkan bahawa krisis dunia tersebut telah memberikan kesan atau pengaruh terhadap pulangan pasaran saham bagi sektor yang wujud di Malaysia. Regim yang pertama ianya meliputi data yang bermula September 2003 hingga Julai 2008, manakala regim yang kedua pula meliputi data bermula Mac 2009 hingga September 2016. Melalui pemecahan model penganggaran utama kepada dua, ianya dapat melihat sama ada wujud perbezaan pengaruh harga minyak dan pulangan kadar pertukaran asing terhadap pulangan pasaran saham bagi sebelum dan selepas krisis ekonomi.



3.4 Kaedah Diagnostik

Setelah model penganggaran terbentuk maka ianya perlu diuji dari segi ketepatan, kesignifikanan dan kebagusan model (Fuad Mohamed Berawi, 2016). Gujarati (2005) dan Mohd Anuar (1988) telah menyatakan bahawa setiap model penganggaran yang di bina perlu diuji dari tiga kriteria iaitu kriteria ekonometrik, kriteria statistik dan kriteria ekonomi. Bagi menguji kriteria-kriteria tersebut terdapat beberapa ujian yang telah dicadangkan oleh mereka bagi setiap pengujian kriteria tersebut.





3.7.1 Kriteria Ekonometrik

Secara umumnya, kriteria ekonometrik adalah bertujuan untuk menentukan sama ada andaian yang digunakan dalam sesuatu penganggaran memenuhi kehendak teori ekonometrik atau sebaliknya. Pada peringkat ini, pengkaji akan melihat atau menentukan kebenaran kriteria statistik. Ianya juga melihat sama ada penganggaran yang dibuat memenuhi syarat-syarat kesaksamaan, konsisten atau sebaliknya. Sekiranya andaian bagi kaedah ekonometrik tidak dipenuhi contohnya terdapat penganggaran yang pincang, maka sudah tentu model yang didapati tidak boleh diterima.



3.7.1.1 Multikolineariti

Multikolineariti ini ialah masalah yang mana terdapatnya hubungan yang sempurna atau *perfect correlation* dalam kalangan sebahagian pemboleh ubah tidak bersandar dalam sesuatu model. Ini bertentangan dengan salah satu andaian klasik bagi model regresi berbilang ialah tidak terdapat multikolineariti (*multicollinearity*) atau ringkasnya MC dalam kalangan pemboleh ubah bebas yang dimasukkan ke dalam model. Dalam erti lain tiada hubungan diantara pemboleh ubah tidak bersandar seperti X_1 dengan X_2 dan juga dengan pemboleh ubah tidak bersandar yang lain.



**Bentuk multikolineariti adalah:**

- i) Terdapat hubungan yang linear sempurna di kalangan sebahagian atau semua pemboleh ubah bebas dalam model regresi. Ia ditunjukkan di dalam persamaan model dibawah :

$$Y = \beta_1 + \beta_2 X_{2i} + \beta_3 X_{3i} + \mu_t$$

- ii) Terdapat hubungan yang sempurna antara pemboleh ubah bebas X_2 dengan X_3 dan ia ditunjukkan di dalam persamaan model dibawah:

$$\lambda_2 X_2 = \lambda_3 X_3, \text{ dimana } \lambda_2 \text{ dan } \lambda_3 \text{ bukan } 0$$

- iii) Terdapat hubungan yang terdapat banyak pemboleh ubah bebas yang disimpulkan kepada model regresi liner berbilang adalah seperti berikut :

$$\lambda_1 X_1 + \lambda_2 X_2 + \lambda_3 X_3 + \dots + \lambda_k X_k = 0$$

- iv) Terdapat unsur ralat rawak yang bersifat stokastik dalam persamaan regresi liner berbilang dapat ditunjukkan seperti dibawah :

$$\lambda_1 X_1 + \lambda_2 X_2 + \lambda_3 X_3 + \dots + \lambda_k X_k + V_t = 0$$

Faktor-faktor wujud multikolineariti:

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan boleh wujudnya masalah multikolineariti ini dalam satu-satu model. Antaranya ialah:

- i. Terdapatnya kecenderungan yang pemboleh ubah ekonomi bergerak serentak mengikut masa.
- ii. Penggunaan pemboleh ubah tidak bersandar tertangguh yang berasingan sebagai satu pemboleh ubah tak bersandar dalam sesuatu model.





3.7.1.2 Heteroskedastisiti

Masalah heteroskedastisiti ini ialah wujudnya masalah iaitu nilai varian yang tidak malar. Hal ini telah melanggar salah satu daripada andaian model regresi linear klasik ialah varian kepada tiap-tiap cerapan terma gangguan (*disturbance term*), iaitu varian u_t adalah malar (*constant*). Jika andaian ini dipenuhi, ia dikenali sebagai homoskedastisiti yang merujuk kepada variasi atau varian yang sama iaitu $\text{var}(u_t) = E(u_t)^2 = \sigma^2$. Tetapi jika tidak dipenuhi terdapatlah apa yang dikenali sebagai heteroskedastisiti, iaitu variannya berubah-ubah. Selain itu, untuk mengesan heteroskedastisiti ia boleh dilakukan berdasarkan kepada beberapa kaedah seperti yang berikut:



1. Kaedah formal

i) Ujian Park (Park Test)

Ujian Park ini telah diperkenalkan oleh Rolla Edward Park pada tahun 1966 (Fuad Mohamed Berawi, 2016). Tujuannya adalah untuk melihat sama ada model penganggaran yang dibina wujud masalah heteroskedastisiti atau tidak wujud masalah heteroskedastisiti. Park juga telah mencadangkan bahawa satu persamaan varian (σ_i^2) yang diwakili μ_i^2 . Bagi untuk menguji kehadiran masalah heteroskedastisiti dalam sesuatu model itu, maka model asal perlu diubah kepada bentuk baru iaitu seperti di bawah:-

$$\text{Ln}\hat{\mu}_i^2 = \beta_1 - \beta_2 \text{Ln}X_2$$



Setelah dijalankan ujian kesignifikanan pada β_2 didapati bahawa $\hat{\beta}_2^\lambda$ terangkan adalah tidak signifikan dalam menerangkan $Ln\hat{\mu}_i^2$ maka akan terima H_0 . Oleh itu tidak wujud masalah heteroskedastisiti dalam model tersebut.

ii) Ujian Glesjer (*Glesjer Test*)

Ujian Glejser dilakukan dengan meregresikan pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas terhadap nilai mutlak residualnya (Gujarati, 2004). Sebagai pengertian dasar, residual adalah selisih antara nilai pemerhatian dengan nilai ramalan; dan mutlak adalah nilai mutlaknya. Bentuk Ujian Glesjer adalah seperti berikut;-

$$1. \quad |\hat{U}| = \beta_1 + \beta_2 X_1 + v_t$$

$$2. \quad |\hat{U}| = \beta_1 + \beta_2 \sqrt{X_1} + v_t$$

$$3. \quad |\hat{U}| = \beta_1 + \beta_2 \left(\frac{1}{X_1} \right) + v_t$$

$$4. \quad |\hat{U}| = \beta_1 + \beta_2 \frac{1}{\sqrt{X_1}} + v_t$$

$$5. \quad |\hat{U}| = \sqrt{\beta_1 + \beta_2 X_t} + v_t$$

$$6. \quad |\hat{U}| = \sqrt{\beta_1 + \beta_2 X_t^2} + v_t$$

Setelah dijalankan ujian kesignifikanan keputusan yang diperolehi adalah terima H_0 . Ini bererti yang bahawa bahawa $\hat{\beta}_2$ tidak penting dalam menerangkan Y_t dengan erti lain tidak wujud masalah heteroskedastisiti. Keputusan ini adalah selari dengan ujian Park (*Park Test*) dalam pengujian yang sama.



2. Kaedah informal

i) Kaedah Grafik

Kaedah ini dapat dilakukan dengan membuat plot kuasa dua ralat sampel, iaitu pada paksi menegak dengan pemboleh ubah bebas, pada paksi mendatar. Daripada corak taburan plot ini, kita dapat mengenalpasti sama ada ralatnya bercorak homoskedastisiti atau heteroskedastisiti. Jika corak taburannya seragam, ini menunjukkan varian adalah homoskedastisiti dan jika sebaliknya varian adalah heteroskedastisiti.

3.7.1.3 Autokorelasi



Salah satu andaian model regresi linear klasik ialah tidak ada perhubungan antara satu gangguan (*disturbance*) atau ralat dengan gangguan atau ralat yang lain. Ini bermakna, nilai ralat daripada cerapan (*observation*) yang pertama tidak mempengaruhi nilai ralat daripada cerapan kedua, ketiga dan seterusnya. Andaian klasik ini boleh ditulis dalam bentuk simbol statistik seperti berikut:

$$E(u_i u_j) = 0 \quad \text{apabila } i = j$$

Penyataan simbol statistik itu bermakna perhubungan antara ralat yang ke-*i* dengan ralat yang ke-*j* adalah kosong (tiada hubungan atau korelasi antara kedua ralat berkenaan). Sebaliknya, jika terdapat perhubungan antara keduanya, iaitu :-

$$E(u_i u_j) \neq 0 \quad \text{apabila } i \neq j$$





Pernyataan simbol statistik ini pula bermakna perhubungan antara ralat yang ke- i dengan ralat yang ke- j adalah bukan kosong. (ada hubungan atau korelasi antara kedua ralat berkenaan). Oleh itu dalam kes yang baru ini, wujudlah masalah autokorelasi dalam model regresi yang hendak dianggarkan. Ini juga bermakna nilai ralat pada cerapan yang ke- i , iaitu u_i akan mempengaruhi nilai ralat pada cerapan yang ke- j , iaitu u_j . Oleh itu ralatnya bukan lagi rawak seperti yang dikehendaki oleh andaian klasik. Inilah yang dimaksudkan dengan autokorelasi.

1. Pengujian masalah autokorelasi

Ujian *Durbin-Watson d* (DW- d)

Ujian statistik *Durbin-Watson* ini telah diperkenalkan oleh James Durbin dan Geoffrey Watson pada 1950 (Fuad Mohamed Berawi, 2016). Ujian ini telah digunakan bagi tujuan untuk mengesan kewujudan masalah autokorelasi dalam sesuatu model penganggaran yang telah dibina.

Syarat Ujian *Durbin-Watson d* (DW- d)

- i) Model mempunyai intersep. Jika tiada intersep perlu gunakan ujian *Runs*.
- ii) Ralat wujud dalam bentuk $AR1(\mu_t = \rho\mu_{t-1} + \varepsilon_t)$ dengan $-1 < \rho < 1$.
- iii) Tiada pemboleh ubah bersandar tertangguh $Y_t = f(Y_{t-1})$.

Langkah-langkah Ujian *Durbin-Watson*

- i) Bina ujian hipotesis iaitu hipotesis nol (H_0) dan hipotesis alternatif (H_1).
- ii) Dapatkan statistic *Durbin-Watson d* (DW- d).





iii) Dapatkan *Durbin Lower* (d_L) dan *Durbin Upper* (d_U) daripada jadual *Durbin-Watson*.

iv) Dapatkan $4 - d_L$ dan $4 - d_U$ daripada *Durbin Lower* (d_L) dan *Durbin Upper* (d_U).

v) Uji sama ada terima atau tolak (tidak terima) hipotesis nol (H_0) dan hipotesis alternatif (H_1).

3.7.2 Kriteria Statistik

Dalam sesuatu model itu perlu ia perlu memenuhi kriteria statistik selain daripada kriteria ekonometrik kerana Kriteria statistik merupakan kriteria kedua yang terpenting selepas kriteria ekonometrik. Bagi untuk melihat sama ada parameter yang digunakan dalam sesuatu model yang dianggarkan itu ia akan ditentukan oleh teori statistik. Melaluinya pengkaji akan dapat melihat hubungan setiap pemboleh ubah yang wujud perkaitan yang tidak sempurna disebabkan terdapatnya unsur rawak yang bersifat stokastik iaitu pemboleh ubah yang mempunyai taburan kebarangkalian tertentu. Kriteria statistik yang biasa digunakan ialah pekali penentuan (R^2) dan juga sisihan piawai.





Pekali penentuan (R^2) digunakan untuk menunjukkan peratus perubahan bagi pemboleh ubah tidak bersandar dalam sesuatu model dapat menerangkan perubahan pemboleh ubah bersandar. Manakala sisihan piawai sesuatu parameter pula menentukan besarnya kesilapan yang dibuat berbanding dengan parameter yang sebenarnya. Semakin besar nilai sisihan piawai bererti kurang tepat sesuatu model itu daripada keadaan sebenarnya dan begitu juga sebaliknya. Sesuatu parameter yang dianggarkan seharusnya ditolak seandainya didapati bahawa tanda dan saiznya berlawanan dengan apa yang terdapat dalam teori ekonomi walaupun darjah pekali penentuannya adalah tinggi ataupun sisihan piawainya kecil.

3.7.2.1 Pekali Penentuan (R^2)



Pekali penentu adalah merujuk kepada nisbah variasi pemboleh ubah bersandar yang dijelaskan atau ditentukan oleh pemboleh ubah bebas berbanding dengan variasi totalnya. Pekali penentu ini digunakan untuk melihat berapa banyak daripada pemboleh ubah tidak bersandar dapat menerangkan variasi dalam pemboleh ubah bersandar. Selain itu, pekali ini juga digunakan untuk menentukan sejauh mana garisan regresi sampel (*sample regression line*) akan sepadan (*fit*) dengan data-data dalam sampel yang digunakan untuk menganggar garisan regresi populasi (*population regression line*). Statistik tersebut memberi maklumat bahawa semakin dekat garisan regresi dengan data sampel, semakin baik garisan tersebut untuk menerangkan perubahan pemboleh ubah bersandar yang disebabkan perubahan pemboleh ubah penerang.





Dalam model regresi mudah, R^2/r^2 dikenali pekali penentuan yang mempunyai satu sahaja pemboleh ubah bebas, manakala dalam model regresi berbilang, R^2 dikenali sebagai pekali penentuan berbilang yang mengandungi lebih daripada satu pemboleh ubah tidak bersandar seperti yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi import Malaysia. Oleh itu, bagi kes lima pemboleh ubah, R^2 didefinisikan sebagai nisbah antara variasi Y_t yang dijelaskan secara bersama oleh R^2 dapat dijelaskan secara bersama oleh X_1, X_2, X_3, X_4 dan X_5 . (RSS) dibahagi dengan variasi $Y_i(TSS)$ iaitu:

$$R^2 = \frac{RSS}{TSS}$$



3.7.2.2 Ujian Kesignifikan Secara Individu (Ujian T-Test)

Ujian kesignifikan ini digunakan bagi tujuan untuk menguji sama ada pemboleh ubah tidak bersandar ini penting dalam menerangkan pemboleh ubah bersandar pada aras keyakinan tertentu. Sebagai contoh pada aras keyakinan 95%. Formula t statistik adalah seperti:

$$t_s = (b_2 - \beta_2) / se(b_2)$$

$$= b_2 / se(b_2)$$

atau

$$t^* = \frac{(\beta - \hat{\beta})}{se\hat{\beta}}$$





Apabila $Se(b_2)$ adalah penganggar kepada $Se(b_2)$ sebenar. Berdasarkan taburan t , peraturan membuat keputusan adalah seperti berikut:

Tolak H_0 jika $|t| > t_{\alpha/2, n-k}$

Terima H_0 jika $|t| \leq t_{\alpha/2, n-k}$

Berdasarkan nilai t^* yang lebih besar dari nilai $t_{\alpha/2, n-k}$ maka akan tolak H_0 dan ini menunjukkan yang bahawa pemboleh ubah tidak bersandar itu penting dalam menerangkan pemboleh ubah bersandar pada aras keyakinan tertentu. Sebaliknya jika nilai t^* yang lebih kecil dari nilai $t_{\alpha/2, n-k}$ maka akan terima H_0 . Terima H_0 bererti yang pemboleh ubah tidak bersandar itu tidak penting dalam menerangkan pemboleh ubah bersandar.



3.7.2.3 Ujian Kebagusan Padanan Model (F-Test)

Ujian F ini digunakan melihat sama ada padanan model ini baik/bagus atau tidak/tidak bagus. Model yang baik/bagus akan memberikan nilai F^* yang lebih besar daripada nilai kritikal F pada aras keertian α , darjah kebebasan $(k-1)$ dan $(n-1)$ dengan n ialah bilangan cerapan dan k ialah bilangan parameter dalam model. Model yang tidak baik/tidak bagus menunjukkan yang bahawa pemboleh ubah penentu itu dikatakan tidak penting untuk digunakan sebagai penerangan dalam model tersebut.





Formulanya adalah seperti berikut:

$$F = \frac{ESS/df}{RSS/df}$$

df = darjah kebebasan (degree of freedom)

atau

$$F = \frac{k-1}{n-k}$$

k = bilangan parameter dalam model

n = saiz sampel

Nilai F^* boleh diperoleh daripada output SPSS yang diberikan dalam jadual

anova (*analysis of variance*). Dengan menggunakan ujian F , kita boleh menolak H_0

jika F^* lebih besar daripada $F_{\alpha/2, k-1, n-k}$ Sebaliknya jika F^* lebih kecil

dari $F_{\alpha/2, k-1, n-k}$ kita tidak boleh menolak H_0 . Nilai

$F_{\alpha/2, k-1, n-k}$ boleh diperoleh daripada jadual F .

3.7.3 Kriteria Ekonomi

Dalam sesuatu model itu kriteria ekonomi akan ditentukan dengan berdasarkan teori dan juga hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas dan biasanya diwakili pada tanda dan saiz parameter bagi hubungan tersebut. Seperti yang diketahui bahawa pekali bagi sesuatu model adalah tetap (contohnya: keanjalan, kecenderungan mengguna sut (MPC), nilai sut dan sebagainya). Dalam teori ekonomi pekali-pekali tersebut serta





tanda dan saiznya didefinisikan iaitu syarat-syarat yang dikenakan kepada pekali-pekali tersebut contohnya Kecenderungan Mengguna Sut (KMS) mestilah di antara 0 dengan 1 atau $0 < \text{KMS} < 1$.

3.7.3.1 Analisis Koefisien

Keanjalan adalah bertujuan untuk melihat kesan terhadap pemboleh ubah bersandar (Y_t) apabila berlaku kenaikan atau penurunan dalam nilai pemboleh ubah bebas (X_t). Berikut merupakan kaedah yang digunakan untuk mengira nilai koefisien model biasa adalah seperti berikut:



$$\begin{aligned} \text{Keanjalan } X_{1t} \text{ ke atas } Y_t &= \frac{dY_t}{dX_{1t}} \times \frac{X_{1t}}{Y_t} \\ &= \beta_1 \cdot \frac{\bar{X}_{1t}}{\bar{Y}_t} \end{aligned}$$

Kaedah yang sama digunakan untuk mengira nilai keanjalan bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah X_2 , X_3 , X_4 dan X_5 .

3.7.3.2 Analisis Tata Tanda

Analisis tata tanda ini adalah bertujuan untuk melihat sama ada tata tanda yang diperolehi berdasarkan model penganggaran yang dibina menepati atau tidak menepati tata tanda teori. Misalnya, Teori Penggunaan Keynes menyatakan bahawa penggunaan



(C_t) akan meningkat apabila berlakunya peningkatan dalam pendapatan (Y_t) . Berdasarkan daripada teori tersebut menunjukkan bahawa penggunaan (C_t) adalah berhubung secara positif dengan pendapatan (Y_t) . Namun, jika hasil penganggaran sesuatu model telah mendapati bahawa penggunaan (C_t) dengan pendapatan (Y_t) adalah negatif maka hasil penganggaran daripada model yang telah dibina cenderung untuk ditolak.

Maka, dalam kajian berdasarkan teori asas *Capital Asset Pricing Model* (CAPM) menunjukkan bahawa pulangan pasaran saham bagi setiap sektor adalah berhubung secara positif dengan pasaran utama saham sesebuah ekonomi itu. Selain itu hasil penambahbaikan daripada model asal juga menunjukkan bahawa pemboleh ubah makroekonomi seperti kadar pertukaran asing dan kadar inflasi boleh memberikan kesan yang positif dan juga negatif. Begitu juga dengan pemboleh ubah harga mentah minyak dunia juga boleh memberikan kesan yang positif dan negatif.

3.5 Model *Generalized Autoregressive Conditionally Heteroskedastic* GARCH (1,1)

Taburan bagi pintasan GARCH adalah seperti berikut,

$$\varepsilon_t / \psi_{t-1} \sim N(0, h_t)$$

di mana,

ψ_{t-1} adalah maklumat yang diperlukan pada masa tertangguh $(t-1)$. Oleh itu

Varians bersyarat (h_t) adalah,



$$h_t = w + \sum_{i=1}^q \alpha_i \varepsilon_{t-i}^2 + \sum_{j=1}^p \beta_j h_{t-j}$$

Maka, model regresi GARCH untuk siri r_t boleh ditulis sebagai,

$$\phi(B)r_t = \mu + \varepsilon_t, \text{ dengan } \phi(B) = 1 - \phi_1 B - \phi_2 B^2 - \dots$$

$$\varepsilon_t = \sqrt{h_t} e_t$$

$$e_t \sim N(0,1)$$

$$h_t = w + \sum_{i=1}^q \alpha_i \varepsilon_{t-i}^2 + \sum_{j=1}^p \beta_j h_{t-j}$$

Dimana, B adalah pemboleh ubah terlet (*Backward Shift Operator*) yang

ditakrifkan sebagai $B^k y_t = y_{t-k}$. Seterusnya, pemboleh ubah μ adalah terma *constant*

di mana secara praktikal nilai menghampiri kosong atau kosong. Nilai kosong atau menghampiri kosong menunjukkan bahawa biasanya tiada peluang untuk menjangkakan nilai r_t pada data yang lalu. Dengan erti lain ialah tidak wujud proses autoregresif terhadap r_t .



3.6 Pengiraan Reja (*Residual*)

Bagi tujuan untuk menjalankan ujian Park dan Ujian Glesjer model utama perlu di transformasikan kepada model baru yang mana reja menjadi pemboleh ubah bersandar.

Model asal,

$$Y_t = \beta_0 + \beta_1 X_{1t} + \mu_t$$

Model baru (model reja)

$$\mu_t = Y_t (\hat{\beta}_0 + \hat{\beta}_1 X_{1t})$$

Bagi mendapatkan reja μ_t adalah hasil tolak data sebenar dengan data yang teranggar.

Contoh:

Berdasarkan kajian Kamarul dan Norimah (2015), katakan bahawa,

$$KDNK_t = 4.853 + 0.081EDUEX_t + 0.098GFCF_t + 0.719TLFP \quad (3.6)$$

$$Se = (0.073) \quad (0.061) \quad (0.029) \quad (0.150)$$

$$t = (66.098) \quad (1.329)^{***} \quad (3.389)^{***} \quad (4.777)^{***}$$

$$\text{Ujian } F^* = 480.976 \quad R^2 = 0.978 \quad \bar{R}^2 = 0.976$$

Jadual 3.1

Contoh data bagi pengiraan Reja

Tahun	$KDNK_t$	$GFCF_t$	$EDUEX_t$	$TLFP_t$	Nilai sebenar data	Reja μ_t (Nilai sebenar – nilai teranggar)
1980	20.47	16.71	18.03	15.35	18.98	1.48
1981	20.44	16.78	18.17	15.41	19.05	1.39
1982	20.44	16.80	18.26	15.47	19.10	1.34
1983	20.47	16.88	18.18	15.51	19.13	1.34
1984	20.50	16.84	18.21	15.53	19.15	1.36
1985	20.49	16.68	18.24	15.55	19.14	1.35
1986	20.49	16.43	18.34	15.57	19.14	1.35
1987	20.54	16.42	18.30	15.60	19.16	1.38
1988	20.61	16.60	18.34	15.63	19.21	1.41
1989	20.67	16.83	18.44	15.67	19.26	1.41

Cara pengiraan adalah seperti berikut:

$$\mu_t = Y_t - \hat{Y}_t$$

$$\mu_t = Y_t - (4.853 + 0.081EDUEX_t + 0.098GFCF_t + 0.719TLFP)$$

$$\mu_t = 20.47 - (4.853 + 0.081(18.03) + 0.098(16.71) + 0.719(15.35))$$

$$\mu_t = 18.98 \text{ (Nilai } \mu_t \text{ adalah merupakan nilai reja bagi model di atas)}$$

3.7 Kaedah Penganggaran

Kaedah penganggaran digunakan oleh penyelidik untuk menilai sejauh mana ketepatan statistik sampel sebagai penganggar kepada parameter populasi yang selalunya tidak diketahui. Kaedah yang boleh digunakan oleh penyelidik adalah Kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS- *Ordinary Least Square*).



3.7.1 Kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS-Ordinary Least Square)

OLS atau kaedah Penganggaran Kuasa Dua Terkecil merupakan kaedah penganggaran yang paling popular bagi menganggarkan parameter-parameter yang terdapat dalam model hipotesis. Terdapat banyak sebab kaedah ini digunakan, dia antaranya ialah:

- i) Penganggaran parameter dengan menggunakan kaedah ini akan menghasilkan parameter yang bersifat optimum.
- ii) Cara pengiraan dengan menggunakan kaedah ini adalah mudah jika dibandingkan dengan kaedah ekonometrik yang lain dan kaedah ini tidak memerlukan data yang banyak.
- iii) Kaedah kuasa dua terkecil ini digunakan secara meluas dalam hubungan ekonomi dan kebanyakannya menghasilkan keputusan yang baik. Dengan
yang demikian, ia menyebabkan kaedah ini sangat popular digunakan semasa menganggarkan hubungan dalam model ekonometrik.
- iv) Kaedah kuasa dua terkecil adalah komponen yang penting dalam kebanyakan kaedah ekonometrik.

Sesuai penganggar juga dikatakan paling baik apabila variannya adalah paling kecil jika dibandingkan dengan penganggar yang didapati daripada kaedah-kaedah lain dalam ekonometrik. Ia dikatakan cekap sekiranya ia memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Penganggarnya saksama.
- ii) Ia mempunyai varians yang paling kecil berbanding dengan varians parameter yang lain yang saksama.



3.7.2 Andaian Kuasa Dua Terkecil (OLS-*Ordinary Least Square*)

Dalam sesuatu model penganggaran regresi linear itu terdapatnya beberapa andaian. Antaranya ialah andaian yang berkaitan dengan sebutan rawak u iaitu terdiri daripada taburan u , hubungan antara u dan juga hubungan antara u dengan pemboleh ubah tak bersandar. Selain itu, andaian ini juga ada berkaitan dengan hubungan antara pemboleh ubah tak bersandar. Berikut merupakan beberapa andaian yang terdapat dalam model regresi linear.

- i) **Andaian Pertama:** Pemboleh ubah u adalah pemboleh ubah rawak yang sebenar.

Nilai u yang diandaikan pada waktu tertentu adalah bergantung pada kemungkinan bahawa ia boleh jadi bernilai positif, negatif atau sifar. Tiap-tiap nilai tersebut mempunyai kebarangkalian yang tertentu.

- ii) **Andaian Kedua:** Purata u adalah sifar

Andaian ini bermaksud pada tiap-tiap nilai X , u boleh jadi bernilai positif, negatif ataupun sifar, walaupun demikian nilai purata bagi u adalah sifar.

- iii) **Andaian Ketiga:** Varians bagi u adalah tetap.

Andaian ini bermaksud bahawa pada mana-mana nilai X , nilai varians bagi u adalah tetap (pada mana-mana sampel)

- iv) **Andaian Keempat:** Pemboleh ubah u mempunyai taburan normal.

Andaian ini bermaksud apabila nilai-nilai X diberikan, didapati taburan bagi nilai-nilai u adalah berbentuk normal (iaitu mempunyai taburan berbentuk loceng).



v) **Andaian Kelima:** Sebutan rawak (u_i, u_j) adalah tidak bergantung.

Andaian ini bermaksud bahawa semua nilai kovarians di antara u_i dengan u_j ($i \neq j$) adalah sama dengan sifar. Dengan perkataan lain dapatlah dikatakan bahawa tidak terdapat hubungan antara nilai-nilai u dari suatu masa dengan masa yang lain.

vi) **Andaian Keenam:** u tidak bergantung pada pemboleh ubah tak bersandar.

Sebutan rawak u tidak berkait dengan pemboleh ubah tak bersandar. Tegasnya kita boleh menyatakan bahawa kovarians u dengan pemboleh ubah tak bersandar adalah sama dengan sifar.

vii) **Andaian Ketujuh:** Pemboleh ubah tak bersandar diukur tanpa ralat.

Seperti yang dijelaskan sebelumnya u adalah atau mewakili pemboleh ubah

yang tertinggal yang menyebabkan berlaku kesilapan terhadap Y . Ini bermakna pengukuran yang dilakukan terhadap nilai X adalah tepat.

viii) **Andaian Kelapan:** Tidak terdapat korelasi yang tepat antara pemboleh ubah tak bersandar. Sekiranya terdapat lebih daripada satu pemboleh ubah tak bersandar dalam sesuatu fungsi maka adalah diandaikan bahawa tidak terdapat hubungan yang rapat di antara pemboleh ubah tak bersandar tersebut atau dengan kata lain tidak terdapat kolinearan boleh bilang yang tinggi antara pemboleh ubah tak bersandar.

ix) **Andaian Kesembilan:** Pemboleh ubah yang terdapat dalam hubungan sepatutnya diagregatkan dengan cara yang betul. Pada kebiasaannya pemboleh ubah X dan Y didapati dalam bentuk agregat dengan kedua-duanya merupakan jumlah tiap-tiap individu yang diagregatkan dengan cara yang betul.





- x) **Andaian Kesepuluh:** Hubungan yang dianggarkan dicamkan terlebih dahulu. Diandaikan bahawa pekali yang hendak dianggarkan mempunyai bentuk matematik yang unik yang tidak mengandungi pemboleh ubah yang sama dengan persamaan lain yang berkaitan dengannya. Hanya dengan menggunakan andaian ini kita akan dapat menentukan bahawa pekali daripada keputusan yang didapati merupakan parameter yang sebenarnya dikaji.
- xi) **Andaian Kesebelas:** Hubungan yang dikaji merupakan hubungan yang tepat. Diandaikan bahawa pemboleh ubah tak bersandar yang digunakan adalah pemboleh ubah yang tepat dengan dimasukkan kesemua pemboleh ubah tak bersandar yang penting ke dalam model tersebut dan juga bentuk matematiknya adalah betul.



3.7.3 *Best Linear Unbiased Estimator* (BLUE)

Teori ini menjamin bahawa untuk menganggarkan model statistik atau model ekonometrik yang dibentuk, penganggar yang menggunakan teknik kuasa dua terkecil (OLS) adalah yang terbaik. Ini bermakna, jika dibandingkan dengan penganggar linear yang lain yang tidak bias, penganggar OLS adalah yang terbaik, iaitu mempunyai variabiliti pensampelan yang minimum. Pernyataan teori ini, dapat diringkaskan kepada BLUE (*Best Linear Unbiased Estimator*) yang membawa maksud penganggar linear tidak bias yang terbaik.





3.8 Kaedah Pembentukan Model

Dalam pembentukan sesuatu model penganggaran ekonometrik, Mohd Anuar (1988) dalam bukunya telah mencadangkan terdapat empat peringkat sebelum model dibentuk. Antaranya ialah peringkat pembinaan model, penganggaran model, penilaian model dan juga menilai kuasa peramalan sesuatu model.

3.8.1 Peringkat Pertama: Pembinaan Model

Pada peringkat pembinaan model ini, pengkaji perlu membentuk model yang dikehendaki dan pada asasnya perlulah berdasarkan teori ekonomi bagi mengkaji pemboleh ubah ekonomi. Hubungan ini diterangkan dalam bentuk model matematik yang di dalamnya harus terdiri daripada;

i) Pemboleh ubah bagi Model

Pada peringkat awal dalam pembinaan model pengkaji perlu menentukan sama ada pemboleh ubah yang mana menjadi akan menjadi pemboleh ubah bersandar yang menerangkan pemboleh ubah tidak bersandar.

ii) Tanda dan Sifat Parameter

Seterusnya pengkaji perlu menentukan tanda dan juga saiz yang dikehendaki dalam model tersebut.

iii) Bentuk Matematik Sesuatu Model

Ketiga pengkaji perlu membentuk model yang terdapat hubungan di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Pengkaji boleh membentuk model tersebut sama ada hubungan tersebut berbentuk linear atau tak linear.





3.8.2 Peringkat Kedua: Penganggaran Model

Selepas model telah dibentuk, pengkaji akan perlu menganggarkan parameter bagi setiap pemboleh ubah yang terdapat dalam model yang dibentuk tadi. Penganggaran dibuat berdasarkan kaedah ekonometrik yang sesuai. Perkara yang perlu ada pada peringkat ini ialah;

i) Mendapatkan Data untuk Menganggarkan Sesuatu Model

Pengkaji perlu mendapatkan data bagi setiap pemboleh ubah yang terdapat dalam model yang telah dibentuk. Data boleh berbentuk data siri masa iaitu boleh terbahagi kepada beberapa jenis data siri masa antaranya data siri masa tahunan, sukuan, bulanan, mingguan dan juga harian. Selain itu, data boleh berbentuk data keratan rentas dan juga data yang dicipta oleh para ahli ekonometrik.



ii) Pencaman Sesuatu Fungsi



Seterusnya pengkaji perlu membuat pencaman bagi model yang telah dibentuk tadi. Pencaman ini adalah sebagai ringkasan setiap pemboleh ubah yang terdapat dalam model. Pencaman ini boleh dilakukan secara tepat atau sebaliknya.

iii) Masalah Pengangregatan Sesuatu Pemboleh ubah

Selain itu, pengkaji juga harus memeriksa jika terdapatnya masalah pengangregatan pemboleh ubah yang terdapat dalam model yang telah dibentuk tadi.

iv) Darjah Kolerasi antara Pemboleh ubah Tak Bersandar

Perkara seterusnya yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah melihat darjah kolerasi bagi setiap pemboleh ubah tak bersandar yang ada dalam model tersebut.

v) Pemilihan Kaedah Ekonometrik yang Sesuai

Akhir sekali dalam peringkat kedua ini pengkaji perlu memilih kaedah ekonometrik yang sesuai untuk digunakan bagi menganggarkan model yang dibina tadi. Selain





perlu berserta dengan andaian yang digunakan serta implikasi ekonomi terhadap parameter yang dianggarkan.

3.8.3 Peringkat Ketiga: Penilaian Model

Pada peringkat seterusnya iaitu peringkat ketiga pengkaji perlu melakukan pengujian terhadap semua parameter bagi mengetahui kesahihannya. Ujian tersebut adalah dinamakan sebagai pengujian hipotesis. Pengkaji akan menilai keputusannya ujian tersebut iaitu sejauh mana kebenarannya. Proses ini dilihat melalui beberapa aspek yang dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:



i) **Kriteria Ekonometrik**



Manakala kriteria ekonometrik pula ditentukan oleh teori ekonometrik yang bertujuan untuk menentukan andaian yang digunakan dalam sesuatu penganggaran sama ada memenuhi kehendak teori ekonometrik atau tidak.

ii) **Kriteria Statistik**

Kriteria statistik pula akan ditentukan oleh teori statistik yang digunakan untuk melihat kebenaran parameter yang dianggarkan dalam model yang telah dibentuk.

iii) **Kriteria Ekonomi**

Kriteria ekonomi ini akan ditentukan dengan berdasarkan teori ekonomi iaitu yang biasanya dirujuk kepada tanda dan saiz parameter bagi model yang dibina.





3.8.4 Peringkat Keempat: Menilai Kuasa Peramalan Sesuatu Model

Pada peringkat terakhir dalam pembentukan model adalah menilai kuasa peramalan bagi sesuatu model. Pengkaji perlu menilai model yang telah dibina tadi. Tujuan adalah untuk mendapatkan penganggaran pekali yang terbaik bagi sesuatu hubungan ekonomi. Sebelum peramalan dilakukan pengkaji akan menguji keupayaan model yang dibina tadi. Seterusnya pengkaji akan memeriksa kestabilan sesuatu penganggaran yang diperolehi. Akhir sekali, pengkaji perlu membandingkan nilai yang dianggarkan dengan nilai sebenar dan dari situ keputusan sesuatu model itu tepat atau tidak dapat diketahui.



3.9 Sifat Yang Diperlukan Bagi Sesuatu Model

Sesuatu model ekonometrik yang terbaik adalah model yang mana parameternya dianggarkan dengan menggunakan kaedah ekonometrik yang sesuai. Ketepatan bagi sesuatu model yang baik adalah seperti berikut:

i) Persesuaian daripada segi teori

Sesuatu model yang baik seharusnya bersesuaian dengan apa yang didapati dalam teori ekonomi.

ii) Keupayaan untuk menganalisis

Model yang baik juga harus berkeupayaan untuk menerangkan keadaan sebenarnya iaitu sepatutnya sama dengan sifat yang terdapat pada pemboleh ubah ekonomi.



**iii) Ketepatan parameter yang dianggarkan**

Anggaran parameter bagi sesuatu model yang dibentuk itu seharusnya tepat dan dapat mewakili parameter dalam teori sebenar. Anggaran tersebut mestilah bersifat saksama, konsisten dan juga cekap.

iv) Keupayaan peramalan

Bagi sesuatu model yang dibina seharusnya dapat meramalkan nilai pemboleh ubah bersandar dengan sebaik-baiknya.

v) Kesederhanaan


Bagi sesuatu model yang baik seharusnya mewakili hubungan dalam ekonomi dengan kesederhanaan yang maksimum. Semakin kurang persamaan dan juga bentuk matematik, diharapkan akan dapat menghasilkan model yang lebih baik.

**3.10 Carta Alir Perlaksanaan Kajian**

Setiap kajian perlu dilaksanakan mengikut urutan yang tersendiri. Hal ini bagi memastikan sesuatu kajian itu menepati kriteria atau ciri yang telah ditetapkan. Selain itu, ianya juga dapat memudahkan urusan pengkaji dalam menjalankan kajian mereka.

Berikut merupakan carta alir bagi pelaksanaan kajian ini:





Rajah 3.1. Carta alir pelaksanaan kajian

3.11 Rumusan

Dalam bab ini, kesemua metodologi penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan ini telah dibincangkan secara terperinci. Di dalam bab ini juga turut membincangkan semua kaedah yang berkaitan dengan pengumpulan data dan juga alat statistik yang digunakan bagi tujuan penganalisan data. Semua data serta kaedah pengumpulan dan teknik analisis data adalah sangat penting bagi penyelidik untuk menganalisis keputusan yang akan dilaporkan dalam bab seterusnya.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN



Bab ini, membincangkan kesemua hasil dapatan kajian yang telah dijalankan bagi setiap pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada pulangan pasaran saham utama Malaysia (KLCI FTSE), kemeruapan kadar pertukaran asing, pulangan kadar pertukaran asing, harga minyak mentah dunia, kadar inflasi dan juga krisis ekonomi dunia 2008. Manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah pulangan pasaran bagi setiap sektor yang terpilih. Sektor yang telah dipilih dalam kajian ini ialah sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, perindustrian, kewangan, produk pengguna dan pembinaan.





4.2 Asas Model CAPM

Teori *Capital Asset Pricing Model* (CAPM) adalah merupakan penambahbaikan daripada model yang diperkenalkan oleh Harry Markowitz pada tahun 1959 iaitu Model Markowitz Portfolio Theory (Fama & French, 2004). Teori ini menerangkan hubungan antara risiko dan jangkaan pulangan bagi aset atau saham.

Menurut Fama dan French (2004), Teori CAPM ini digunakan untuk menerangkan hubungan linear antara risiko dan pulangan yang diperlukan bagi sesuatu aset. Dalam erti lain, teori CAPM ini menyatakan bahawa pasaran saham utama berhubung secara linear terhadap pulangan saham bagi setiap sektor yang ada bagi sesebuah negara. Berikut adalah keputusan bagi model penganggaran CAPM yang

telah dijalankan,



Jadual 4.1:

Keputusan analisis regresi model CAPM bagi setiap sektor

Pemboleh ubah	Constant (β_0)	Pulangan Pasaran Saham Utama (β_1)	R ²	Adj. R ²	D – W stats	F – stats (Prob)
Perdagangan & Perkhidmatan	.000 (-.124)	.934 (40.962***)	.915	.914	2.178	1677.897
Teknologi	-.011 (-2.313**)	1.013 (8.062***)	.294	.290	1.908	64.992
Hartanah	-.003 (-1.030)	1.249 (15.724***)	.613	.611	1.999	247.247
Perladangan	.003 (.879)	1.217 (14.999***)	.591	.588	1.950	224.973
Perlombongan	-.002 (-.335)	1.007 (5.503***)	.163	.157	2.217	30.281
Perindustrian	.000 (.111)	.788 (20.476***)	.729	.727	2.163	419.285
Kewangan	.000 (.043)	1.076 (29.205***)	.845	.844	1.894	852.928
Produk Pengguna	0.004 (2.702***)	.657 (17.934***)	.673	.671	2.310	321.612
Pembinaan	-.003 (-1.322)	1.203 (17.068***)	.651	.649	1.856	291.310

*** : Signifikan pada aras keyakinan 99%

** : Signifikan pada aras keyakinan 95%

* : Signifikan pada aras keyakinan 90%

() : Nilai t

Berdasarkan Jadual 4.1 menunjukkan pulangan pasaran saham utama Malaysia iaitu KLCI FTSE mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesemua pulangan pasaran saham bagi setiap sektor yang terlibat. Selain itu, juga didapati bahawa pulangan pasaran saham utama Malaysia turut memberikan kesan yang positif terhadap kesemua pulangan pasaran saham bagi sektor yang terlibat. Berdasarkan kepada nilai beta bagi setiap sektor, didapati bahawa terdapat enam sektor iaitu sektor teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, kewangan dan pembinaan dapat memberikan pulangan yang tinggi kepada pelaburan berbanding dengan sektor lain. Ini kerana nilai beta bagi sektor-sektor tersebut melebihi nilai satu yang mana nilai beta yang melebihi satu ($\beta > 1$) menunjukkan semakin tinggi pulangan yang dijangka berbanding risiko sistematik iaitu pulangan pasaran saham utama sesebuah negara (Fama & French,



2004). Manakala bagi sektor perdagangan dan perkhidmatan, perindustrian dan produk pengguna menunjukkan bahawa jangkaan pulangan pasaran saham mereka adalah lebih rendah daripada risiko. Dalam erti kata lain tiga sektor tersebut lebih berisiko berbanding dengan sektor teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, kewangan dan pembinaan untuk tujuan pelaburan. Berdasarkan dapatan kajian, antara ketiga-tiga sektor ini didapati sektor yang paling berisiko untuk tujuan pelaburan adalah sektor produk pengguna ($\beta = 0.650$), kemudian diikuti sektor perindustrian ($\beta = 0.778$) dan sektor perdagangan dan perkhidmatan ($\beta = 0.934$). Secara keseluruhan, keputusan ujian statistik di Jadual 4.1 menyokong teori CAPM iaitu wujud hubungan yang linear antara pasaran saham utama dengan pulangan saham bagi setiap sektor yang ada bagi sesebuah negara. Keputusan ini telah di sokong oleh nilai β_1 yang positif bagi setiap sektor yang terdapat dalam model penganggaran CAPM.



4.3 Model Asas Adler dan Dumas

Jika diperhatikan pada model CAPM di Jadual 4.1 pulangan pasaran saham utama merupakan faktor risiko yang dapat mempengaruhi setiap pulangan pasaran saham sektor. Namun menurut Adler dan Dumas (1984), bukan pulangan pasaran saham utama sahaja yang mempengaruhi pulangan pasaran saham bagi sektor-sektor yang terdapat di sesebuah negara. Sebaliknya, kadar pertukaran asing turut dapat mempengaruhi pulangan pasaran saham bagi sektor di sesebuah negara. Di atas dasar itu, analisis pada Jadual 4.2 telah dilakukan bagi melihat pengaruh faktor risiko ini terhadap pulangan pasaran saham bagi sektor di sesebuah negara.



Jadual 4.2:

Keputusan analisis regresi Model Adler dan Dumas bagi setiap sektor

Pemboleh Ubah	Constant (β_0)	Pulangan Pasaran Saham Utama (β_1)	Perubahan Kadar Pertukaran Asing (β_2)	R ²	Adj. R ²	D - W stats	F - stats (Prob)
Perdagangan & Perkhidmatan	-.000 (-.105)	.934 (40.607****)	.016 (.250)	.915	.914	2.170	833.940
Teknologi	-.011 (-2.287**)	1.011 (7.978****)	.061 (.176)	.294	.285	1.903	32.310
Hartanah	-.003 (-.960)	1.242 (15.544****)	.203 (.921)	.615	.610	1.972	123.928
Perladangan	.002 (.803)	1.225 (15.029****)	-.231 (-1.028)	.593	.588	1.959	113.057
Perlombongan	-.003 (-.395)	1.023 (5.554****)	-.427 (-.842)	.166	.156	2.227	15.467
Perindustrian	.000 (.095)	.789 (20.333****)	-.024 (-.225)	.729	.725	2.172	208.392
Kewangan	.000 (.127)	1.071 (28.974****)	.119 (1.169)	.847	.845	1.914	428.150
Produk Pengguna	.004 (2.749****)	.654 (17.742****)	.081 (.798)	.675	.671	2.287	160.750
Pembinaan	-.003 (-1.209)	1.192 (16.904****)	.308 (1.588)	.657	.652	1.829	148.336
Tolerance		.990	.990				
VIF		1.011	1.011				

*** : Signifikan pada aras keyakinan 99%

** : Signifikan pada aras keyakinan 95%

* : Signifikan pada aras keyakinan 90%

() : Nilai t

Jadual 4.2 mencadangkan bahawa kesemua model Adler dan Dumas yang dibentuk bagi setiap sektor adalah yang terbaik. Keputusan ini disokong oleh nilai F yang tinggi dan signifikan. Semakin tinggi nilai F menunjukkan semakin bagus model yang telah dibentuk (Gujarati, 2004). Bagi pulangan pasaran saham utama menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan dengan kesemua pulangan pasaran saham setiap sektor yang terpilih. Kesemuanya menunjukkan wujud hubungan signifikan yang positif, sama seperti keputusan model CAPM di Jadual 4.1. Misalnya, sektor teknologi bagi model Adler dan Dumas mendapati bahawa ianya mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan pulangan pasaran saham utama Malaysia. Ini



secara tidak langsung menyokong teori CAPM yang mana sektor teknologi bagi model CAPM didapati mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan pulangan pasaran saham utama Malaysia. Selain itu, merujuk kepada nilai β_1 juga menunjukkan keputusan yang sama seperti keputusan model CAPM di Jadual 4.1 iaitu sektor teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, kewangan dan pembinaan merupakan sektor yang dijangka dapat memberikan pulangan yang tinggi. Manakala sektor produk pengguna, perdagangan dan perkhidmatan serta perindustrian pula merupakan sektor yang berisiko untuk membuat pelaburan.

Manakala kadar pertukaran asing pula, menunjukkan bahawa tidak wujudnya hubungan yang signifikan antara kadar pertukaran asing dengan pulangan pasaran saham bagi setiap sektor yang terpilih. Namun begitu, walaupun ianya tidak mempunyai hubungan yang signifikan, perubahan dalam kadar pertukaran asing masih lagi dapat memberikan impak positif atau negatif ke atas pulangan pasaran saham bagi setiap sektor yang terpilih. Keputusan ini selari dan sama dengan dapatan kajian Ibrahim (2008), walaupun kadar pertukaran tidak mempunyai hubungan dengan pulangan pasaran saham bagi sektor, namun ianya tetap dapat memberikan kesan kepada pulangan pasaran bagi sektor. Kesan tersebut boleh dibahagikan kepada dua iaitu kesan positif dan negatif. Hasil analisis model Adler dan Dumas dalam kajian mendapati bahawa terdapat enam sektor yang menerima kesan positif akibat perubahan dalam kadar pertukaran asing. Antaranya ialah, sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, kewangan, produk pengguna dan pembinaan akan menerima kesan yang positif. Manakala tiga sektor yang telah menerima kesan sebaliknya iaitu kesan negatif. Sektor tersebut terdiri daripada sektor perladangan, perlombongan dan juga perindustrian. Jika merujuk kepada nilai β_2 kadar pertukaran asing, ianya





menunjukkan bahawa kesemua sektor adalah berisiko tinggi untuk dilaburkan semasa berlakunya ketidakstabilan kadar pertukaran asing. Hal ini kerana nilai beta bagi setiap sektor adalah melebihi nilai satu ($\beta > 1$).

4.4 Model Penganggaran Data Penuh

Model penganggaran bagi data penuh ini adalah hasil analisis data yang bermula dari September 2003 hingga November 2016. Model ini telah dianalisis tanpa mengambil kira kesan perbezaan antara regim akibat berlakunya krisis ekonomi dunia 2008.



4.4.1 Keputusan Analisis Pengaruh Faktor Makroekonomi Dan Harga Minyak Mentah Dunia

Jadual 4.3

Keputusan analisis regresi model penganggaran data penuh bagi setiap sektor

Pemboleh ubah	Constants (β_0)	Pulangan Pasaran Saham Utama (β_1)	Kemeruapan Kadar Pertukaran Asing (β_2)	Pulangan Kadar Pertukaran Asing (β_3)	Harga Minyak (β_4)	Kadar Inflasi (β_5)	Dummy (β_6)	R ²	Adj. R ²	D – W stats	F – stats (Prob)
Perdagangan & Perkhidmatan	-0.877 (-16.267***)	0.897 (96.837***)	-0.001 (-2.260**)	-0.062 (-.409)	-0.076 (-9.201***)	0.009 (6.095***)	-0.069 (-6.063***)	0.990	0.989	0.355	2456.058
Teknologi	11.404 (24.930***)	-0.709 (-9.019***)	-0.020 (-4.297***)	0.641 (0.500)	-0.591 (-8.415***)	0.029 (2.199**)	-0.877 (-9.025***)	0.732	0.721	0.535	69.12
Hartanah	0.351 (1.503)	1.046 (26.075***)	-0.004 (-1.460)	-0.912 (-1.395)	-0.184 (-5.144***)	-0.008 (-1.211)	-0.145 (-2918***)	0.875	0.87	0.224	176.847
Perladangan	-3.516 (-12.362***)	1.457 (29.810***)	0.004 (1.395)	0.488 (0.612)	0.315 (7.204***)	-0.018 (-2.212**)	0.373 (6.170***)	0.926	0.923	0.23	315.011
Perlombongan	2.933 (8.335***)	0.613 (10.132***)	-0.001 (-.287)	-0.047 (-.047)	-0.251 (-4.641***)	0.035 (3.502***)	-0.403 (-5.395***)	0.529	0.51	0.417	28.462
Perindustrian	2.909 (31.868***)	0.717 (45.747***)	-0.001 (-1.143)	0.333 (1.301)	-0.037 (-2.634***)	-0.001 (-.476)	0.066 (3.401***)	0.955	0.954	0.245	542.409
Kewangan	1.02 (10.274***)	1.153 (67.581***)	.000 (0.472)	-0.177 (-.635)	0.007 (-0.469)	-0.006 (-1.968*)	-0.011 (-.529)	0.981	0.98	0.152	1316.407
Produk Pengguna	-3.541 (-19.931***)	1.437 (47.066***)	0.004 (2.347**)	-0.320 (-.644)	-0.151 (-5.527***)	-0.004 (-.806)	0.21 (5.573***)	0.954	0.952	0.263	524.719
Pembinaan	0.133 (0.565)	0.807 (19.990***)	-0.004 (-1.740*)	0.010 (0.015)	-0.079 (-2.195**)	-0.02 0 (-2.887***)	0.015 (-0.306)	0.810	0.803	0.134	108.342

*** : Signifikan pada aras keyakinan 99%

** : Signifikan pada aras keyakinan 95%

* : Signifikan pada aras keyakinan 90%

() : Nilai t



Jadual 4.3 merupakan keputusan analisis regresi data penuh bagi sembilan sektor yang terlibat. Jika di lihat pada Jadual 4.3, berdasarkan nilai F didapati kesemua model penganggaran data penuh bagi sembilan sektor terpilih adalah model yang baik. Di dalam Jadual 4.3 juga menunjukkan nilai signifikan dan nilai beta (β) bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat dan juga nilai R^2 .

4.4.1.1 Pulangan Pasaran Saham Utama Malaysia

Jika di lihat keputusan daripada analisis regresi, menunjukkan bahawa pulangan pasaran saham utama Malaysia mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesemua pulangan pasaran saham setiap sektor yang terpilih iaitu sektor perdagangan & perkhidmatan, teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, perindustrian, kewangan, produk pengguna dan pembinaan. Namun begitu, hanya sektor teknologi sahaja yang menunjukkan wujud hubungan signifikan yang negatif berbanding sektor-sektor lain menunjukkan wujud hubungan yang positif. Jika dilihat kembali kepada asas model CAPM mendapati bahawa pulangan pasaran saham utama berhubung secara positif dengan pulangan pasaran saham bagi sektor teknologi.

Merujuk kepada nilai β_1 dalam Jadual 4.3 telah didapati bahawa terdapat lima sektor iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, perlombongan, perindustrian dan pembinaan merupakan sektor yang paling berisiko untuk para pelabur membuat pelaburan. Manakala sektor hartanah, perladangan, kewangan dan produk pengguna merupakan sektor yang dijangka dapat memberikan pulangan yang tinggi dan



selamat untuk dilabur. Keadaan ini adalah selari dengan keputusan analisis teori CAPM yang telah dijalankan pada awal kajian.

4.4.1.2 Kemeruapan Kadar Pertukaran Asing

Kemeruapan kadar pertukaran asing merupakan salah satu pemboleh ubah yang penting bagi mewakili kadar pertukaran asing. Keputusan analisis regresi dalam Jadual 4.3 menunjukkan bahawa hanya empat sektor sahaja yang wujud hubungan yang signifikan dengan kemeruapan kadar pertukaran asing iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, produk pengguna dan pembinaan. Manakala selebihnya iaitu lima sektor daripada sembilan sektor terpilih didapati tidak wujud hubungan yang signifikan dengan kemeruapan kadar pertukaran asing. Sektor-sektor tersebut adalah terdiri daripada sektor hartanah, perladangan, perlombongan, perindustrian dan kewangan.

Selain itu, daripada Jadual 4.3 didapati bahawa terdapat hanya tiga sektor sahaja yang menerima kesan positif berbanding enam yang menerima kesan negatif akibat berlaku ketidakstabilan dalam kemeruapan kadar pertukaran asing. Sektor yang menerima kesan positif terdiri daripada sektor produk pengguna, perladangan dan kewangan. Manakala sektor yang menerima kesan negatif pula ialah sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, pembinaan, hartanah, perlombongan dan perindustrian. Jika dilihat kepada nilai β_2 pula menunjukkan bahawa kesemua sektor adalah berisiko tinggi kerana nilai beta kurang daripada satu ($\beta < 1$). Nilai beta kurang daripada satu ($\beta < 1$) menunjukkan bahawa risiko sistematik lebih tinggi berbanding



pulangan pasaran bagi setiap sektor. Ini bermakna jangkaan pulangan pasaran saham bagi sesuatu sektor adalah dijangka rendah dan berisiko tinggi untuk di laburkan.

4.4.1.3 Pulangan Kadar Pertukaran Asing

Selain kemeruapan kadar pertukaran asing, pulangan kadar pertukaran asing juga merupakan salah satu pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini bagi mewakili kadar pertukaran asing. Keputusan analisis regresi menunjukkan bahawa tidak wujudnya hubungan yang signifikan antara pulangan kadar pertukaran asing dengan kesemua sembilan sektor yang terpilih iaitu sektor perdagangan & perkhidmatan, teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, perindustrian, kewangan, produk



Namun begitu, walaupun tidak wujud hubungan yang signifikan ianya tetap dapat memberikan pengaruh atau kesan yang negatif terhadap lima sektor daripada sembilan sektor yang terpilih iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, hartanah, perlombongan, kewangan dan produk pengguna. Manakala empat lagi sektor iaitu sektor teknologi, perladangan, perindustrian dan pembinaan pula menerima kesan yang positif. Merujuk kepada Jadual 4.3 didapati bahawa kesemua sektor yang terpilih adalah berisiko tinggi untuk dilaburkan oleh para pelabur. Hal ini kerana risiko sistematik adalah lebih tinggi berbanding jangkaan pulangan pasaran saham bagi setiap sektor. Walaupun begitu terdapat empat sektor yang berisiko tinggi tetapi dijangka menerima kesan yang positif iaitu sektor teknologi, perladangan, perindustrian dan pembinaan.





4.4.1.4 Harga Minyak Mentah Dunia

Keputusan analisis regresi menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara harga minyak mentah dunia dengan pulangan pasaran saham bagi lapan sektor yang terpilih. Sektor tersebut adalah sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, perindustrian, produk pengguna dan pembinaan. Manakala sektor kewangan menunjukkan tidak wujudnya hubungan yang signifikan dengan harga minyak mentah dunia.

Hasil daripada analisis tersebut juga menunjukkan bahawa hanya sektor perladangan dan kewangan sahaja yang menerima kesan positif akibat berlakunya peningkatan dalam harga minyak. Manakala bagi bagi tujuh sektor yang iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, perlombongan, perindustrian, produk pengguna dan pembinaan pula menerima kesan sebaliknya iaitu negatif. Bagi pengaruh harga minyak mentah dunia, menunjukkan semua sektor adalah berisiko tinggi kerana nilai β_4 adalah kurang daripada satu ($\beta < 1$). Namun begitu, terdapat hanya dua sektor sahaja yang dijangka memberikan kesan yang positif, iaitu sektor perladangan dan kewangan. Tetapi dua sektor itu masih tetap berisiko kerana nilai beta adalah kurang daripada satu.





4.4.1.5 Kadar Inflasi

Berdasarkan keputusan analisis regresi dalam Jadual 4.3 menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara kadar inflasi dengan pulangan pasaran saham bagi enam sektor terpilih iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, perladangan, perlombongan, kewangan dan pembinaan. Manakala tiga lagi sektor iaitu sektor hartanah, perindustrian dan produk pengguna pula menunjukkan tidak wujudnya hubungan yang signifikan dengan kadar inflasi. Tiga daripada sembilan sektor yang terpilih iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi dan perlombongan menunjukkan ianya berhubung secara positif dengan kadar inflasi. Manakala selebihnya enam sektor iaitu sektor hartanah, perladangan, perindustrian, kewangan, produk pengguna dan pembinaan pula menunjukkan hubungan yang sebaliknya iaitu negatif.



Jika dilihat kepada nilai β_5 menunjukkan bahawa kesemua sektor adalah berisiko tinggi kerana nilai beta kurang daripada satu ($\beta < 1$). Daripada sembilan sektor hanya tiga sahaja sektor yang memberikan keuntungan walaupun ianya tetap berisiko iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi dan perlombongan. Selebihnya enam sektor lagi ianya adalah sangat berisiko kerana risikonya adalah lebih tinggi berbanding pulangan. Sektor yang berisiko tinggi terdiri daripada sektor hartanah, perladangan, perindustrian, kewangan, produk pengguna dan pembinaan.





4.4.1.6 Krisis Ekonomi Dunia 2008

Berdasarkan hasil analisis regresi dalam Jadual 4.3 didapati hanya dua sektor sahaja yang tidak wujud hubungan yang signifikan dengan krisis ekonomi dunia 2008 iaitu sektor kewangan dan pembinaan. Manakala wujudnya hubungan yang signifikan antara krisis ekonomi dunia 2008 dengan tujuh sektor lain iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, perindustrian dan produk pengguna. Selain itu, dapatan analisis tersebut juga menunjukkan bahawa krisis ekonomi dunia 2008 telah memberikan kesan yang negatif kepada lima sektor yang terpilih iaitu perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, perlombongan dan kewangan. Manakala selebihnya iaitu sektor perladangan, perindustrian, produk pengguna dan pembinaan ianya menerima kesan yang positif akibat berlakunya krisis



Nilai β_6 juga menunjukkan yang bahawa semua sektor adalah berisiko tinggi semasa berlakunya krisis ekonomi dunia 2008 kerana nilai beta adalah kurang daripada satu ($\beta < 1$). Namun begitu, walaupun berisiko tinggi terdapat beberapa sektor yang dijangka memberikan pulangan yang positif iaitu sektor perladangan, perindustrian, produk pengguna dan pembinaan. Seterusnya hasil ujian kesignifikan menunjukkan bahawa model penganggaran utama bagi sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, perindustrian dan produk pengguna perlu dipecahkan kepada dua regim iaitu model regim sebelum dan model regim selepas krisis ekonomi dunia 2008. Hal ini kerana, ianya menunjukkan bahawa krisis ekonomi dunia 2008 telah memberikan kesan atau pengaruh terhadap pulangan pasaran saham pada aras keyakinan 99 peratus. Maka kemungkinan ianya memberikan kesan yang





berbeza mengikut regim masa. Oleh itu, penting untuk dipecahkan kepada dua iaitu sebelum dan selepas krisis ekonomi dunia bagi tujuan melihat sama ada wujud perbezaan pengaruh kadar pertukaran asing, harga minyak mentah dunia dan kadar inflasi bagi sebelum dan selepas krisis ekonomi dunia 2008.

4.5 Model Penganggaran Regim Sebelum Krisis

Model penganggaran bagi regim sebelum krisis ekonomi dunia 2008 ini adalah hasil analisis data yang bermula dari September 2003 hingga Julai 2008. Model ini telah dianalisis bagi tujuan untuk melihat pengaruh pulangan pasaran saham utama Malaysia, kemeruapan kadar pertukaran asing, pulangan kadar pertukaran asing, harga minyak mentah dunia dan kadar inflasi terhadap pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor terpilih.

4.5.1 Keputusan Analisis Pengaruh Faktor Makroekonomi Dan Harga Minyak Mentah Dunia Terhadap Pulangan Pasaran Saham Mengikut Sektor

Jadual 4.4 merupakan keputusan analisis regresi data regim sebelum krisis ekonomi dunia 2008 bagi sembilan sektor terpilih. Jika di lihat Jadual 4.4, menunjukkan bahawa kesemua model penganggaran bagi sembilan sektor terpilih adalah model yang baik berdasarkan nilai F . Dalam jadual tersebut juga menunjukkan nilai signifikan dan nilai beta (β) bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat dan juga nilai R^2 .



Jadual 4.4

Keputusan analisis regresi model penganggaran data sebelum krisis ekonomi dunia 2008 bagi setiap sektor

Pemboleh ubah	Constants (β_0)	Pulangan Pasaran Saham Utama (β_1)	Kemeruapan Kadar Pertukaran Asing (β_2)	Pulangan Kadar Pertukaran Asing (β_3)	Harga Minyak (β_4)	Kadar Inflasi (β_5)	R ²	Adj. R ²	D – W stats	F – stats (Prob)
Perdagangan & Perkhidmatan	-0.810 (-10.124***)	0.835 (42.512***)	-0.001 (-2.177**)	0.230 (1.148)	0.000 (0.008)	-0.005 (-1.827*)	0.994	0.993	0.644	1625.411
Teknologi	8.95 (16.949***)	-0.146 (-1.128)	0.000 (-0.072)	-1.852 (-1.404)	-0.833 (-8.442***)	-0.007 (-0.411)	0.931	0.924	0.747	142.224
Hartanah	-0.257 (-0.491)	1.315 (10.220***)	-0.003 (-0.955)	-2.501 (-1.911*)	-0.404 (-4.132***)	-0.027 (-1.630)	0.848	0.833	0.452	58.947
Perladangan	-7.17 (-11.268***)	2.063 (13.200***)	0.003 (0.835)	-1.430 (-0.900)	0.191 (1.607)	0.024 (1.179)	0.95	0.946	0.319	202.392
Perlombongan	2.059 (3.341***)	0.763 (5.041***)	0.017 (4.332***)	5.071 (3.293***)	-0.251 (-2.176**)	-0.018 (-0.894)	0.603	0.566	0.883	16.11
Perindustrian	2.402 (16.582***)	0.696 (19.575***)	-0.003 (-3.143***)	0.720 (1.900*)	0.090 (3.321***)	-0.009 (-2.052**)	0.978	0.976	0.634	476.376
Kewangan	2.503 (22.660***)	0.996 (36.727***)	0.000 (-0.207)	-0.560 (-2.027)	-0.074 (-3.608***)	0.002 (0.648)	0.989	0.989	0.981	998.336
Produk Pengguna	0.001 (-0.003)	0.783 (14.823***)	0.001 (0.848)	-0.348 (-0.648)	0.021 (0.531)	0.002 (0.285)	0.952	0.947	0.262	209.666
Pembinaan	-4.661 (-8.953***)	1.866 (14.593***)	-0.002 (-0.470)	-2.830 (-2.175**)	-0.566 (-5.815***)	0.015 (0.912)	0.899	0.89	0.442	94.432

*** : Signifikan pada aras keyakinan 99%

** : Signifikan pada aras keyakinan 95%

* : Signifikan pada aras keyakinan 90%

() : Nilai t



4.5.1.1 Pulangan Pasaran Saham Utama Malaysia

Berdasarkan keputusan analisis regresi dalam Jadual 4.4 menunjukkan bahawa pulangan pasaran saham utama Malaysia mempunyai hubungan yang signifikan dengan pulangan pasaran saham bagi lapan sektor daripada sembilan sektor yang terpilih. Sektor tersebut terdiri daripada sektor perdagangan & perkhidmatan, hartanah, perladangan, perlombongan, perindustrian, kewangan, produk pengguna dan pembinaan. Manakala tidak wujudnya hubungan yang signifikan antara pulangan pasaran utama saham Malaysia dengan sektor teknologi. Selain itu, Jadual 4.4 juga menunjukkan hanya sektor teknologi sahaja yang menerima negatif akibat perubahan pulangan pasaran saham utama Malaysia berbanding sektor-sektor lain menunjukkan wujud hubungan yang positif. Keadaan ini adalah selari dengan keputusan analisis teori



CAPM yang telah dijalankan pada awal kajian.

Jika dilihat kepada nilai β_1 dalam Jadual 4.4 didapati hanya tiga sektor sahaja yang memberikan pulangan yang tinggi kerana nilai beta adalah lebih besar daripada satu ($\beta > 1$). Sektor tersebut adalah sektor hartanah, perladangan dan pembinaan. Selebihnya enam sektor yang terpilih adalah berisiko tinggi untuk dilabur oleh para pelabur iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, perlombongan, perindustrian, kewangan dan produk pengguna.





4.5.1.2 Kemeruapan Kadar Pertukaran Asing

Keputusan analisis regresi dalam Jadual 4.4 menunjukkan terdapat tiga sektor sahaja yang wujud hubungan yang signifikan dengan kemeruapan kadar pertukaran asing iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, perlombongan dan perindustrian. Manakala tidak wujud hubungan yang signifikan antara kemeruapan kadar pertukaran asing dengan pulangan pasaran saham bagi lima sektor yang lain iaitu sektor hartanah, perladangan, produk pengguna, perindustrian, kewangan dan pembinaan. Jika di lihat kepada tata tanda hasil analisis regresi dalam Jadual 4.4 didapati empat sektor menerima kesan negatif akibat ketidakstabilan kemeruapan kadar pertukaran asing dan selebihnya lima sektor menerima kesan positif. Sektor yang menerima kesan negatif terdiri daripada sektor perdagangan dan perkhidmatan, perindustrian, hartanah dan pembinaan. Manakala sektor yang menerima kesan positif pula terdiri daripada sektor perlombongan, teknologi, perladangan, produk pengguna dan kewangan.

Kesemua nilai β_2 bagi semua sektor adalah kurang daripada satu ($\beta < 1$). Ianya bermaksud kesemua sektor adalah berisiko tinggi untuk dilaburkan semasa berlakunya ketidakstabilan kemeruapan kadar pertukaran asing oleh pelabur. Namun begitu, walaupun berisiko tinggi, terdapat lima sektor yang dijangka memberikan pulangan yang positif iaitu sektor teknologi, perladangan, perlombongan, kewangan dan produk pengguna.





4.5.1.3 Pulangan Kadar Pertukaran Asing

Keputusan analisis regresi menunjukkan bahawa tidak wujudnya hubungan yang signifikan antara pulangan kadar pertukaran asing dengan pulangan pasaran saham bagi lima sektor yang terpilih iaitu sektor perdagangan & perkhidmatan, teknologi, perladangan, kewangan dan produk pengguna. Manakala wujud hubungan yang signifikan antara pulangan kadar pertukaran asing dengan pulangan pasaran saham bagi empat sektor yang terlibat iaitu sektor hartanah, perlombongan, perindustrian dan pembinaan. Keputusan analisis dalam Jadual 4.4 juga menunjukkan bahawa hanya tiga sektor sahaja iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, perlombongan dan perindustrian sahaja yang menerima kesan yang positif sekiranya berlaku perubahan dalam pulangan kadar pertukaran asing sedangkan sektor lain pula menerima kesan



yang sebaliknya iaitu kesan negatif.

Daripada jadual keputusan regresi model regim sebelum krisis ekonomi dunia 2008 juga menunjukkan bahawa hanya sektor perlombongan sahaja yang memberikan pulangan yang tinggi dan tidak berisiko walaupun berlaku ketidakstabilan pulangan kadar pertukaran asing. Hal ini kerana nilai β_3 bagi sektor perlombongan adalah melebihi nilai satu ($\beta > 1$). Manakala sektor lain adalah berisiko tinggi untuk dilaburkan. Namun begitu, terdapat dua sektor yang dijangka memberikan pulangan yang positif walaupun ianya berisiko tinggi. Antaranya ialah sektor perdagangan dan perkhidmatan serta perindustrian.





4.5.1.4 Harga Minyak Mentah Dunia

Berdasarkan keputusan analisis regresi dalam Jadual 4.4, wujud hubungan yang signifikan antara harga minyak mentah dunia dengan pulangan pasaran saham bagi enam sektor yang terpilih iaitu sektor teknologi, hartanah, perlombongan, perindustrian, kewangan dan pembinaan. Selanjutnya pula tidak wujud hubungan yang signifikan antara harga minyak mentah dunia dengan pulangan pasaran saham bagi tiga sektor yang terpilih iaitu antaranya ialah sektor perdagangan dan perkhidmatan, perladangan dan produk pengguna. Jika diperhatikan kepada kesan harga minyak mentah dunia kepada pulangan pasaran saham bagi setiap sektor menunjukkan terdapat sektor yang menerima kesan yang positif atau negatif. Terdapat empat sektor yang menerima kesan positif iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, perladangan, perindustrian dan produk pengguna. Manakala lima sektor lagi iaitu sektor teknologi, hartanah, perlombongan, kewangan dan pembinaan pula menerima kesan yang negatif akibat berlakunya perubahan dalam harga minyak mentah dunia.

Jika dilihat kepada nilai β_4 bagi model penganggaran regim sebelum krisis, didapati kesemua sektor yang terpilih adalah berisiko tinggi untuk para pelabur membuat pelaburan dalam mana-mana sektor yang terlibat. Nilai beta kurang daripada satu ($\beta < 1$) menunjukkan bahawa risiko adalah lebih tinggi daripada jangkaan pulangan pasaran saham. Tetapi berdasarkan berdasarkan dalam Jadual 4.4 di atas menunjukkan bahawa sektor perdagangan dan pekhidmatan, perladangan, perindustrian dan produk pengguna dijangka memberikan kesan yang positif walaupun nilai beta menunjukkan ianya kurang daripada satu ($\beta < 1$) iaitu berisiko tinggi.





4.5.1.5 Kadar Inflasi

Keputusan analisis regresi dalam Jadual 4.4, mendapati hanya dua sektor sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar inflasi iaitu sektor perdagangan & perkhidmatan dan perindustrian. Selanjutnya tujuh sektor lain pula menunjukkan tidak wujud hubungan dengan kadar inflasi. Namun jika dilihat pula kepada kesan kadar inflasi terhadap pulangan pasaran setiap sektor, mendapati bahawa terdapat empat sektor iaitu sektor perladangan, kewangan, produk pengguna dan pembinaan menerima kesan yang positif. Seterusnya lima sektor lagi iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, perlombongan dan perindustrian pula menerima kesan negatif. Merujuk kepada nilai β_5 pula menunjukkan kesemua sektor adalah

berisiko tinggi untuk dilaburkan kerana nilai beta kurang daripada satu ($\beta < 1$). Hanya terdapat beberapa sektor sahaja yang dijangka memberikan pulangan yang positif walaupun ianya berisiko tinggi untuk dilaburkan. Sektor tersebut adalah sektor perladangan, kewangan, produk pengguna dan pembinaan.

4.6 Model Penganggaran Regim Selepas Krisis

Model penganggaran bagi regim selepas krisis ekonomi dunia 2008 ini adalah hasil analisis data yang bermula dari Mac 2009 hingga November 2016. Model ini telah dianalisis bagi tujuan untuk melihat pengaruh pulangan pasaran saham utama Malaysia, kemaruapan kadar pertukaran asing, pulangan kadar pertukaran asing, harga minyak mentah dunia dan kadar inflasi terhadap pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor terpilih.



4.6.1 Keputusan Analisis Pengaruh Faktor Makroekonomi Dan Harga Minyak Mentah Dunia

Jadual 4.5

Keputusan analisis regresi model penganggaran data selepas krisis ekonomi dunia 2008 bagi setiap sektor

Pemboleh ubah	Constants (β_0)	Pulangan Pasaran Saham Utama (β_1)	Kemeruapan Kadar Pertukaran Asing (β_2)	Pulangan Kadar Pertukaran Asing (β_3)	Harga Minyak (β_4)	Kadar Inflasi (β_5)	R ²	Adj. R ²	D – W stats	F – stats (Prob)
Perdagangan & Perkhidmatan	-1.774 (15.047***)	1.029 (63.641***)	0.000 (0.46)	-0.055 (-.400)	-0.088 (-10.470***)	0.001 (0.825)	0.984	0.984	0.389	1098.735
Teknologi	3.793 (4.234***)	0.237 (1.931*)	-0.016 (-3.666***)	1.916 (1.829*)	-0.471 (-7.341***)	-0.01 (-.713)	0.485	0.456	0.444	16.401
Hartanah	-3.074 (-9.318***)	1.381 (30.514***)	0.002 (1.115)	-0.22 (-.569)	-0.021 (-.872)	0.001 (0.21)	0.936	0.932	0.488	253.669
Perladangan	2.415 (9.039***)	0.776 (21.165***)	0.000 (-.292)	0.385 (1.233)	0.143 (7.471***)	0.006 (1.581)	0.903	0.897	0.33	161.499
Perlombongan	-2.541 (-3.380***)	1.277 (12.378***)	-0.002 (-.418)	-0.766 (-.872)	-0.141 (-2.627***)	0.008 (0.716)	0.719	0.703	0.469	44.595
Perindustrian	4.273 (27.387***)	0.603 (28.150***)	-0.001 (-1.373)	0.194 (1.066)	-0.129 (-11.569***)	-0.003 (-1.422)	0.927	0.922	0.59	219.833
Kewangan	0.529 (3.483***)	1.149 (55.108***)	-0.001 (-.979)	0.012 (0.068)	0.1 (9.222***)	0.002 (1.051)	0.982	0.981	0.372	937.708
Produk Pengguna	-2.008 (-8.923***)	1.22 (39.535***)	-0.001 (-.775)	-0.263 (-1.000)	-0.135 (-8.382***)	0.001 (0.373)	0.961	0.959	0.406	431.047
Pembinaan	1.346 (3.713***)	0.628 (12.621***)	-0.002 (-1.333)	0.479 (1.129)	-0.071 (-2.733***)	0.001 (0.175)	0.729	0.713	0.359	46.784

*** : Signifikan pada aras keyakinan 99%

** : Signifikan pada aras keyakinan 95%

* : Signifikan pada aras keyakinan 90%

() : Nilai t



Jadual 4.5 merupakan keputusan analisis regresi data regim selepas krisis ekonomi dunia 2008 bagi sembilan sektor terpilih yang terlibat. Jika di lihat Jadual 4.5 tersebut, menunjukkan bahawa kesemua model penganggaran bagi sembilan sektor terpilih yang terlibat adalah model yang baik berdasarkan nilai F . Selain itu, dalam jadual tersebut juga menunjukkan nilai signifikan dan nilai beta (β) bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat dan juga nilai R^2 .

4.6.1.1 Pulangan Pasaran Saham Utama Malaysia

Berdasarkan keputusan analisis regresi dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa pasaran saham utama Malaysia mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesemua pulangan pasaran saham bagi sektor yang terpilih dalam kajian ini. Selain itu, daripada jadual tersebut juga menunjukkan bahawa kesemua sektor adalah berhubung secara positif. Dalam kata erti lain apabila pulangan pasaran saham utama Malaysia meningkat maka pulangan pasaran saham bagi sektor-sektor terpilih juga akan meningkat. Keadaan ini adalah selari dengan keputusan analisis teori CAPM yang telah dijalankan pada awal kajian iaitu bahawa pulangan pasaran saham utama berhubung secara positif dengan pulangan pasaran saham bagi sektor terpilih.

Jika dilihat kepada nilai β_1 dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa terdapat lima sektor yang dijangka dapat memberikan pulangan yang tinggi kerana nilai beta adalah lebih besar daripada satu ($\beta > 1$). Sektor tersebut adalah sektor perdagangan dan perkhidmatan, hartanah, perlombongan, kewangan dan produk pengguna. Selebihnya





empat sektor yang lain iaitu sektor teknologi, perladangan, perindustrian dan pembinaan adalah berisiko tinggi untuk dilabur oleh para pelabur walaupun dijangka dapat memberikan pulangan yang positif.

4.6.1.2 Kemeruapan Kadar Pertukaran Asing

Berdasarkan keputusan regresi dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa hanya sektor teknologi sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemeruapan kadar pertukaran asing. Manakala lapan sektor yang lain tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemeruapan kadar pertukaran asing. Selain itu, hanya tiga sektor sahaja daripada sembilan sektor yang memberikan kesan yang positif akibat



ketidakstabilan kemeruapan kadar pertukaran asing iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, hartanah dan perladangan. Selebihnya sektor lima lagi sektor telah menerima kesan yang sebaliknya iaitu kesan negatif antaranya ialah sektor teknologi, perlombongan, perindustrian, kewangan, produk pengguna dan pembinaan.

Seterunya merujuk kepada nilai β_2 dalam Jadual 4.5 juga didapati bahawa kesemua sektor adalah berisiko tinggi untuk dilaburkan terutamanya semasa ketidakstabilan kemeruapan kadar pertukaran asing. Hal ini kerana nilai beta bagi kesemua sektor adalah kurang daripada satu ($\beta < 1$) yang mana nilai beta kurang daripada satu ($\beta < 1$) menunjukkan bahawa risiko adalah lebih tinggi berbanding pulangan pasaran saham. Namun begitu, terdapat tiga sektor yang dijangka memberikan pulangan yang positif iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, hartanah





dan perladangan. Tetapi ianya tetap masih lagi berisiko tinggi untuk para pelabur melabur dalam sektor tersebut.

4.6.1.3 Pulangan Kadar Pertukaran Asing

Keputusan analisis regresi dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa hanya sektor teknologi sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan yang positif dengan pulangan kadar pertukaran asing. Manakala lapen sektor lain pula tidak menunjukkan sebarang hubungan dengan pulangan kadar pertukaran asing. Namun begitu, ianya tetap memberikan kesan kepada pulangan pasaran saham setiap sektor diakibat ketidakstabilan pulangan kadar pertukaran asing. Terdapat lima sektor yang menerima kesan yang positif iaitu sektor teknologi, perladangan, perindustrian, kewangan dan pembinaan. Manakala empat sektor lagi iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, hartanah, perlombongan dan produk kewangan pula menerima kesan sebaliknya iaitu kesan negatif. Merujuk kepada nilai β_3 dalam Jadual 5.4 didapati bahawa hanya sektor teknologi sahaja yang dijangka akan memberikan pulangan yang tinggi. Manakala sektor selebihnya menunjukkan bahawa ianya adalah berisiko tinggi untuk para pelabur membuat pelaburan mereka.



4.6.1.4 Harga Minyak Mentah Dunia

Hasil analisis regresi dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara harga minyak mentah dunia dengan pulangan pasaran saham bagi lapan sektor terpilih yang terlibat dalam kajian ini. Sektor tersebut adalah sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, perladangan, perlombongan, perindustrian, kewangan, produk pengguna dan pembinaan. Manakala tidak wujud hubungan yang signifikan antara harga minyak mentah dunia dengan pulangan pasaran sektor hartanah. Selain itu, daripada Jadual 4.5 juga menunjukkan bahawa hanya sektor perladangan dan kewangan sahaja yang menerima kesan yang positif akibat berlaku ketidakstabilan harga minyak mentah dunia dan manakala tujuh sektor yang lain pula menerima kesan sebaliknya iaitu kesan negatif. Sektor yang menerima kesan negatif terdiri daripada sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, perlombongan, perindustrian, produk pengguna dan perlombongan. Seterusnya merujuk kepada nilai β_4 pula, telah mendapati bahawa kesemua sektor adalah berisiko tinggi untuk melabur kerana nilai risiko sistematiknya adalah lebih tinggi daripada jangkaan pulangan (nilai $\beta < 1$). Namun begitu, walaupun berisiko tinggi masih terdapat lagi sektor yang memberikan pulangan positif iaitu sektor perladangan dan kewangan.

4.6.1.5 Kadar Inflasi

Keputusan analisis regresi dalam Jadual 4.5 mendapati bahawa tidak wujud sebarang hubungan yang signifikan antara kadar pertukaran asing dengan pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor yang terpilih. Namun begitu, ketidakstabilan kadar inflasi



tetap masih memberikan kesan kepada pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor yang terlibat. Sektor-sektor seperti perdagangan dan perkhidmatan, hartanah, perladangan, perlombongan, kewangan, produk pengguna dan pembinaan telah menerima kesan yang positif akibat berlakunya ketidakstabilan dalam kadar inflasi. Manakala sektor teknologi dan perindustrian pula menerima kesan yang sebaliknya iaitu kesan negatif. Kemudian berdasarkan nilai β_5 dalam Jadua 4.5 juga didapati bahawa kesemua sektor adalah berisiko tinggi bagi para pelabur untuk membuat pelaburan di dalam sektor tersebut. Hal ini kerana nilai β_5 adalah kurang daripada satu ($\beta < 1$) yang mana ianya menunjukkan bahawa risiko adalah lebih tinggi berbanding jangkaan pulangan pasaran saham. Namun begitu, walaupun berisiko tinggi terdapat juga beberapa sektor yang dijangkakan dapat memberikan pulangan yang positif.

Antaranya ialah sektor perdagangan dan perkhidmatan, hartanah, perladangan, perlombongan, kewangan, produk pengguna dan pembinaan.

4.7 Analisis Pengaruh Dan Hubungan Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Terhadap Pulangan Sektor Pasaran Saham Terpilih Di Malaysia

Jadual 4.6 adalah merupakan ringkasan analisis bagi pengaruh atau hubungan pemboleh ubah makroekonomi (pulangan pasaran utama Malaysia, kemaruapan kadar pertukaran asing & kadar inflasi) dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan saham bagi sembilan sektor terpilih dalam kajian ini. Tanda (/) menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang penting antara pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia dengan pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor yang terpilih dalam kajian ini. Jadual ini telah mengabungkan hasil analisis





pengaruh atau hubungan bagi ketiga-tiga model iaitu model data penuh, model data regim sebelum krisis dan model data regim selepas krisis ekonomi. Ini bertujuan bagi memudahkan pembaca membuat perbandingan pengaruh atau hubungan pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor yang terpilih bagi ketiga-tiga model tersebut.

Secara ringkasnya, boleh dikatakan bahawa tidak semua pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia dapat mempengaruhi pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor terpilih di Malaysia. Justeru itu, boleh disimpulkan bahawa pengaruh setiap pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor yang terpilih adalah berbeza mengikut setiap model atau berbeza mengikut regim masa iaitu regim masa sebelum krisis dan regim masa selepas krisis. Namun begitu, walaupun tidak

wujud pengaruh atau hubungan pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan pasaran saham bagi beberapa sektor, ianya masih perlu diberikan perhatian oleh para pelabur dan bakal pelabur dalam proses membuat keputusan pelaburan.





Jadual 4.6:

Analisis pengaruh dan hubungan pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan pasaran saham sektor terpilih di Malaysia

		MR_t	$VOLreer_t$	$Rreer_t$	$OILp_t$	$InFr_t$	WC_t
Perdagangan & Perkhidmatan	Model penuh	/	/		/	/	/
	Sebelum krisis	/	/			/	
	Selepas krisis	/			/		
Teknologi	Model penuh	/	/		/	/	/
	Sebelum krisis				/		
	Selepas krisis	/	/	/	/		
Hartanah	Model penuh	/			/		/
	Sebelum krisis	/		/	/		
	Selepas krisis	/					
Perladangan	Model penuh	/			/	/	/
	Sebelum krisis	/					
	Selepas krisis	/			/		
Perlombongan	Model penuh	/			/	/	/
	Sebelum krisis	/	/	/	/		
	Selepas krisis	/			/		
Perindustrian	Model penuh	/			/		/
	Sebelum krisis	/	/	/	/	/	
	Selepas krisis	/			/		
Kewangan	Model penuh	/					
	Sebelum krisis	/			/		
	Selepas krisis	/			/		
Produk Pengguna	Model penuh	/	/		/		/
	Sebelum krisis	/					
	Selepas krisis	/			/		
Pembinaan	Model penuh	/	/		/	/	/
	Sebelum krisis	/		/	/		
	Selepas krisis	/			/		





4.8 Analisis Tata Tanda Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Terhadap Pulangan Sektor Pasaran Saham Terpilih Di Malaysia

Jadual 4.7 merupakan ringkasan analisis tata tanda bagi pemboleh ubah makroekonomi (pulangan pasaran utama Malaysia, kemeruapan kadar pertukaran asing & kadar inflasi) dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan saham bagi sembilan sektor terpilih dalam kajian ini. Jadual ini telah mengabungkan hasil analisis tata tanda bagi ketiga-tiga model iaitu model data penuh, model data regim sebelum krisis dan model data regim selepas krisis ekonomi. Ini bertujuan bagi memudahkan untuk membuat perbandingan sektor mana yang menerima kesan positif atau sebaliknya negatif bagi model data penuh, model data regim sebelum krisis dan model data regim selepas krisis.



Menurut Anuar Amin (1988) dan beberapa kajian empirikal yang lain termasuk Norimah, Emilda dan Dayang (2016) serta Emilda, Norimah, Mohd Kamarul dan Siti Haslinda (2016), mereka mencadangkan supaya melakukan analisis tata tanda ini untuk mengukuhkan lagi penemuan. Berdasarkan Jadual 4.7 didapati bahawa setiap pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia memberikan kesan yang berbeza-beza bagi setiap sektor. Terdapat sektor yang menerima kesan positif dan terdapat juga sektor yang menerima kesan sebaliknya iaitu negatif akibat perubahan dalam pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia. Jika dilihat perbandingan bagi sebelum dan selepas krisis terdapat yang sektor yang menerima kesan positif bagi tempoh masa sebelum krisis ekonomi, tetapi menerima kesan sebaliknya iaitu negatif selepas krisis ekonomi. Terdapat juga sektor yang mana sebelum krisis menerima kesan negatif dan menerima kesan positif selepas krisis. Malah





ada juga sektor yang menerima kesan yang sama (iaitu sama ada positif atau negatif) bagi sebelum dan selepas krisis.

Analisis tata tanda ini penting kepada para pelabur dan bakal pelabur dalam membantu mereka membuat keputusan pelaburan. Hal ini kerana, pelabur bakal pelabur dapat tahu sektor mana yang berpotensi untuk dilaburkan. Di samping itu, para pelabur dan bakal pelabur dapat mengetahui sektor mana yang menerima kesan negatif sekiranya berlakunya kejutan dalam ekonomi. Sektor yang dijangka menerima kesan negatif sudah semestinya akan dielakkan oleh pelabur dan para pelabur untuk melabur. Keadaan ini menyebabkan para pelabur yang ada dalam sektor tersebut akan beralih kepada sektor lain yang dapat memberikan pulangan yang tinggi. Hal ini kerana, menurut Ibrahim (2008), apabila pulangan para pelabur dalam sesuatu sektor itu merosot dapat menyebabkan para pelabur sedia ada akan beralih kepada sektor lain.





Jadual 4.7

Analisis tata tanda pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor terpilih di Malaysia

		MR_t	$VOLreer_t$	$Rreer_t$	$OILp_t$	$InFr_t$	WC_t
Perdagangan & Perkhidmatan	Model penuh	+	-	-	-	+	-
	Sebelum krisis	+	-	+	+	-	
	Selepas krisis	+	+	-	-	+	
Teknologi	Model penuh	-	-	+	-	+	-
	Sebelum krisis	-	+	-	-	-	
	Selepas krisis	+	-	+	-	-	
Hartanah	Model penuh	+	-	-	-	-	-
	Sebelum krisis	+	-	-	-	-	
	Selepas krisis	+	+	-	-	+	
Perladangan	Model penuh	+	+	+	+	-	+
	Sebelum krisis	+	+	-	+	+	
	Selepas krisis	+	+	+	+	+	
Perlombongan	Model penuh	+	+	+	+	+	+
	Sebelum krisis	+	+	+	-	-	
	Selepas krisis	+	-	-	-	+	
Perindustrian	Model penuh	+	-	+	-	-	+
	Sebelum krisis	+	-	+	+	-	
	Selepas krisis	+	-	+	-	-	
Kewangan	Model penuh	+	+	-	+	-	-
	Sebelum krisis	+	+	-	-	+	
	Selepas krisis	+	-	+	+	+	
Produk Pengguna	Model penuh	+	+	-	-	-	+
	Sebelum krisis	+	+	-	+	+	
	Selepas krisis	+	-	-	-	+	
Pembinaan	Model penuh	+	-	+	-	-	+
	Sebelum krisis	+	-	-	-	+	
	Selepas krisis	+	-	+	-	+	





4.9 Analisis Risiko Pemboleh ubah Tidak Bersandar Terhadap Pulangan Sektor Pasaran Saham Terpilih Di Malaysia

Jadual 4.8 adalah merupakan ringkasan analisis risiko pemboleh ubah makroekonomi (pulangan pasaran utama Malaysia, kemeruapan kadar pertukaran asing & kadar inflasi) dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan saham bagi sembilan sektor terpilih dalam kajian ini. Jadual ini telah menggabungkan hasil analisis risiko bagi ketiga-tiga model iaitu model data penuh, model data regim sebelum krisis dan model data regim selepas krisis ekonomi. Ini bertujuan bagi memudahkan untuk membuat perbandingan sektor mana yang berisiko tinggi dan dijangka memberikan pulangan yang tinggi bagi model data penuh, model data regim sebelum krisis dan model data regim selepas krisis. Tanda (/) menunjukkan bahawa sektor itu adalah berisiko tinggi untuk dilaburkan oleh para pelabur dan bakal pelabur.



Hasil daripada analisis regarsi terhadap ketiga-tiga model penganggaran, didapati bahawa setiap pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia memberikan risiko yang berbeza-beza ke atas setiap sektor yang terpilih di Malaysia. Terdapat sektor yang berisiko tinggi akibat berlaku kejutan dalam faktor pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia. Namun begitu, apa yang menariknya, terdapat juga sektor yang dijangkakan memberikan pulangan yang tinggi, contohnya sektor perladangan. Walaupun berlaku ketidakstabilan dalam faktor pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia seperti penurunan pulangan pasaran saham utama Malaysia iaitu KLCI FTSE namun pulangan pasaran saham bagi sektor perladangan tetap dijangka memberikan pulangan yang tinggi kepada pelabur. Jika dilihat pula risiko setiap sektor bagi sebelum dan selepas





krisis didapati bahawa juga wujud perbezaan risiko antara setiap sektor. Terdapat sektor yang mana sebelum krisis adalah berisiko tinggi namun dijangka memberikan pulangan yang tinggi selepas krisis dan sebaliknya. Selain itu, terdapat juga sektor yang berisiko bagi kedua-dua tempoh regim masa tersebut iaitu sebelum dan selepas krisis ekonomi.

Sebagai pelabur, mereka boleh memilih untuk melabur dengan sektor yang dijangkakan memberikan pulangan yang tinggi. Namun begitu, walaupun terdapat sektor yang berisiko tinggi mereka masih boleh lagi melabur, tetapi perlu lihat sama ada sektor tersebut menerima kesan positif atau kesan sebaliknya negatif. Selain penting untuk pelabur dan para pelabur menjangkakan sektor mana yang memberikan pulangan yang tinggi akibat perubahan atau ketidakstabilan faktor pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia.





Jadual 4.8

Analisis risiko pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor terpilih di Malaysia

		MR_t	$VOLreer_t$	$Rreer_t$	$OILp_t$	$InFr_t$	WC_t
Perdagangan & Perkhidmatan	Model penuh	/	/	/	/	/	/
	Sebelum krisis	/	/	/	/	/	
	Selepas krisis		/	/	/	/	
Teknologi	Model penuh	/	/	/	/	/	/
	Sebelum krisis	/	/	/	/	/	
	Selepas krisis	/	/		/	/	
Hartanah	Model penuh		/	/	/	/	/
	Sebelum krisis		/	/	/	/	
	Selepas krisis		/	/	/	/	
Perladangan	Model penuh		/	/	/	/	/
	Sebelum krisis		/	/	/	/	
	Selepas krisis	/	/	/	/	/	
Perlombongan	Model penuh	/	/	/	/	/	
	Sebelum krisis	/	/	/	/	/	
	Selepas krisis		/	/	/	/	
Perindustrian	Model penuh	/	/	/	/	/	/
	Sebelum krisis	/	/	/	/	/	
	Selepas krisis	/	/	/	/	/	
Kewangan	Model penuh		/	/	/	/	/
	Sebelum krisis	/	/	/	/	/	
	Selepas krisis		/	/	/	/	
Produk Pengguna	Model penuh		/	/	/	/	/
	Sebelum krisis	/	/	/	/	/	
	Selepas krisis		/	/	/	/	
Pembinaan	Model penuh	/	/	/	/	/	/
	Sebelum krisis		/	/	/	/	
	Selepas krisis	/	/	/	/	/	





4.10 Ringkasan Pengujian Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini terdapat tiga hipotesis yang telah dibina berdasarkan kepada kajian-kajian lepas. Kesemua hipotesis ini telah diuji bagi mendapatkan hasil sama ada ianya menyokong hipotesis tersebut atau sebaliknya. Keputusan terhadap pengujian hipotesis kajian ini telah diringkaskan dalam jadual-jadual di bawah. Berikut merupakan hipotesis yang pertama:

H_0 : Tidak wujud pengaruh pulangan pasaran saham papan utama dalam model penganggaran terhadap pulangan pasaran saham sembilan sektor utama terpilih di Malaysia iaitu Perdagangan & Perkhidmatan, Teknologi, Hartanah, Perladangan, Perlombongan, Perindustrian, Kewangan, Produk Pengguna dan Pembinaan.



Jadual 4.9

Ringkasan hasil pengujian hipotesis alternatif kajian pulangan pasaran saham utama

Sektor	Data Penuh	Data Sebelum Krisis	Data Selepas Krisis
Perdagangan & Perkhidmatan	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Teknologi	Tolak H_0	Terima H_0	Tolak H_0
Hartanah	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Perladangan	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Perlombongan	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Perindustrian	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Kewangan	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Produk Pengguna	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Pembinaan	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0





Jadual 4.9 merupakan ringkasan bagi pengujian hipotesis yang pertama bagi ketiga-tiga model penganggaran. Hasil pengujian mendapati hanya sektor teknologi sahaja yang terima H_0 iaitu semasa regim sebelum krisis ekonomi dunia 2008. Ini bermakna pulangan pasaran saham utama Malaysia tidak mempunyai pengaruh terhadap pulangan pasaran saham bagi sektor teknologi. Seterusnya, pengujian hipotesis kajian yang kedua iaitu:

H_0 : Tidak wujud pengaruh faktor pemboleh ubah makroekonomi (iaitu: kadar pertukaran asing dan kadar inflasi) serta faktor harga minyak mentah dunia keatas pulangan saham sembilan sektor utama terpilih di Malaysia iaitu Perdagangan & Perkhidmatan, Teknologi, Hartanah, Perladangan, Perlombongan, Perindustrian, Kewangan, Produk Pengguna dan Pembinaan.



Jadual 4.10

Ringkasan hasil pengujian hipotesis alternatif kajian bagi data penuh

Sektor	$VOLreer_t$	$Rreer_t$	$OILp_t$	$InFr_t$
Perdagangan & Perkhidmatan	Tolak H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Teknologi	Tolak H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Hartanah	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Perladangan	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Perlombongan	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Perindustrian	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Kewangan	Terima H_0	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0
Produk Pengguna	Tolak H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Pembinaan	Tolak H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Tolak H_0





Jadual 4.11

Ringkasan hasil pengujian hipotesis alternatif kajian bagi data sebelum krisis ekonomi dunia 2008

Sektor	$VOLreer_t$	$Rreer_t$	$OILp_t$	$InFr_t$
Perdagangan & Perkhidmatan	Tolak H_0	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0
Teknologi	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Hartanah	Terima H_0	Tolak H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Perladangan	Terima H_0	Terima H_0	Terima H_0	Terima H_0
Perlombongan	Tolak H_0	Tolak H_0	Terima H_0	Terima H_0
Perindustrian	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Kewangan	Tolak H_0	Terima H_0	Terima H_0	Terima H_0
Produk Pengguna	Tolak H_0	Terima H_0	Terima H_0	Terima H_0
Pembinaan	Tolak H_0	Tolak H_0	Terima H_0	Terima H_0



Jadual 4.12

Ringkasan hasil pengujian hipotesis alternatif kajian bagi data selepas krisis ekonomi dunia 2008

Sektor	$VOLreer_t$	$Rreer_t$	$OILp_t$	$InFr_t$
Perdagangan & Perkhidmatan	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Teknologi	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0	Tolak H_0
Hartanah	Tolak H_0	Tolak H_0	Terima H_0	Tolak H_0
Perladangan	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Perlombongan	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Perindustrian	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Kewangan	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Produk Pengguna	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0
Pembinaan	Terima H_0	Terima H_0	Tolak H_0	Terima H_0





Jadual 4.10, 4.11 dan 4.12 merupakan ringkasan bagi pengujian hipotesis kedua bagi kajian ini. Daripada jadual-jadual tersebut didapati bahawa pengaruh setiap pemboleh ubah bebas iaitu pemboleh ubah makroekonomi dan faktor harga minyak mentah dunia terhadap pulangan pasaran saham bagi sektor terpilih di Malaysia adalah berbeza-beza.

Berikutnya, akhir sekali ialah pengujian bagi hipotesis ketiga kajian ini. Berikut merupakan ringkasan bagi pengujian hipotesis ketiga:

H_0 : Tidak wujud pengaruh regim sebelum dan selepas krisis ekonomi dunia ke atas pulangan pasaran saham sembilan sektor utama terpilih di Malaysia iaitu Perdagangan & Perkhidmatan, Teknologi, Hartanah, Perladangan, Perlombongan, Perindustrian, Kewangan, Produk Pengguna dan Pembinaan.

Jadual 4.13

Ringkasan hasil pengujian hipotesis alternatif kajian bagi pemboleh ubah krisis ekonomi dunia 2008

Sektor	Krisis Ekonomi Dunia 2008
Perdagangan & Perkhidmatan	Tolak H_0
Teknologi	Tolak H_0
Hartanah	Tolak H_0
Perladangan	Tolak H_0
Perlombongan	Tolak H_0
Perindustrian	Tolak H_0
Kewangan	Terima H_0
Produk Pengguna	Tolak H_0
Pembinaan	Tolak H_0





Hasil pengujian hipotesis dalam Jadual 4.13, didapati hanya sektor kewangan sahaja yang menerima H_0 atau lebih tepat lagi ialah tidak wujud pengaruh regim sebelum dan selepas krisis ekonomi dunia ke atas pulangan pasaran saham bagi sektor tersebut. Ini bermakna sektor ini tidak terkesan akibat berlakunya krisis ekonomi dunia pada tahun 2008.

4.11 Ujian Diognistik

Ujian diagnostik merupakan antara ujian yang terdapat dan perlu dilakukan bagi analisis regresi. Ujian-ujian ini dijalankan bagi untuk menilai ketepatan, kesignifikanan dan kebagusan model (Fuad Mohamed Berawi, 2016). Dalam kajian ini telah menggunakan tiga jenis ujian diognistik iaitu heteroskidastisiti, multikolineariti dan autokorelasi.

4.11.1 Ujian Diognistik Model Penganggaran Data Penuh

4.11.1.1 Heroskidastisiti

Masalah heteroskidastisiti ini ialah wujudnya masalah di mana nilai varian yang tidak malar. Hal ini telah melanggar salah satu daripada andaian model regresi linear klasik ialah varian kepada tiap-tiap cerapan terma gangguan (*disturbance term*), iaitu varian u_t adalah malar (*constant*). Jika andaian ini dipenuhi ia dikenali sebagai homoskedastisiti yang merujuk kepada variasi atau varian yang sama iaitu





$\text{var}(u_t) = E(u_t)^2 = \sigma^2$. Tetapi jika tidak dipenuhi terdapatlah apa yang dikenali sebagai heteroskedastisiti, iaitu variannya berubah-ubah.

Jadual 4.14

Keputusan Nilai F bagi menguji kehadiran masalah heteroskidastisiti dengan menggunakan Ujian Park bagi model penganggaran data penuh

Pemboleh ubah	Model Penganggaran Data Penuh yang asal		Model Penganggaran Data Penuh yang baru (Ujian Park)	
	F – stats (Prob)	Statistik Ujian 1 Tile ($\alpha = 0.005$)	F – stats (Prob)	Statistik Ujian 1 Tile ($\alpha = 0.005$)
Perdagangan & Perkhidmatan	2456.058	4.400	1.988	4.400
Teknologi	69.120	4.400	4.058	4.400
Hartanah	176.847	4.400	2.756	4.400
Perladangan	315.011	4.400	3.494	4.400
Perlombongan	28.462	4.400	2.274	4.400
Perindustrian	542.409	4.400	3.797	4.400
Kewangan	1316.407	4.400	1.579	4.400
Produk Pengguna	524.719	4.400	.821	4.400
Pembinaan	108.342	4.400	4.301	4.400

Hasil keputusan ujian F bagi model Penganggaran Data Penuh yang asal menunjukkan bahawa $F^* > F_{\alpha = 0.05, V_1, V_2}$ didapati kesemua pemboleh ubah terangkan mempunyai hubungan yang signifikan dalam menerangkan pulangan pasaran saham sektor terpilih di Malaysia. Bagi menguji kehadiran heteroskedastisiti maka model penganggaran asal tadi akan diubah yang mana pemboleh ubah bersandar merupakan reja (Rujuk pengiraan reja pada bab 3 dalam sub-bab 3.6). Jika dilihat kepada nilai ujian F bagi model penganggaran yang baru didapati bahawa $F^* < F_{\alpha = 0.05, V_1, V_2}$. Ini bermakna kesemua pemboleh ubah terangkan adalah tidak signifikan dalam $\ln \hat{u}_i^2$.





Maka ianya menunjukkan bahawa tidak wujud masalah heteroskidastisiti bagi Model Penganggaran Data Penuh yang asal.

4.11.1.2 Multikolineariti

Multikolineariti ini ialah masalah yang mana terdapatnya hubungan yang sempurna atau *perfect correlation* dalam kalangan sebahagian pemboleh ubah tidak bersandar dalam sesuatu model. Ini bertentangan dengan salah satu andaian klasik bagi model regresi berbilang ialah tidak terdapat multikolineariti (*multicollinearity*) di kalangan pemboleh ubahbebas yang dimasukkan ke dalam model.



Nilai Tolerance dan VIF bagi menguji kehadiran multikolineariti untuk model penganggaran data penuh

Pemboleh Ubah	KLCI FTSE	Kemeruapan Kadar Pertukaran Asing	Pulangan Kadar Pertukaran Asing	Harga Minyak Mentah Dunia	Kadar Inflasi	Krisis Ekonomi Dunia 2008
Tolerance	.589	.934	.971	.571	.642	.708
VIF	1.699	1.070	1.030	1.753	1.558	1.412

Merujuk Fuad Mohamed Berawi (2016), nilai tolerance yang melebihi 0.1 dan juga nilai VIF kurang dari 10 menunjukkan bahawa tidak wujudnya masalah multikolineariti antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa kesemua nilai tolerance dan VIF menunjukkan bahawa tidak wujud masalah multikolineariti antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini iaitu pulangan pasaran saham bagi sektor terpilih,





KLCI FTSE, kemeruapan kadar pertukaran asing, pulangan kadar pertukaran asing, harga minyak mentah dunia, kadar inflasi dan juga krisis ekonomi dunia 2008.

4.11.1.3 Autokorelasi

Masalah autokorelasi wujud apabila terdapatnya hubungan antara ralat pada cerapan seterusnya dengan ralat pada cerapan yang pertama dalam sesuatu model penganggaran. Terma ralat pertama dan seterusnya tidak seharusnya bergantung kepada terma ralat pada masa sebelumnya. Ini bermakna, nilai ralat daripada cerapan (*observation*) yang pertama tidak boleh mempengaruhi nilai ralat daripada cerapan kedua, ketiga dan seterusnya.



Jadual 4.16

Ujian Durbin Watson bagi model penganggaran data penuh

Pembolehubah	D – W stats
Perdagangan & Perkhidmatan	0.355
Teknologi	0.535
Hartanah	0.224
Perladangan	0.230
Perlombongan	0.417
Perindustrian	0.245
Kewangan	0.152
Produk Pengguna	0.263
Pembinaan	0.134

1. Ujian Autokorelasi Pada Aras Keertian 1 %

Berdasarkan nilai Durbin – Watson hasil daripada analisis regarsi bagi model setiap sektor dalam jadual 4.16 menunjukkan bahawa kesemua model wujudnya masalah autokorelasi positif pada aras keyakinan 99 peratus. Ini dapat dilihat di dalam rajah 4.16



di mana kesemua nilai Durbin – Watson bagi model setiap sektor adalah di kawasan yang nilainya 0 hingga 1.543.

$$N = 159$$


$$K = 6$$

$$D_L = 1.543$$

$$D_U = 1.708$$

$$4 - D_L = 2.457$$

$$4 - D_U = 2.291$$



Rajah 4.1. Ujian uji masalah autokorelasi model penganggaran data penuh pada aras keertian 1%

2. Ujian Autokorelasi Pada Aras Keertian 5 %

Sama seperti ujian autokorelasi pada aras keyakinan 99 peratus, pada aras keyakinan 95 peratus ini juga menunjukkan bahawa model penganggaran bagi setiap sektor wujud masalah autokorelasi positif. Ini kerana semua nilai Durbin – Watson bagi model penganggaran setiap sektor berada di antara nilai 0 hingga 1.651.

$$N = 159$$


$$K = 6$$

$$D_L = 1.651$$

$$D_U = 1.817$$

$$4 - D_L = 2.349$$

$$4 - D_U = 2.183$$



Rajah 4.2. Ujian uji masalah autokorelasi model penganggaran data penuh pada aras keertian 5%

4.11.2 Ujian Diagnostik Model Penganggaran Data Sebelum Krisis Ekonomi Dunia 2008

4.11.2.1 Heteroskedastisiti

Masalah heteroskedastisiti ini ialah wujudnya masalah di mana nilai varian yang tidak malar. Hal ini telah melanggar salah satu daripada andaian model regresi linear klasik ialah varian kepada tiap-tiap cerapan terma gangguan (*disturbance term*), iaitu varian u_t adalah malar (*constant*). Jika andaian ini dipenuhi ia dikenali sebagai homoskedastisiti yang merujuk kepada variasi atau varian yang sama iaitu $\text{var}(u_t) = E(u_t)^2 = \sigma^2$. Tetapi jika tidak dipenuhi terdapatlah apa yang dikenali sebagai heteroskedastisiti, iaitu variannya berubah-ubah.



Jadual 4.17

Keputusan Nilai F bagi menguji kehadiran masalah heteroskidastisiti dengan menggunakan Ujian Park bagi model penganggaran data sebelum krisis ekonomi dunia 2008

Pembolehubah	Model Penganggaran Data Penuh yang asal		Model Penganggaran Data Penuh yang baru (Ujian Park)	
	F – stats (Prob)	Statistik Ujian 1 Tile ($\alpha = 0.005$)	F – stats (Prob)	Statistik Ujian 1 Tile ($\alpha = 0.005$)
Perdagangan & Perkhidmatan	1625.411	5.690	.863	5.690
Teknologi	142.224	5.690	1.276	5.690
Hartanah	58.947	5.690	3.134	5.690
Perladangan	202.392	5.690	1.549	5.690
Perlombongan	16.110	5.690	3.162	5.690
Perindustrian	476.376	5.690	5.126	5.690
Kewangan	998.336	5.690	4.320	5.690
Produk Pengguna	209.666	5.690	1.201	5.690
Pembinaan	94.432	5.690	1.665	5.690



Hasil keputusan ujian F bagi model Penganggaran Data Penuh yang asal menunjukkan bahawa $F^* > F_{\alpha = 0.05, V_1, V_2}$ didapati kesemua pemboleh ubah terangkan mempunyai hubungan yang signifikan dalam menerangkan pulangan pasaran saham sektor terpilih di Malaysia. Bagi menguji kehadiran heteroskidastisiti maka model penganggaran asal tadi akan diubah yang mana pemboleh ubah bersandar merupakan reja (Rujuk pengiraan reja pada bab 3 dalam sub-bab 3.6). Jika dilihat kepada nilai ujian F bagi model penganggaran yang baru didapati bahawa $F^* < F_{\alpha = 0.05, V_1, V_2}$. Ini bermakna kesemua pemboleh ubah terangkan adalah tidak signifikan dalam $Ln\hat{\mu}_i^2$. Maka ianya menunjukkan bahawa tidak wujud masalah heteroskidastisiti bagi Model Penganggaran Data Penuh yang asal.



4.11.2.2 Multikolineariti

Multikolineariti ini ialah masalah yang mana terdapatnya hubungan yang sempurna atau *perfect correlation* dalam kalangan sebahagian pemboleh ubah tidak bersandar dalam sesuatu model. Ini bertentangan dengan salah satu andaian klasik bagi model regresi berbilang ialah tidak terdapat multikolineariti (*multicollinearity*) di kalangan pemboleh ubah bebas yang dimasukkan ke dalam model.

Jadual 4.18

Nilai Tolerance dan VIF bagi menguji kehadiran multikolineariti untuk model penganggaran data sebelum krisis ekonomi dunia 2008

Pemboleh Ubah	KLCI FTSE	Kemeruapan Kadar Pertukaran Asing	Pulangan Kadar Pertukaran Asing	Harga Minyak Mentah Dunia	Kadar Inflasi
Tolerance	.223	.922	.836	.125	.241
VIF	4.487	1.085	1.196	8.022	4.147

Merujuk Fuad Mohamed Berawi (2016), nilai tolerance yang melebihi 0.1 dan juga nilai VIF kurang dari 10 menunjukkan bahawa tidak wujudnya masalah multikolineariti antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa kesemua nilai tolerance dan VIF menunjukkan bahawa tidak wujud masalah multikolineariti antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini iaitu pulangan pasaran saham bagi sektor terpilih, KLCI FTSE, kemeruapan kadar pertukaran asing, pulangan kadar pertukaran asing, harga minyak mentah dunia, kadar inflasi dan juga krisis ekonomi dunia 2008.

4.11.2.3 Autokorelasi

Masalah autokorelasi wujud apabila terdapatnya hubungan antara ralat pada cerapan seterusnya dengan ralat pada cerapan yang pertama dalam sesuatu model penganggaran. Terma ralat pertama dan seterusnya tidak seharusnya bergantung kepada terma ralat pada masa sebelumnya. Ini bermakna, nilai ralat daripada cerapan (*observation*) yang pertama tidak boleh mempengaruhi nilai ralat daripada cerapan kedua, ketiga dan seterusnya.

Jadual 4.19

Ujian Durbin Watson Bagi Model Penganggaran Data Sebelum Krisis Ekonomi Dunia 2008

Pembolehubah	D – W stats
Perdagangan & Perkhidmatan	0.644
Teknologi	0.747
Hartanah	0.452
Perladangan	0.319
Perlombongan	0.883
Perindustrian	0.634
Kewangan	0.981
Produk Pengguna	0.262
Pembinaan	0.442

1. Ujian Autokorelasi Pada Aras Keertian 1 %

Berdasarkan nilai Durbin – Watson hasil daripada analisis regarsi bagi model setiap sektor dalam jadual 4.19 menunjukkan bahawa kesemua model wujudnya masalah autokorelasi positif pada aras keyakinan 99 peratus. Ini dapat dilihat di dalam rajah 4.19 di mana kesemua nilai Durbin – Watson bagi model setiap sektor adalah di kawasan yang nilainya 0 hingga 1.249.

$$N = 59$$


$$K = 5$$

$$D_L = 1.249$$

$$D_U = 1.598$$

$$4 - D_L = 2.751$$

$$4 - D_U = 2.402$$



Rajah 4.3. Ujian uji masalah autokorelasi model penganggaran data sebelum krisis ekonomi dunia 2008 pada aras keertian 1%

2. Ujian Autokorelasi Pada Aras Keertian 5 %

Sama seperti ujian autokorelasi pada aras keyakinan 99 peratus, pada aras keyakinan 95 peratus ini juga menunjukkan bahawa model penganggaran bagi setiap sektor wujud masalah autokorelasi positif. Ini kerana semua nilai Durbin – Watson bagi model penganggaran setiap sektor berada di antara nilai 0 hingga 1.408.

$$N = 59$$


$$K = 5$$

$$D_L = 1.408$$

$$D_U = 1.767$$

$$4 - D_L = 2.592$$

$$4 - D_U = 2.223$$



Rajah 4.4. Ujian uji masalah autokolerasi model penganggaran data sebelum krisis ekonomi dunia 2008 pada aras keertian 5%

4.11.3 Ujian Diagnostik Model Penganggaran Data Selepas Krisis Ekonomi Dunia 2008

4.11.3.1 Heteroskedastisiti

Masalah heteroskedastisiti ini ialah wujudnya masalah di mana nilai varian yang tidak malar. Hal ini telah melanggar salah satu daripada andaian model regresi linear klasik ialah varian kepada tiap-tiap cerapan terma gangguan (*disturbance term*), iaitu varian u_t adalah malar (*constant*). Jika andaian ini dipenuhi ia dikenali sebagai homoskedastisiti yang merujuk kepada variasi atau varian yang sama iaitu $\text{var}(u_t) = E(u_t)^2 = \sigma^2$. Tetapi jika tidak dipenuhi terdapatlah apa yang dikenali sebagai heteroskedastisiti, iaitu variannya berubah-ubah.



Jadual 4.20

Keputusan Nilai F bagi menguji kehadiran masalah heteroskidastisiti dengan menggunakan Ujian Park bagi model penganggaran data selepas krisis ekonomi dunia 2008

Pembolehubah	Model Penganggaran Data Penuh yang asal		Model Penganggaran Data Penuh yang baru (Ujian Park)	
	F – stats (Prob)	Statistik Ujian 1 Tile ($\alpha = 0.005$)	F – stats (Prob)	Statistik Ujian 1 Tile ($\alpha = 0.005$)
Perdagangan & Perkhidmatan	1098.735	5.660	.970	5.660
Teknologi	16.401	5.660	2.019	5.660
Hartanah	253.669	5.660	2.713	5.660
Perladangan	161.499	5.660	2.238	5.660
Perlombongan	44.595	5.660	4.521	5.660
Perindustrian	219.833	5.660	4.622	5.660
Kewangan	937.708	5.660	5.630	5.660
Produk Pengguna	431.047	5.660	1.287	5.660
Pembinaan	46.784	5.660	2.263	5.660



Hasil keputusan ujian F bagi model Penganggaran Data Penuh yang asal menunjukkan bahawa $F^* > F_{\alpha = 0.05, V_1, V_2}$ didapati kesemua pemboleh ubah terangkan mempunyai hubungan yang signifikan dalam menerangkan pulangan pasaran saham sektor terpilih di Malaysia. Bagi menguji kehadiran heteroskidastisiti maka model penganggaran asal tadi akan diubah yang mana pemboleh ubah bersandar merupakan raja (Rujuk pengiraan raja pada bab 3 dalam sub-bab 3.6). Jika dilihat kepada nilai ujian F bagi model penganggaran yang baru didapati bahawa $F^* < F_{\alpha = 0.05, V_1, V_2}$. Ini bermakna kesemua pemboleh ubah terangkan adalah tidak signifikan dalam $Ln\hat{\mu}_i^2$. Maka ianya menunjukkan bahawa tidak wujud masalah heteroskidastisiti bagi Model Penganggaran Data Penuh yang asal.



4.11.3.2 Multikolineariti

Multikolineariti ini ialah masalah yang mana terdapatnya hubungan yang sempurna atau *perfect correlation* dalam kalangan sebahagian pemboleh ubah tidak bersandar dalam sesuatu model. Ini bertentangan dengan salah satu andaian klasik bagi model regresi berbilang ialah tidak terdapat multikolineariti (*multicollinearity*) di kalangan pemboleh ubah bebas yang dimasukkan ke dalam model.

Jadual 4.21

Nilai Tolerance dan VIF bagi menguji kehadiran multikolineariti untuk model penganggaran data selepas krisis ekonomi dunia 2008

Pemboleh Ubah	KLCI FTSE	Kemeruapan Kadar Pertukaran Asing	Pulangan Kadar Pertukaran Asing	Harga Minyak Mentah Dunia	Kadar Inflasi
Tolerance	.715	.852	.987	.931	.840
VIF	1.398	1.173	1.013	1.074	1.190

Merujuk Fuad Mohamed Berawi (2016), nilai tolerance yang melebihi 0.1 dan juga nilai VIF kurang dari 10 menunjukkan bahawa tidak wujudnya masalah multikolineariti antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa kesemua nilai tolerance dan VIF menunjukkan bahawa tidak wujud masalah multikolineariti antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini iaitu pulangan pasaran saham bagi sektor terpilih, KLCI FTSE, kemeruapan kadar pertukaran asing, pulangan kadar pertukaran asing, harga minyak mentah dunia, kadar inflasi dan juga krisis ekonomi dunia 2008.

4.11.3.3 Autokorelasi

Masalah autokorelasi wujud apabila terdapatnya hubungan antara ralat pada cerapan seterusnya dengan ralat pada cerapan yang pertama dalam sesuatu model penganggaran. Terma ralat pertama dan seterusnya tidak seharusnya bergantung kepada terma ralat pada masa sebelumnya. Ini bermakna, nilai ralat daripada cerapan (*observation*) yang pertama tidak boleh mempengaruhi nilai ralat daripada cerapan kedua, ketiga dan seterusnya.

Jadual 4.22

Ujian Durbin Watson bagi model penganggaran data selepas krisis ekonomi dunia 2008

Pembolehubah	D – W stats
Perdagangan & Perkhidmatan	0.398
Teknologi	0.444
Hartanah	0.488
Perladangan	0.330
Perlombongan	0.469
Perindustrian	0.590
Kewangan	0.372
Produk Pengguna	0.406
Pembinaan	0.359

1. Ujian Autokorelasi Pada Aras Keertian 1 %

Berdasarkan nilai Durbin – Watson hasil daripada analisis regarsi bagi model setiap sektor dalam jadual 4.22 menunjukkan bahawa kesemua model wujudnya masalah autokorelasi positif pada aras keyakinan 99 peratus. Ini dapat dilihat di dalam rajah 4.22 di mana kesemua nilai Durbin – Watson bagi model setiap sektor adalah di kawasan yang nilainya 0 hingga 1.425.

$$N = 93$$


$$K = 5$$

$$D_L = 1.425$$

$$D_U = 1.642$$

$$4 - D_L = 2.575$$

$$4 - D_U = 2.358$$



Rajah 4.5. Ujian uji masalah autokorelasi model penganggaran data selepas krisis ekonomi dunia 2008 pada aras keertian 1%

2. Ujian Autokorelasi Pada Aras Keertian 5 %

Sama seperti ujian autokorelasi pada aras keyakinan 99 peratus, pada aras keyakinan 95 peratus ini juga menunjukkan bahawa model penganggaran bagi setiap sektor wujud masalah autokorelasi positif. Ini kerana semua nilai Durbin – Watson bagi model penganggaran setiap sektor berada di antara nilai 0 hingga 1.557.

$$N = 93$$


$$K = 5$$

$$D_L = 1.557$$

$$D_U = 1.778$$

$$4 - D_L = 2.443$$

$$4 - D_U = 2.222$$



Rajah 4.6. Ujian uji masalah autokorelasi model penganggaran data selepas krisis ekonomi dunia 2008 pada aras keertian 5%

4.12 Rumusan

Berdasarkan kepada keputusan analisis regresi yang dijalankan terhadap tiga model penganggaran yang telah dibina, didapati ianya bahawa setiap pemboleh ubah tidak bersandar memberikan kesan yang berbeza keatas pulangan pasaran saham bagi sektor terpilih di Malaysia. Keadaan ini berbeza mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah keadaan ekonomi Malaysia yang berbeza seperti krisis ekonomi dunia 2008 yang menimpa Malaysia. Maka tidak mustahil akibat krisis ekonomi dunia ini mempengaruhi perbezaan kesan dan pengaruh setiap pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pulangan pasaran saham bagi setiap sektor yang terpilih.



BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN



5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan menyimpulkan hasil dapatan kajian ini di dalam bab empat secara terperinci. Selain itu, bab ini juga akan dibincangkan beberapa cadangan penyelesaian hasil dapatan daripada kajian ini dan cadangan untuk kajian masa hadapan yang sesuai dijalankan.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Pasaran saham merupakan salah satu penentu kepada kestabilan ekonomi bagi sesebuah negara. Menurut Olweny dan Kimani (2011), turun naik dalam pasaran saham dapat menunjukkan prestasi ekonomi sesebuah negara itu. Terdapat banyak faktor yang boleh





menjejaskan pasaran saham bagi sesebuah negara. Antaranya ialah faktor makroekonomi seperti kadar faedah, bekalan wang (M3), kadar inflasi dan kadar pertukaran asing mampu memberikan kesan kepada turun naik pasaran saham (Ozbay, 2009; Hunjra et al., 2014). Di samping itu, faktor harga minyak mentah dunia juga mampu memberikan kesan kepada pasaran sesebuah negara itu. Hasil kajian Lake dan Katrakilidis (2009), Adaramola (2012) dan Akomolafe dan Jonathan (2004) mendapati perubahan harga minyak mentah dunia juga mampu memberikan kesan ke atas pulangan pasaran saham sesebuah negara.

Secara aplikasinya, jangkaan pulangan pasaran saham bagi setiap sektor yang tinggi mampu menarik minat pelabur dan bakal pelabur untuk membuat pelaburan mereka terhadap sektor tersebut. Hal ini kerana tiada mana-mana para pelabur yang ingin melabur di dalam sektor yang berisiko tinggi dan keuntungannya yang lebih rendah daripada risiko yang mereka perlu hadapi. Namun begitu, walaupun terdapat sektor yang berisiko, para pelabur masih boleh lagi melabur dalam sesuatu sektor tersebut. Hal ini kerana walaupun beberapa sektor berisiko tinggi namun masih terdapat lagi sektor yang dijangka menerima kesan yang positif.

Seperti sedia maklum, faktor-faktor makroekonomi seperti kadar faedah, bekalan wang (M3), kadar inflasi dan kadar pertukaran asing mampu memberikan kesan kepada pulangan pasaran saham bagi setiap sektor dalam sesebuah negara. Maka menjadi tanggungjawab kepada para pelabur dan juga bakal pelabur untuk sentiasa lebih peka dengan keadaan semasa. Hal ini kerana jika secara kasarnya faktor makroekonomi ini dapat dikawal melalui dasar kerajaan namun ianya tetap perlu diberikan perhatian oleh pelabur dan bakal pelabur.





Misalnya, semasa kadar inflasi tinggi kerajaan akan melaksanakan dasar fiskal mengucup iaitu dengan meningkatkan kadar cukai dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan bagi tujuan mengurangkan perbelanjaan agregat untuk mengatasi masalah inflasi. Namun begitu, walaupun wujudnya dasar yang dapat mengawal kesan kadar inflasi, masih terdapat lagi sektor yang menerima kesan negatif akibat berlaku peningkatan kadar inflasi yang tinggi. Menurut Mousa, Al safi, Hasonah dan Abo-orabi (2012) tidak semua syarikat menawarkan perlindungan nilai yang sempurna terhadap inflasi dan masih ada lagi syarikat yang menerima kesan negatif akibat peningkatan kadar inflasi. Begitu juga hasil daripada kajian ini mendapati masih terdapat lagi sektor yang menerima kesan negatif daripada inflasi.

Bagi faktor harga minyak mentah didapati mampu memberikan kesan ke atas pulangan pasaran saham. Kenyataan ini disokong dengan peningkatan permintaan terhadap minyak mentah dunia telah menyebabkan harga minyak mentah dunia meningkat ke paras tertinggi (Yan, 2012). Bagi negara pengeksport minyak ini merupakan petanda baik kerana akan menikmati keuntungan yang tinggi namun sebaliknya bagi negara pengimport akan terpaksa membayar lebih bagi mendapat kuantiti yang sama (Shafi et al., 2015). Peningkatan harga ini sukar dikawal kerana ianya bergantung kepada permintaan pasaran. Mengikut teori Keynesian dalam kajian Yan (2012) semakin tinggi permintaan maka semakin tinggi harga minyak mentah dunia. Menurut Falzon dan Castillo (2013), kesan harga minyak ke atas pulangan pasaran saham bagi sektor adalah berbeza disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya, ialah kepentingan minyak sebagai sumber perbelanjaan atau pendapatan dalam industri tertentu, tahap perubahan harga sebagai tindak balas kepada perubahan harga minyak,





perlindungan nilai kebolehan, dan keanjalan permintaan minyak untuk pengeluaran industri.

Oleh sebab itu, kajian-kajian yang berkaitan amat penting dijalankan bagi tujuan untuk melihat pengaruh dan kesan faktor-faktor ini terhadap pulangan pasaran saham sesuatu sektor itu. Ini juga memudahkan para pelabur dan bakal pelabur untuk membuat rujukan dalam proses pembuatan keputusan pelaburan mereka. Selain itu, pelabur dan bakal pelabur perlu sentiasa peka dengan keadaan ekonomi semasa kerana ada beberapa faktor juga terkesan dengan keadaan ekonomi semasa misalnya akibat berlaku perubahan sektor ekonomi seperti berlakunya krisis ekonomi. Para pelabur juga perlu sensitif dan peka kepada sejarah-sejarah lama berkaitan dengan turun naik pulangan pasaran saham bagi sesuatu sektor itu. Hal ini kerana ianya dapat membantu para pelabur untuk menilai sektor mana yang selamat dan mampu memberikan jangkaan pulangan yang tinggi.

5.3 Kesimpulan Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada asas model CAPM menunjukkan bahawa pulangan pasaran saham utama Malaysia mempunyai hubungan yang signifikan dengan pulangan pasaran saham bagi setiap sektor yang terpilih dan ianya berhubung secara positif. Bermakna apabila pulangan pasaran saham utama Malaysia meningkat maka secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan pulangan pasaran saham bagi setiap sektor yang terpilih. Justeru, secara keseluruhannya kajian ini menyokong teori CAPM yang telah dijadikan asas kepada pembentukan model penganggaran bagi kajian ini.





Begitu juga dengan keputusan analisis regresi bagi model Adler dan Dumas menunjukkan bahawa pulangan pasaran saham utama Malaysia mempunyai hubungan yang signifikan dengan pulangan pasaran saham bagi setiap sektor yang terpilih dan berhubung secara positif. Namun begitu, satu lagi pemboleh ubah yang terdapat dalam model Adler dan Dumas iaitu pulangan kadar pertukaran asing, menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara pulangan kadar pertukaran asing dengan pulangan pasaran saham bagi setiap sektor yang terpilih. Walaupun tidak terdapat hubungan ianya tetap memberikan kesan keatas pulangan pasaran saham setiap sektor yang terpilih. Keadaan ini sama seperti hasil dapatan kajian Imdadullah (2012) yang mana walaupun kadar pertukaran asing mempunyai hubungan yang lemah dengan pulangan pasaran saham KSE 100, ianya tetap memberikan kesan yang negatif terhadap pulangan pasaran saham KSE 100 di Pakistan. Hasil analisis regresi model Adler dan Dumas bagi kajian ini juga menunjukkan bahawa enam daripada sembilan sektor terpilih menerima kesan yang positif iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, kewangan, produk pengguna dan pembinaan. Manakala selebihnya iaitu 3 sektor pula menerima kesan negatif dan sektor tersebut terdiri daripada sektor perladangan, perindustrian dan perlombongan.

Kajian yang telah dijalankan ini melibatkan tiga model penganggaran utama yang mana model penganggaran yang utama adalah model bagi data penuh. Seterusnya ialah model penganggaran bagi regim sebelum krisis dan model penganggaran regim selepas krisis. Asas kepada pembentukan model ini adalah berdasarkan kepada model CAPM dan model Adler dan Dumas. Penambahbaikan model telah dilakukan dengan menambahkan lagi beberapa pemboleh ubah yang sesuai berdasarkan kajian-kajian lepas. Antaranya ialah kadar pertukaran asing (kemaruapan kadar pertukaran asing dan





pulangan kadar pertukaran asing), harga minyak mentah dunia dan kadar inflasi. Maka ianya telah membentuk model penganggaran utama bagi kajian ini. Namun disebabkan wujudnya krisis ekonomi dunia pada 2008 menyebabkan model penganggaran utama ini telah dipecahkan kepada dua iaitu model penganggaran bagi sebelum krisis ekonomi dunia 2008 dan model penganggaran selepas krisis ekonomi dunia 2008.

Pembahagian model ini penting kerana jika diperhatikan berdasarkan beberapa kajian lepas, perubahan dalam faktor makroekonomi dan harga minyak mentah dunia ini turut dipengaruhi oleh faktor luar jangka seperti krisis dan kejutan dalam ekonomi. Misalnya kajian Asmy et al. (2009) di Malaysia mendapati semasa tempoh sebelum krisis ekonomi, kadar pertukaran memberikan kesan positif ke atas pasaran saham. Namun sebaliknya semasa tempoh wujud krisis ekonomi pula menunjukkan keputusan yang sebaliknya iaitu negatif. Dapatan He dan Zhao (2013) menemui kejutan harga minyak mentah dunia telah memberikan kesan yang negatif ke atas pasaran di China bagi sebelum krisis ekonomi 2008. Sebaliknya selepas krisis menunjukkan pasaran saham di China menerima kesan positif di atas kejutan harga minyak mentah dunia.

Berdasarkan kepada keputusan analisis regresi yang telah dijalankan terhadap tiga model penganggaran utama di dalam kajian ini, telah didapati pengaruh, kesan dan juga risiko bagi setiap pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar adalah berbeza-beza. Pemboleh ubah tidak bersandar adalah terdiri daripada pulangan pasaran utama saham Malaysia, kemeruapan kadar pertukaran asing, pulangan kadar pertukaran asing, harga minyak mentah dunia, kadar inflasi dan krisis ekonomi dunia 2008. Manakala pemboleh ubah bersandar pula adalah pulangan pasaran saham bagi sembilan sektor yang terpilih iaitu terdiri daripada sektor





perdagangan dan perkhidmatan, teknologi, hartanah, perladangan, perlombongan, perindustrian, kewangan, produk pengguna dan pembinaan.

Misalnya, jika dilihat kepada pemboleh ubah kemeruapan kadar pertukaran asing, hasil analisis regresi mendapati bahawa tidak semua sektor mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemeruapan kadar pertukaran asing. Namun begitu, kesannya tetap wujud sama ada ianya positif atau sebaliknya negatif. Keputusan ini selari dengan keputusan kajian yang telah dijalankan oleh Ibrahim (2008) yang mana walaupun kadar pertukaran tidak mempunyai hubungan dengan pulangan pasaran saham bagi sektor, namun ianya tetap dapat memberikan kesan sama ada ianya kesan positif atau sebaliknya iaitu negatif. Selain itu, ianya juga bergantung kepada regim masa iaitu sebelum dan selepas krisis ekonomi dunia 2008. Ini boleh dilihat yang mana



sebelum krisis kemeruapan kadar pertukaran asing mempunyai hubungan yang signifikan dengan pulangan pasaran saham sektor perdagangan dan perkhidmatan, perlombongan dan perindustrian. Namun selepas krisis hanya wujud hubungan dengan sektor teknologi sahaja.

Seterusnya, jika dilihat kepada kesan setiap pemboleh ubah tidak bersandar ke atas pulangan pasaran saham bagi setiap sektor terpilih juga didapati berbeza-beza mengikut sektor. Terdapat sektor yang menerima kesan positif akibat berlaku kejutan dalam pemboleh ubah tidak bersandar dan terdapat juga sektor yang menerima kesan yang sebaliknya iaitu negatif. Misalnya bagi kemeruapan kadar pertukaran asing jika dilihat sebelum krisis hanya menjejaskan atau memberikan kesan negatif terhadap pulangan pasaran saham empat sektor sahaja iaitu sektor perdagangan dan perkhidmatan, hartanah, perindustrian dan pembinaan. Namun selepas krisis ianya telah





memberikan kesan negatif terhadap pulangan pasaran saham bagi tujuh sektor berbanding empat sektor bagi sebelum krisis. Begitu juga dengan harga minyak mentah dunia yang mana sebelum krisis ekonomi dunia 2008 terdapat lima sektor yang menerima kesan negatif akibat peningkatan harga minyak mentah dunia, namun meningkat kepada tujuh sektor yang menerima kesan negatif bagi tempoh selepas krisis.

Selain itu, dapatan analisis regresi dalam kajian ini juga mendapati bahawa risiko bagi setiap sektor juga berbeza-beza. Setiap perubahan dalam pemboleh ubah tidak bersandar memberikan risiko yang berbeza terhadap setiap sektor yang terpilih. Begitu juga jika mengikut regim masa risiko setiap sektor adalah berbeza-beza. Jika dilihat kepada hasil analisis regresi dalam kajian ini mendapati bahawa semua sektor



ada berisiko tinggi sama ada sebelum atau selepas krisis ekonomi dunia 2008 jika berlaku kenaikan dalam kemeruapan kadar pertukaran asing. Begitu juga dengan harga minyak dan kadar inflasi yang menunjukkan bahawa semua sektor adalah berisiko tinggi untuk dilaburkan sekiranya berlaku peningkatan dalam harga minyak mentah dunia dan kadar inflasi. Sedikit berbeza dengan keputusan pulangan kadar pertukaran asing yang mana hasil kajian mendapati bahawa sektor perlombongan adalah sektor yang dijangka memberikan pulangan yang tinggi bagi tempoh sebelum krisis dan sektor teknologi selepas krisis.





5.4 Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini dapat memberikan maklumat penting kepada orang awam dan berguna kepada pemain ekonomi terutamanya pelabur pasaran saham, Pembuat polisi, bank pusat (Bank Negara Malaysia), ahli ekonomi dan peserta pasaran saham. Pihak-pihak tersebut haruslah lebih memahami keadaan trend Pasaran saham di Malaysia dan hubungan yang signifikan antara pulangan pasaran saham (KLCI) dengan kadar pertukaran asing, kadar inflasi dan harga minyak mentah dunia.

